

**KAJIAN TENTANG MAJALAH PADA ZAMAN
PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU
FOKUS: *FAJAR ASIA***

NORAZMAH RASHID

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2003/2004

**KAJIAN TENTANG MAJALAH PADA ZAMAN
PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU
FOKUS : *FAJAR ASIA***

OLEH

NORAZMAH RASHID

AEA 010438

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA
SASTERA DAN SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN SEJARAH
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA KUALA LUMPUR**

SEISI 2003/2004

Perpustakaan Universiti Malaya



A511572275

SEKALUNG PENGHARGAAN

Assalamualaikum Wth. Wbt,

Dengan nama Allah S.W.T yang maha pemurah lagi maha penyayang.

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinaNya dapat saya menyiapkan latihan Ilmiah ini dengan sempurna.

Diucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr Hamidin bin Abdul Hamid, Profesor Danny Wong Tze Ken, Profesor Datuk Dr. Ramlah Adam, Dr. Joseph M. Fernando dan Puan Mardiana Nordin iaitu penyelaras latihan ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya 2003/2004 yang telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat sehingga saya berjaya menyiapkan latihan ilmiah ini. Juga kepada semua tenaga pengajar dan kakitangan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya yang banyak mengulurkan bantuan. Terima kasih di atas budi dan jasa yang telah dicurahkan oleh kalian.

Jutaan terima kasih juga kepada Prof Dr. Aruna Gopinath selaku penyelia yang banyak memberikan pandangan, bimbingan serta meluangkan masa berbincang dalam membantu saya menyiapkan latihan ilmiah ini. Segala tunjuk ajar dan usaha profesor yang tidak pernah jemu dalam menyemak latihan ilmiah ini amat saya hargai. Bimbingan profesor amat bermakna bagi saya. Terima kasih atas segala ilmu yang dicurahkan

Sekalung penghargaan buat kedua ibu bapa, abang, kakak dan adik-adik diatas segala doa restu serta dorongan yang diberikan. Redhailah apa yang telah kalian curahkan dan mudah-mudahan Allah S.W.T sentiasa mengiringi kehidupan kita.

Buat teman-teman seperjuangan K.Su, Wan, Kay, Zura, Ruby, Gee, Ina dan teman-teman sekuliah yang sering membantu memberi idea, pandangan serta sokongan ... Terima kasih atas segala-galanya. Semoga persahabatan ini akan kekal terjalin sehinga ke akhir hayat. Insya Allah.

SEULAS BICARA

Alhamdulillah

Syukur kepadaMu yang esa dengan kekuatan dan ketabahan,
AnugerahMu yang tidak ternilai untukku menerimanya,
Dalam menggapai diri mencari selaut ilmu,
Untuk menghasilkan secebis penulisan,
Buat pengubat ketenangan jiwa.

Ayah Bonda

Yang dikasihi tanpa batas sempadan walau sesaat jua,
Tanpa iringan doa dan pohon restu kalian,
Tidak mampu puterimu ini melangkah,
Menuju puncak menara gading,
Impian dan harapan kalian,
Pastiku tunaikan,
Insya Allah.

Abang dan kakak

K. Long, A. Ngah, K. Dee, K. Teh, K. Chik dan K. Tam yang dihormati,
Kalianlah pendorong inspirasiku dalam mengejar segulung anugerah,
Jasa dan keprihatinan yang diberikan amat bernilai bagiku,
Dalam menempuh onar dan liku-liku kehidupan,
Demi meneroka mencari ilmu dunia akhirat,
Kusanjung budimu kekanda,
Terima kasih segalanya.

Adik-adik

Roha, Azmi dan Din penghibur hati pengubat jiwa,
Bersedialah menghadapi rintangan dugaan,
Bekalkanlah diri dengan selaut ilmu,
Kerana kalian bakal mewarisi,
Langkah kekandamu ini,
Kejayan milik kita,
Impian keluarga.

Anak-anak saudaraku

Ingatlah jalan kehidupan kalian masih panjang dan berliku,
Namun walau ketikil dan tanjau merintangi hidupmu,
Tiada benteng yang maha kuat kecuali padaNya,
Kerana itu kukuhkan jiwa insanimu,
Dengan iman, takwa dan ilmu,
Sebagai pedoman kehidupan,
Menuju era masa depan.
Yang gemilang...

F

Fajar terbit laksana mempelai
Alhamdulillah syukur Malai
Bersih chemerlang ta' dapat dinilai
Peningat kaum mana yang gagal

A

waslah fajar menyinsing pagi
njuran chakrawala alamat meninggi
kan menyinar menunjuk rangsi
lam diterangai tiap-tiap bahagi

J

ernih dan bersih Fajar Asia
uru penyeru Asia Raya
ejak langkah moga jaya
ampi hembusnya harap berbahagia

A

duhai! fajar terang bersinar
jak dan seru biarlah tenar
njung kaum kemerchu benar
hapuslah sekalian yang gila nanar

R

isalat yang kecil fajar umpama
ahsia tujuan bekerjasama
ahmat dicucuri tuhan A'lima
ianglah Timur selama-lama

A

mpun dan pimpin kaum sejajar
Ikhtiar tadbir aduhai fajar
mbillah taulan Nippon segar
ikhlas setia menunjuk mengajar

S

etelah fajar menunjuk rupa
ekalian ikhwani janganlah lupa
ambut dan bantu biar berupa
upaya Timur maju merepa

I

nilah tempoh inilah masa
khwan sekalian membuat jasa
katlah satu kaum dan bangsa
nsha Allah Timur sentosa

A

akhir kalam kami do'akan
llah jua kami pohonkan
suan Fajar barang diberkatkan
wal akhir didalam kebajikan

LOMAK

(FAJAR ASIA 27 SANGATSU 2603)

SENARAI KANDUNGAN

	<i>Halaman</i>
<i>Sinopsis</i>	<i>i</i>
<i>Daftar Istilah</i>	<i>ii</i>
<i>Pendahuluan</i>	<i>iii</i>
Bab I	
<i>Latar Belakang Penerbitan Fajar Asia</i>	
<i>Pengenalan</i>	<i>1</i>
<i>1.1 Bidang Penulisan Melayu Pada Zaman Pendudukan Jepun</i>	<i>2</i>
<i>1.2 Dasar Penerbitan Pada Zaman Pendudukan Jepun</i>	<i>11</i>
<i>1.3: Kemunculan Majalah Fajar Asia</i>	<i>15</i>
Bab II	
<i>Kandungan Majalah Fajar Asia</i>	
<i>Pengenalan</i>	<i>34</i>
<i>2.1 Sudut Kemasyarakatan</i>	<i>37</i>
<i>2.2 Sudut Kesenian Dan Kebudayaan Melayu</i>	<i>48</i>
<i>2.3 Wadah Propaganda Jepun Disebalik Penulisan Fajar Asia</i>	<i>51</i>
Bab III	
<i>Dasar Nasionalisme Dalam Majalah Fajar Asia</i>	
<i>Pengenalan</i>	<i>61</i>
<i>3.1 Perkembangan Nasionalisme Melayu</i>	<i>62</i>
<i>3.2 Sumbangan Fajar Asia Dalam Membangkitkan Nasionalisme Melayu</i>	<i>74</i>
<i>3.3 Keberkesanan Fajar Asia Dalam Membangkitkan Nasionalisme Melayu</i>	<i>95</i>

Bab IV

Berakhirnya Penerbitan Majalah Fajar Asia

Pengenalan	104
4.1 Faktor Pemberhentian Majalah Fajar Asia	105
4.2 Sumbangan Fajar Asia	108
4.3 Kesan Penerbitan Fajar Asia	117

Kesimpulan	126
-------------------	------------

Lampiran

Bibliografi

SINOPSIS

Bidang persuratkhabaran Melayu mula di rintis pada tahun 1876 iaitu dengan kelahiran *Jawi Peranakan*. Bidang ini kemudiannya telah berkembang dan sehingga Perang Dunia Kedua dianggarkan terdapat tidak kurang 183 jenis akhbar dan majalah Melayu yang diterbitkan. Ini menunjukkan terdapat usaha yang giat dikalangan orang Melayu untuk memajukan bidang ini.

Namun pada zaman pendudukan Jepun bidang persuratkhabaran Melayu telah mengalami kemerosotan, hanya 16 jenis akhbar dan majalah Melayu yang dikenali wujud pada zaman pemerintahan baru tersebut. Ini kerana pelbagai sekatan dan prosedur telah dikuatkuasakan oleh akta penerbitan Jepun yang berpusat di Singapura. Kuasa ini telah menjadikan bidang penerbitan sebagai salah satu alat penyampai propaganda kerana ia penting untuk mendapatkan sokongan dan kerjasama dari penduduk tempatan.

Majalah *Fajar Asia* yang dipelopori oleh Zainal Abidin Ahmad merupakan salah satu penerbitan yang wujud pada zaman pemerintahan Jepun yang juga tidak ketinggalan membawa mesej propaganda Jepun. Namun begitu penulis cuba menjadikannya medium untuk menaikkan sentimen perjuangan menentang penjajah dengan menanamkan semangat cintai tanah air khususnya dikalangan orang Melayu. Matlamat golongan penulis ini di sampaikan secara berselindung disebalik puji-pujian didalam penulisan rencana, pantun, syair, sajak dan juga bait-bait lagu yang terdapat di dalam majalah *Fajar Asia*.

Namun begitu, matlamat golongan penulis ini secara keseluruhannya gagal dicapai kerana beberapa kesulitan sama ada disebabkan oleh faktor luaran ataupun kelemahan *Fajar Asia* sendiri. Walaupun begitu, majalah yang sempat diterbitkan sebanyak 19 keluaran ini telah menjadi pelopor gerakan kemerdekaan kemudiannya sehinggalah Tanah Melayu akhirnya mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

DAFTAR ISTILAH

I.L.L	Indian Independence League
O.C.A	Overseas Chinese Association
K.M.M	Kesatuan Melayu Muda
K.M.S	Kesatuan Melayu Singapura
K.R.I.S	Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung
P.E.T.A	Tentera Pembela Tanah Air (Giyu-Gun)
M.P.S.I	Maktab Perguruan Sultan Idris
U.M.N.O	United Malay National Organization
M.P.A.J.A	Malayan People Anti Japanese Army

PENDAHULUAN

Tajuk Kajian

Latihan ilmiah ini bertujuan untuk mengkaji secara detail majalah *Fajar Asia* yang diterbitkan pada zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu iaitu sekitar tahun 1943 hingga 1945. Majalah ini merupakan salah satu penerbitan yang paling mendapat sambutan pada zaman disamping 15 jenis akhbar dan majalah yang diketahui wujud pada zaman tersebut.

Majalah *Fajar Asia* diterbitkan di Singapura oleh Sensei Malai Kensetsu Sha atau Pejabat Pembangunan Melayu Baru di bawah kelolaan Zainal Abidin Ahmad (ZA'BA). Majalah yang dikeluarkan dua kali sebulan ini ditulis dalam tulisan rumi dengan harga dua puluh lima sen senaskhah. Mempunyai ukuran lebar 8.4 inci dan panjang 10.8 inci tetapi bilangan mukasuratnya tidak tetap namun tidak melebihi 45 mukasurat dalam setiap keluaran. *Fajar Asia* hanya sempat diterbitkan sebanyak 19 keluaran sahaja iaitu bermula pada 25 Jun 1943 dan berakhir pada 10 April 1944.

Pengkaji menjadikan majalah ini sebagai fokus utama penyelidikan kerana ia merupakan majalah yang mendapat sambutan paling tinggi pada zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Penulisannya sentiasa berkaitan dengan isu-

isu semasa sama ada di dalam ataupun luar Tanah Melayu. Isi kandungannya juga bersesuaian dengan segenap lapisan masyarakat tanpa mengira batasan usia. Penerbitan *Fajar Asia* ini telah mendapat sokongan pelbagai pihak iaitu Duli Yang Maha Mulia sultan-sultan, ahli-ahli politik dan juga kerajaan Nippon sendiri.

Fajar Asia merupakan salah satu bahan penerbitan yang dijadikan medium propaganda Jepun, namun penulis masih berkesempatan menjadikan majalah ini penyemarak semangat nasionalisme kepada penduduk tempatan. Walaupun disampaikan secara tersirat namun mesej ini tetap berjaya menyedarkan penduduk betapa kejamnya pemerintahan kuasa Bushido tersebut. Walaupun matlamatnya tidak menyeluruh, namun atas usaha golongan wartawan inilah kemudiannya bangkit golongan yang memperjuangkan kemerdekaan di Tanah Melayu.

Kelebihan inilah yang menarik minat pengkaji untuk menganalisis secara detail majalah *Fajar Asia* ini dengan merangkumkan skop kajian kepada aspek latar belakang penerbitannya disamping menganalisis secara kritis maklumat-maklumat yang terkandung di dalam 19 naskhah majalah tersebut.

Pengkaji juga meninjau sejauhmana keberkesanan majalah ini dalam usahanya menyampaikan sentimen nasionalisme dikalangan penduduk tempatan. Kesan penerbitan sama ada jangka pendek dan panjang juga dikaji secara detail

begitu juga dengan faktor-faktor yang menyebabkan majalah yang mendapat sambutan ramai ini diberhentikan dari penerbitannya.

Permasalahan Kajian

Dalam menyiapkan latihan ilmiah ini pengkaji telah menjalankan tiga peringkat kerja iaitu pada peringkat pertama pengkaji menganalisis bahan-bahan yang berkaitan dengan majalah *Fajar Asia* dan juga bidang penulisan pada pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Setelah mengenal pasti bahan-bahan rujukan utama, peringkat kedua mula dijalankan iaitu mengumpul dan meneliti maklumat mengenai *Fajar Asia*. Seterusnya pada pada peringkat ketiga dan terakhir, barulah pengkaji membuat penulisan berdasarkan maklumat yang diperolehi dengan mengkategorikannya kepada sub-sub topik yang kecil.

Dalam membuat latihan ilmiah ini, pengkaji telah mendapat sokongan dan bantuan dari pelbagai pihak tetapi turut mengalami beberapa masalah terutama dalam mendapatkan naskhah akhbar dan majalah milik kerajaan mahupun persendirian yang disimpan di Arkib Negara. Namun dengan usaha jaya, pengkaji berjaya mendapatkan bahan-bahan tersebut walaupun terpaksa melalui pelbagai prosedur.

Kajian Semula Hasil-Hasil Penulisan

Sebelum ini terdapat banyak kajian yang dibuat berkaitan dengan majalah *Fajar Asia* terutama yang berkaitan dengan aspek penulisannya. Tetapi pengkajian tersebut tidak menumpukan secara khusus kepada majalah *Fajar Asia* sebaliknya dikaji bersama dengan majalah-majalah lain yang diterbitkan pada zaman Jepun.

Penulisan Drs.A.M. Iskandar Hj. Ahmad dalam bukunya *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka pada tahun 1980. Buku ini membincangkan keseluruhan akhbar dan majalah yang diterbitkan sepanjang tahun 1876 sehingga 1968 termasuklah serba sedikit mengenai bidang-bidang penerbitan yang wujud pada zaman Jepun. Disebabkan pengkajiannya tertumpu kepada semua akhbar dan majalah yang wujud sejak Tanah Melayu dijajah sehingga pembentukan Malaysia, jadi fokus mengenai *Fajar Asia* hanya dibincangkan seimbis lalu sahaja.

Walaupun begitu terdapat juga penulisan yang berkisar sepanjang pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Misalnya penulisan Puan Husayn dan Ismail Ahmad dalam buku *Puisi Zaman Jepun* terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka pada tahun 1978. Penulisan buku ini tertumpu mengenai karya-karya puisi yang ditulis pada zaman tersebut termasuklah puisi yang terkandung di dalam *Fajar Asia* seperti puisi *Asia Sudah Insaf*. Namun begitu, ia hanya membincang secara

khusus mengenai puisi sahaja tanpa meliputi keseluruhan isi kandungan majalah *Fajar Asia*.

Begitu juga dengan penulisan Arenawati iaitu *Cherpen Zaman Jepun Satu Kajian*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1968 yang menghimpunkan keseluruhan cerpen-cerpen yang terdapat pada zaman Jepun termasuklah cerpen yang terkandung di dalam majalah *Fajar Asia*.

Pengkajian yang hanya difokuskan kepada karya puisi dan cerpen ini sememangnya tidak meliputi keseluruhan isi kandungan dalam *Fajar Asia* yang secara keseluruhannya terdiri dari pelbagai bentuk penulisan seperti rencana, cerpen, puisi, sajak dan lagu.

Dalam hal inilah pengkaji cuba menjalankan satu kajian yang lebih menyeluruh mengenai *Fajar Asia*. Gabungan daripada hasil penulis-penulis terdahulu ini telah dijadikan panduan kepada pengkaji dalam menghasilkan latihan ilmiah bertajuk *Kajian Tentang Majalah Pada Zaman Pendudukan Jepun di Tanah Melayu Fokus: Fajar Asia* ini.

Kaedah Dan Sumber Kajian

Dalam menyiapkan latihan ilmiah ini, pengkaji telah menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan bagi mendapatkan sumber serta maklumat yang berkaitan

dengan majalah *Fajar Asia*. Pada peringkat awal pengkaji mengenalpasti kedudukan sumber-sumber yang berkaitan seterusnya membuat analisis terhadap bahan-bahan yang telah terkumpul sebelum mengadaptasikannya sebagai satu tulisan ilmiah.

Kajian perpustakaan telah dijalankan sejak awal lagi terutama di Perpustakaan Utama Universiti Malaya mengenai buku-buku, teks-teks Melayu, mikrofilem dan juga penulisan ilmiah yang berkaitan dengan majalah *Fajar Asia*. Arkib Negara juga banyak membantu pengkaji mendapatkan sumber-sumber maklumat mengenai *Fajar Asia* begitu juga dengan Dewan Bahasa Dan Pustaka yang banyak menyimpan khazanah-khazanah sejarah tanah air.

Selain membuat kajian perpustakaan, pengkaji turut mendapatkan sumber melalui temuramah terutama untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan secara langsung dengan masyarakat yang pernah melalui zaman pemerintahan Jepun. Ini kerana dalam kajian mengenai majalah yang terkenal pada zaman Jepun ini pengkaji turut mengambil kira reaksi masyarakat terhadap penerbitannya. Kaedah soal selidik yang dijalankan tertumpu kepada golongan tua yang mengalami sendiri fenomena tersebut pada zaman pendudukan Jepun.

Sumber sangat penting kepada pengkaji kerana ia dapat memberikan maklumat yang tepat serta fakta yang utuh dalam menghasilkan latihan ilmiah. Dalam hal ini pengkaji telah menggunakan dua pendekatan sumber iaitu sumber

utama dan sumber kedua. Sumber utama merupakan sumber yang diperolehi daripada bahan asli yang belum lagi ditafsirkan sementara sumber kedua pula ialah hasil kajian atau penulisan yang berlandaskan sumber utama tadi.

Dalam menghasilkan latihan ilmiah *Kajian Tentang Majalah Pada Zaman Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu Fokus: Fajar Asia* ini pengkaji telah menggunakan banyak sumber utama terutama naskhah-naskhah majalah *Fajar Asia* sendiri. Catatan dan beberapa fail tentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu juga amat penting dijadikan rujukan utama. Kebanyakan sumber rujukan utama ini diperolehi dari Perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya dan juga Arkib Negara Malaysia.

Sumber kedua yang digunakan oleh pengkaji ialah buku-buku seperti tulisan Drs. A.M. Iskandar, Pyan Hussein dan Ismail Ahmad, Arenawati, Radin Soekarno, Roff W.R dan banyak lagi yang berkaitan dengan *Fajar Asia* dan maklumat-maklumat yang berkaitan. Beberapa majalah dan juga latihan ilmiah serta tesis yang berkaitan secara langsung mengenai topik ini turut digunakan sebagai sumber kedua. Walaupun tidak mencatatkan keseluruhan maklumat yang diperlukan, namun sumber kedua ini banyak membantu pengkaji untuk mendapatkan data-data yang lebih lengkap.

Pengkaji turut menggunakan sumber lisan untuk menyokong fakta yang telah diperolehi dari sumber utama dan kedua. Pengkaji telah mengadakan sesi

temubual dengan golongan tua yang pernah hidup semasa zaman Nippon terutama mereka yang pernah membaca sendiri majalah *Fajar Asia* pada zaman penerbitannya dahulu. Dalam hal ini, pengkaji terpaksa berhati-hati kerana mungkin wujud penipuan maklumat kerana majalah tersebut sudah lama diterbitkan dan mungkin responden sudah lupa mengenainya.

Kedah dan sumber sememangnya sangat penting kepada pengkaji untuk mendapatkan sumber, seterusnya maklumat tersebut perlu dianalisis untuk menjadikannya satu fakta dalam bentuk penulisan ilmiah.

Pembahagian Bab

Berdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi, pengkaji telah menganalisis skop penulisan latihan ilmiah *Kajian Tentang Majalah Pada Zaman Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu Fokus: Fajar Asia* kepada empat bab yang utama dengan memberi penerangan yang mendalam bagi setiap bab.

Dalam bab satu, pengkaji telah menghuraikan secara detail mengenai latarbelakang penubuhan majalah *Fajar Asia* sehinggalah ianya diterbitkan dan diedarkan kepada umum. Skop penulisan dalam majalah ini dan tujuan penerbitannya juga dikaji secara mendalam. Pendokong di sebalik

penulisan *Fajar Asia* turut disenaraikan kerana dengan usaha merekalah majalah ini dapat diterbitkan..

Sebelum dikupas secara terperinci mengenai majalah ini, pengkaji terlebih dahulu menghuraikan tentang perkembangan bidang penulisan pada zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Pengkaji turut menyentuh mengenai perubahan yang berlaku dalam bidang penerbitan pada zaman kolonial British dengan zaman penjajahan Jepun. Sekatan-sekatan yang dikenakan oleh penguasa Jepun terhadap bidang penulisan dan juga huraian secara langsung mengenai majalah dan akhbar yang diterbitkan pada zaman tersebut.

Bab dua pula difokuskan kepada aspek penulisan yang terkandung di dalam *Fajar Asia* iaitu merangkumi ruangan yang berkaitan dengan masyarakat dan juga kesenian kebudayaan bangsa. Ruangan-ruangan ini meliputi ruangan belajar bahasa Jepun, kesenian bahasa, kebudayaan, perekonomian, pendidikan, adat resam Melayu, ruangan agama dan taman kanak-kanak juga sedikit huraian mengenai ruangan iklan di belakang setiap naskhah *Fajar Asia*.

Setelah membincangkan latar belakang dan kandungan *Fajar Asia* secara mendalam seterusnya bab tiga diterangkan secara detail mengenai dasar nasionalisme yang terdapat di dalam *Fajar Asia* dan juga keberkesanannya sebagai pembangkit nasionalisme Melayu. Ini kerana walaupun majalah ini mendokong wadah propaganda Jepun, namun penulis secara berselindung turut

menjadikannya medium penyemarak semangat nasionalisme untuk menentang kuasa Nippon Dai tersebut.

Dalam bab empat iaitu bab yang terakhir, pengkaji menghuraikan secara mendalam mengenai berakhirnya penerbitan majalah *Fajar Asia*. Dalam mengupas isu ini pengkaji turut mengenalpasti faktor, sumbangan dan kesan dari 19 naskhah perbitan *Fajar Asia* yang bermula dari 25 Jun 1943 dan berakhir pada 10 April 1944 iaitu pada tahun pertama bil 1 hingga 16 iaitu pada tahun 1943/1944 dan pada tahun kedua bilangan 1 hingga 3 iaitu pada tahun 1944.

Seterusnya pengkaji akan membuat satu rumusan melalui keempat-empat bab ini. Rumusan sangat penting kerana ia merangkumkan keseluruhan hasil penulisan dalam satu kesimpulan yang membolehkan kita memahami lebih jelas mengenai latihan ilmiah *Kajian Tentang Majalah Pada Zaman Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu Fokus: Fajar Asia* ini.

BAB 1

LATAR BELAKANG PENERBITAN MAJALAH *FAJAR ASIA*

Pengenalan

Tahun 1942 hingga 1945 merupakan jangkamasa yang penting dalam sejarah perkembangan di Tanah Melayu. Dalam tempoh tersebut Tanah Melayu berada di bawah kekuasaan tentera Jepun.¹ Kuasa dari Timur ini mula mendarat di Kota Bharu, Kelantan pada 8 Disember 1941 sebelum mara ke Jitra pada 12 Disember 1941, di Kedah pada 15 Disember, Miri pada 16 Disember dan pada 19 Disember Jepun terus menguasai Kuching dan Pulau-Pinang kemudian berjaya pula menduduki Ipoh pada 28 Disember 1941.

Jepun meneruskan misi dengan menduduki Kuala Lumpur pada 11 Januari 1942 kemudian penguasaan diteruskan ke Seremban pada 14 Januari kemudian ke Melaka pada 16 Januari dan Johor Bahru pada 31 Januari 1942.² Sehingga pada 15 Februari 1942, secara keseluruhannya Tanah Melayu dan Singapura telah dikuasai sepenuhnya oleh Jepun apabila Singapura yang merupakan pusat pentadbiran utama British telah dibom pada 14 Februari 1942.³

¹ Abdullah Zakaria, *Pentadbiran Tentera Jepun dan Thai di Terenggamu, 1942-1945*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1996, hlm. 1

² Khoo Kay Kim, *Selangor Dahulu Dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1985, hlm. 144

³ Ibid.

Selepas inilah, Jepun telah menduduki Tanah Melayu dan Singapura selama lebihkurang tiga setengah tahun sebelum dikuasai semula oleh British pada tahun 1945. Sepanjang tempoh pemerintahan Jepun, pelbagai perubahan telah dilakukan keatas struktur pentadbiran di Tanah Melayu dengan pusat pentadbiran diketuai oleh presiden atau Gunseikan.⁴

Seiring dengan penjajahan kolonoal baru ini, bidang penulisan Melayu turut mengalami perubahan. Pihak Jepun telah mengambilalih sepenuhnya keseluruhan bidang penyelenggaraan yang berkaitan dengan bidang ini serta mengenakan pelbagai prosedur sebelum sesuatu penerbitan itu diluluskan.

1.1: Bidang Penulisan Melayu Pada Zaman Pendudukan Jepun

Dalam usaha mengukuhkan kedudukan mereka di Tanah Melayu, Jepun telah menggunakan bidang penulisan seperti akhbar, majalah, risalah, buku, poster dan ucapan rasmi sebagai medium penyebar propaganda kepada panduduk tempatan. Bagi mencapai matlamat ini, bidang penulisan yang wujud pada masa tersebut telah diawasi secara teliti dengan memperkenalkan pelbagai prosedur dan akta-akta di bawah akta penerbitan yang diletakkan dibawah kuasa Pejabat Propaganda Jepun yang berpusat di Singapura.

⁴ Paul H.Kratoska, *The Japanese Occupation Of Malaya 1941-1945*, Australia: Allen & Unwin, 1998, hlm. 52

Jepun telah menerbitkan akhbar-akhbar khususnya akhbar berbahasa Melayu hampir di setiap bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang. Bahasa Melayu telah digunakan memandangkan bahasa Jepun dianggap tidak praktikal. Namun begitu, bahasa Cina, Tamil dan Bahasa Thai juga turut dibenarkan.⁵

Sementara itu, dalam menyekat wujudnya penentangan terhadap pemerintahan mereka, kuasa Timur ini tidak akan teragak-agak memberhentikan penulisan yang disyaki terdapat unsur-unsur tersebut. Tindakan Jepun ini telah menyebabkan bidang persuratkhabaran dan majalah Melayu mengalami kemerosotan yang teruk.

Dianggarkan hanya 16 jenis penulisan sahaja yang diterbitkan sekitar tahun 1942 hingga 1945 berbanding 183 jenis pada tahun sebelumnya. Daripada jumlah ini didapati pada tahun 1942 terdapat 14 buah penulisan yang terdiri daripada 9 jenis akhbar dan 5 majalah. Sementara, pada tahun 1943 diterbitkan pula dua jenis majalah dan akhbar yang menjadikan jumlahnya 16 buah penulisan sahaja.

⁵ United State, *Japanese Administration In Malaya*, Wasington DC: S.N., 1994, hlm. 27

Akhbar Dan Majalah Pada Zaman Jepun.

Zaman pendudukan Jepun memperlihatkan perubahan yang amat besar terhadap persuratkhabaran Melayu. Pertama kalinya akhbar-akhbar Melayu diletakkan di bawah kawalan langsung pihak pemerintah iaitu pihak pentadbiran Jepun yang berpusat di Singapura. Media di Singapura dan Tanah Melayu dijadikan oleh Jepun sebagai alat propaganda mereka dengan meletakkannya dibawah pengawasan dan pentadbiran Hodo Bu atau Pejabat Propaganda Tentera Jepun demi kepentingan kuasa mereka.⁶

Pada tahun 1942 akhbar-akhbar terdiri daripada *Penang Shinbun* yang diterbitkan di Pulau Pinang, akhbar *Cahaya Timur* diterbitkan di Ipoh pada 27 Februari 1942, *Matahari Terbit* yang juga dikenali *Matahari Shinbun* dikelolakan oleh Harun Abdullah, *Pancaran Matahari* yang diterbitkan pada 9 Januari 1942 atas persetujuan jawatankuasa kaum Melayu, akhbar *Perubahan Baharu* yang menggantikan akhbar *Majlis*, suratkhabar ini diterbitkan sehingga tamat perang di Tanah Melayu dengan harga sepuluh sen, *Berita Malai* dan *warta Malaya* yang terbit sehingga Ogos 1942 dan suratkhabar *Mat Surui* yang ditulis dalam empat halaman dengan harga satu sen senaskhah.⁷

⁶ Ibid.

⁷ Mohd Isa Othman, *Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu 1942-1943 (Tumpuan Di Negeri Kedah)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992, hlm. 107.

Sementara itu, lima jenis majalah pula ialah *Asia Baharu*, yang diterbitkan pada Jun 1942 dalam tiga bahasa utama iaitu bahasa Melayu, Cina dan Inggeris. Majalah *Matahari Memancar* pula diterbitkan pada hari Rabu, 1 Julai 1942 atas usaha sama Harun Aziz dan Noraini Jemain. Majalah *Cermin Hidup* hanya diterbitkan selama tiga bulan sahaja iaitu dari 20 Julai 1942 sehingga September 1942, antara pengarangnya ialah Abu Bakar Ahmad Salim. Majalah *Sinaran Matahari* yang diterbitkan sebagai majalah mingguan ini mula diterbitkan pada 24 Ogos 1942 sehingga 14 September 1942 dan majalah *Suara Timur* pula diterbitkan pada 1 Oktober 1942 oleh Haji Abdullah Jaafar.

Pada tahun 1943 barulah majalah *Fajar Asia* diterbitkan bersama-sama majalah *Semangat Asia* yang diterbitkan dalam tulisan jawi. Disamping itu, suratkhbar *Berita Perak* juga telah diterbitkan di Ipoh dan penerbitannya bertahan sehingga tahun 1945.

Sepanjang pemerintahan Jepun, akhbar dan majalah merupakan satu dakyah dan senjata bagi orang Jepun untuk melawan pihak Berikat. Pengarang-pengarang Melayu diberi kebenaran untuk menulis rencana, cerpen dan sajak yang akan membangkitkan semangat patriotisme iaitu berjuang untuk bangsa dalam menentang penjajahan barat. Pemerintahan Jepun juga memperdekatkan hubungan Malaya dengan Indonesia dan ini memberi kesempatan kepada mereka untuk bergaul dan bertukar-tukar fikiran.

Perkembangan Bidang Penulisan Pada Zaman Pendudukan Jepun

Kebanyakan suratkhbar dan majalah yang terbit sekitar tahun 1942 tidak dapat bertahan lama kerana menghadapi kesukaran kesan daripada prosedur ketat oleh pihak pentadbira kuasa Jepun. Malah terdapat beberapa syarikat penerbitan yang telah disita kerana diterbitkan atas nama persendirian terutama penerbit-penerbit bebas disekitar Muar, Melaka dan Johor.

Jepun tidak mahu dirumitkan dengan kerja-kerja kawalan dan penapisan terhadap akhbar keluaran penerbit bebas tersebut. Selain itu, akhbar yang didaftarkan atas nama Kesatuan Melayu Muda (KMM) juga turut diberhentikan seperti Suratkhbar *Sinar Matahari* dan *Cahaya Timur* kerana Jepun tidak mahu wujud persatuan dikalangan penduduk tempatan.

Walaupun begitu, terdapat juga akhbar dan majalah yang dapat bertahan dalam tempoh yang agak lama iaitu sehingga pengunduran Tentera Jepun dari Tanah Melayu. Ini kerana akhbar tersebut mendapat sokongan dari pihak Jepun yang bertujuan menjadikannya medium penyebar ideologi dan propaganda bagi meraih sokongan penduduk.⁸

⁸ Harun Che Su, *Pandang Ke Timur, Mengapa Jepun Jadi Pilihan*, Kuala Lumpur: Moden Akademik Institut Bena Syarikat S.H.Shahlan, 1982, hlm. 8

Suratkhobar *Perubahan Baharu* misalnya telah mendapat sokongan Gun Sanden Han sejak dari awal penerbitannya lagi iaitu pada tahun 1942 sehinggalah berakhirnya pemerintahan Jepun pada 1945. Begitu juga dengan *Berita Malai* yang diterbitkan sehingga 1945 dengan sokongan kuat Sanden Bu atau pejabat propaganda Jepun di Singapura.

Sementara itu, terdapat juga beberapa akhbar dan majalah yang berhenti semasa perang tetapi diterbitkan semula selepas pemerintahan Jepun dengan nama yang baru, misalnya suratkhobar *Majlis* diterbitkan semula dengan nama *Perubahan Baharu*,⁹ *Utusan Melayu* pula dikenali dengan nama *Berita Malai*. Walaupun begitu *Warta Malaya* yang diterbitkan semula tidak mengubah namanya tetapi hanya diterbitkan sehingga Ogos 1942 sahaja.¹⁰

Di negeri-negeri Melayu, bidang penerbitan turut berkembang dan mendapat sambutan hangat daripada penduduk tempatan. Di Perak, syarikat penerbitan Sanden Katyo telah berusaha menerbitkan *Berita Perak* pada 1943 bagi menggantikan majalah *Cahaya Timur* yang telah diberhentikan pada tahun 1942.

⁹ Francis Dyer, *The Print And The Broad Casting Media In Malaysia*, Kuala Lumpur: South East Asia Press Centre, 1974, hlm. 16

¹⁰ Drs A.M. Iskandar Hj. Ahmad, *Persuratkhabatan Melayu 1876-1968*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1980, hlm. 73

Di Kedah pula terdapat suratkhbar *Mat Surui* yang diterbitkan sehingga 1943. Namun di Johor, Negeri Sembilan dan Melaka tidak terdapat sebarang majalah ataupun suratkhbar yang diterbitkan sejak 1943 sehingga 1945 kerana negeri-negeri ini mendapat edaran akhbar *Berita Malai*, *Semangat Asia* dan juga *Fajar Asia* secara terus dari Ibu Pejabat di Singapura.

Sekatan Dalam Bidang Penulisan Melayu

Sebagai kuasa besar dan pemerintah tertinggi di dalam bidang penerbitan, Jepun telah menggariskan beberapa akta sebelum sesuatu penerbitan itu dikeluarkan. Keadaan ini telah menimbulkan banyak kerumitan dan pelbagai masalah timbul sehingga membahayakan keselamatan.

Pada zaman sebelum perang, asal sahaja suratkhbar tidak menyiarkan perkara-perkara yang menjejaskan status quo penjajah ianya akan mendapat pelepasan. Namun senario ini berlainan dengan corak pemerintahan Jepun, suratkhbar dianggap militeri oleh pemerintah dengan menjadikannya salah satu alat propaganda dan mestilah melaungkan cita-cita *Kemakmuran Rantau Asia Timur Raya* dengan memuja semangat Bushido. Setiap penulisan juga ditapis oleh Jepun agar apa yang dimuatkan bersesuaian dengan kehendak Jabatan Propagandanya.

Skop utama yang dikuatkuasa oleh jabatan ini ialah setiap penerbitan mestilah mempunyai ciri-ciri yang berkaitan dengan negara Jepun. Jika dilihat kesemua akhbar dan majalah yang terbit sekitar tahun 1942 sehingga 1945 kesemuanya berkaitan dengan negara matahari terbit tersebut.

Bersesuaian dengan akta tersebut nama-nama akhbar yang diterbitkan seperti *Matahari terbit*, *Matahari Memancar*, *Sinaran Matahari* dan *pancaran Matahari* diambil sempena negara Jepun yang terkenal dengan negeri matahari terbit dengan kedudukannya di sebelah timur sementara *Suara Timur*, *Semangat Asia*, *Fajar Asia* dan *cahaya Timur* pula menggambarkan penyatuan negara-negara Asia untuk menyingkirkan kuasa barat, ini bersesuaian dengan slogan yang dilaung-laungkan oleh Jepun iaitu *Asia Untuk Asia* dan *Asia Timur Raya*.

Selain itu, terdapat juga nama akhbar yang menggunakan bahasa Jepun itu sendiri seperti *Mat Surui* dan *Penang Shinbun*. Nama *Asia Bahru* dan *Perubahan Baharu* juga bersesuaian dengan laungan pemerintah yang ingin membawa perubahan kepada begara-negara di Asia.¹¹

Akhbar dan majalah yang diterbitkan pada era ini juga menggunakan lambang yang berkaitan dengan negara Jepun. Jika dilihat suratkhbar *Perubahan Baharu* telah menggunakan lambang matahari terbit dengan dua batang pokok

¹¹ Abdul Latif Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai: Wartawan dan Sasterawan Melayu*, Kuala Lumpur Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1964, hlm. 22

kelapa. Begitu juga akhbar *Pancaran Matahari* yang menggunakan lambang matahari sedang terbit dalam keluaran Januari 1942 dan lambang matahari separuh yang sedang menyinari alam pada keluaran Mac 1942.

Setiap majalah dan akhbar mestilah mempunyai motto yang menyokong pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Diantara motto yang paling terkenal ialah *Akhbar Melayu Harian Diterbitkan Dengan Semangat Tertib Asia, Kemakmuran Bersama Asia, Persaudaraan Sejagat, Asia Bagi Umat Asia dan Pembebasan Asia Daripada Politik Anglo Amerika*.¹² Motto yang digunakan juga boleh dikaitkan dengan masyarakat Tanah Melayu sama ada berkaitan dengan kesenian ataupun kebudayaan Melayu asalkan tidak ada unsur-unsur menentang pendudukan Jepun.

Sementara itu, kebanyakan tulisan yang dicetak adalah bercirikan tempatan iaitu tulisan rumi dan jawi seperti majalah *Fajar Asia* yang menggunakan tulisan rumi.¹³ Penggunaan tulisan tempatan ini bertujuan memudahkan penduduk Tanah Melayu memahami isi kandungan yang dipaparkan secara terus. Walaupun begitu, terdapat juga akhbar dan majalah yang dicetak didalam bahasa Inggeris, Cina dan India terutama yang dikeluarkan oleh imigran India dan Cina.

¹² Mohd Isa Othman, *Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu 1942-1945*, hlm. 107

¹³ Drs. A.M. Iskandar Hj. Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 73

1.2: Dasar Penerbitan Pada Zaman Pendudukan Jepun

Bidang penerbitan di Tanah Melayu pada era-30 an sangat giat dijalankan dan berkembang secara sendiri tanpa pengawasan ketat oleh pihak Inggeris. Oleh itu, penulis mendapat ruang untuk menyebarkan fahaman mereka untuk menyemarakkan semangat nasionalisme dan menubuhkan persatuan bersifat politik dikalangan orang Melayu sehingga wujud Kongres Melayu Setengah Melayu pada 6 Ogos 1938 yang dipelopori oleh golongan wartawan.

Usaha Penerbitan Jepun

Kuasa British hanya menjadikan akhbar dan majalah sebagai alat untuk menyalurkan sistem pemerintahan mereka tetapi tidak menentukan had sekatan terhadap golongan wartawan. Antara akhbar yang terkenal pada zaman pendudukan Inggeris ialah *Al-Ikhwan*, *Saudara*, *Warta Ahad*, *Majlis*, *Suara Melayu* dan *Utusan Melayu* yang kebanyakannya mengandungi rencana-rencana agama daripada berkisar mengenai kepincangan masyarakat.¹⁴ Kesemua akhbar ini telah diberhentikan penerbitannya semasa pengambilalihan Tanah Melayu oleh tentera Jepun.

¹⁴ Abdul Ghapa Harun, *Teori Kolonial Dan Kemunduran Pribumi Dalam Akhbar Dan Majalah Di Malaysia: Sejarah Dan Perkembangan*, Selangor: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988, hlm. 125

Jepun telah mengawasi bidang penerbitan dengan ketat dan mengeluarkan akta penerbitan yang mewajibkan akhbar ataupun majalah yang dicetak mestilah mempunyai mesej propaganda Jepun sebagai syarat kelulusan. Ini bertujuan membina keyakinan dalam diri penduduk yang dijajahnya terhadap apa yang dinamakan *Kawasan Kemakmuran Bersama Asia Raya*.¹⁵

Keadaan ini menyukarkan penulis untuk menyampaikan mesej penentangan mereka secara terang-terangan tetapi masih berpeluang menanamkan semangat kemerdekaan secara tersirat melalui penulisan mereka. Bagi mengelakkan syak wasangka dan mendapat kerjasama dari pihak Jepun penulis telah menyiarkan puji-pujian diatas segala rancangan dan tindakan yang dijalankan oleh kuasa Jepun di Tanah Melayu.

Kemunculan Syarikat-Syarikat Penerbitan Jepun

Sekatan dan prosedur yang melampau oleh pihak Jepun telah menyebabkan beberapa syarikat penerbitan terpaksa memberhentikan usaha mereka. Antara syarikat penerbitan yang terpaksa gulung tikar ialah Syarikat Penerbitan Utusan Melayu yang menerbitkan akhbar terkenal *Utusan Melayu* dan juga Selangor Press yang menerbitkan akbar *Majlis*.

¹⁵ Ali Ahmad, *Tema Sajak-Sajak Melayu 1933-1969*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1984, hlm. 4

Sementara itu muncul beberapa syarikat penerbitan baru yang diterbitkan dibawah kuasa Jepun iaitu dibawah bidang kuasa Sanden Bu atau Pejabat Propaganda Jepun yang berpusat di Singapura.¹⁶ Sanden Bu pula terletak dibawah bidang kuasa Gunseikan Bu atau Pentadbiran Tentera Jepun. Pada tahun 1944 Gunseikan Bu tertakluk dibawah bidang kuasa Hodo Bu atau Pejabat Besar Propaganda di Singapura yang bertanggungjawab ke atas semua akhbar dan majalah Melayu.

Pada tahun 1943, muncul dua buah syarikat penerbitan iaitu Malai Shinbun Sha atau Syarikat Penerbitan Melayu dan Sensei Malay Kensetsu Sha atau pejabat pembangunan Melayu baru yang berpusat di Singapura.

Malai Shinbun Sha telah menerbitkan *Berita Malai* yang menggantikan akhbar *Utusan Melayu* yang sangat popular sebelum itu, akhbar *Semangat Asia* juga berada di bawah kelolaan syarikat ini. Sementara itu Sensei Malai Kensetsu Sha pula menerbitkan majalah *Fajar Asia* sebelum syarikatnya diberhentikan pada 1944. Selepas inilah *Fajar Asia* dan *Semangat Asia* telah digabungkan dibawah penerbitan Malai Shinbun Sha dengan nama *Fajar Asia*. Selain itu muncul juga Syarikat Maro Kaisha yang menerbitkan *Suara Timur* juga berpusat di Singapura, tetapi syarikat ini hanya berkembang sekitar 1942 sahaja.

¹⁶ Samad Buang, *Perkembangan Akhbar Dan Majalah Pada Zaman Jepun (1941-1945)* Dalam *Pelita Bahasa*, Ogos, 1993, hlm. 40-42

Di Johor, pusat penerbitan utama Jepun ialah di sekitar Muar dan syarikat penerbitan yang paling terkenal ialah Pejabat Matahai Terbit yang menerbitkan akhbar *Matahari Terbit* dan *Matahari Memancar*. Terdapat juga Jamiliah Press yang menerbitkan *Cermin Hidup*.

Sementara itu, di Perak terdapat dua syarikat penerbitan yang sangat giat dijalankan sekitar tahun 1942 iaitu sebuah syarikat kelolaan Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang menerbitkan *Cahaya Timur*, tetapi syarikat penerbitan ini tidak dapat bertahan lama kerana diberhentikan oleh Jepun yang tidak mahu menggalakkan persatuan di kalangan penduduk. Pada tahun 1943 pula muncul Syarikat Penerbitan Sanden Katyo atau Pejabat Dakyah Perak yang berusaha menerbitkan *Berita Perak* dibawah penerbitan Syonan Shinbun Kai.

Di Pulau Pinang pula terdapat tiga penerbit yang dikenalpasti muncul pada zaman pendudukan Jepun. Syarikat penerbitan yang paling terkenal ialah Penang Shinbun Sha yang menerbitkan *Penang Shinbun*, kemudian muncul pula syarikat penerbitan K.P. Muhd Yunus United Press yang menerbitkan *Pancaran Matahari* tetapi akhbar ini hanya bertahan beberapa bulan sahaja. Selain itu, di Pulau Pinang juga terdapat Stesyen Radio Pejabat Propaganda Dai Nippon yang telah menerbitkan beberapa buah akhbar termasuklah *Asia Baharu*.

Di Kedah hanya terdapat sebuah syarikat penerbitan sahaja yang diketahui wujud iaitu yang menerbitkan suratkhbar *Mat Surui*. Begitu juga di Selangor,

hanya terdapat Syarikat Penerbitan Matbaah Selangor sahaja yang berusaha menerbitkan *Perubahan Baharu*. Di Melaka ahli-ahli Kesatuan Melayu Muda yang bergiat cergas telah menerbitkan majalah *Sinaran Matahari* tetapi hanya berjalan selama beberapa bulan sahaja kerana mendapat tentangan dari pihak Jepun.

1.3: Kemunculan Majalah *Fajar Asia*

Majalah *Fajar Asia* telah diterbitkan di Singapura oleh Sensei Malai Kensetsu Sha atau Pejabat Pembangunan Melayu Baru yang beralamat di no 110, Jalan Sultan, Syonan To dan dicetak di Al-Ahmadiyah Press di alamat yang sama. Nama pencetak ini ditulis dalam setiap naskhah majalah *Fajar Asia*.

Majalah ini dikelola oleh seorang penulis yang terkenal iaitu Zainal Abidin Ahmad¹⁷ dan mula diterbitkan pada tahun 1943. Pada bulan Mei 1943, majalah yang banyak mendapat sambutan ini telah digabungkan dengan *Asia Baharu* dan diletakkan dibawah penerbitan Malai Shimbun Sha kerana syarikat penerbitan Sensei Malai Kensetsu Sha telah diberhentikan.

Jumlah mukasurat yang terkandung didalam *Fajar Asia* ini tidak tetap tetapi tidak melebihi 45 mukasurat dalam setiap keluaran dan diterbitkan dalam

¹⁷ Drs. A.M. Iskandar Hj. Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 73

tulisan rumi. Ini kerana majalah ini merupakan gabungan penulisan diantara golongan wartawan di Tanah Melayu dan Indonesia. Majalah ini mempunyai ukuran lebar 8.4 inci dan panjang 10.8 inci dengan setiap keluaran berharga dua puluh lima sen senaskhah.

Majalah ini hanya diterbitkan semasa pendudukan Jepun sahaja iaitu bermula pada 25 Jun 1943 dan berakhir pada 10 April 1944. Setakat yang diketahui majalah ini hanya sempat diterbitkan sebanyak 19 keluaran sahaja iaitu pada tahun pertama bil 1 hingga 16 iaitu pada tahun 1943/1944 atau 2603 dan pada tahun kedua bilangan 1 hingga 3 iaitu pada tahun 1944 atau 2604.¹⁸

Seperti majalah lain, *Fajar Asia* juga terpaksa mengikut akta-akta yang ditetapkan oleh penerbitan Jepun. Nama *fajar Asia* sendiri melambangkan semangat kuasa Asia dan slogannya pula ialah untuk *Memajukan Kebudayaan Dan Kesenian*, ia bersesuaian demi membangunkan kebudayaan dan kesenian Melayu yang semakin hilang kesan pertuanan penjajahan. Justeru itu, melalui majalah inilah aspirasi pengarang untuk memelihara dan menjaga kebudayaan dan kesenian maruah bangsa yang telah menjadi hak milik bangsa lain telah diperjuangkan.

¹⁸ Pyan Husayn & Ismail Ahmad, *Puisi Zaman Jepun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1978, hlm. 75

Nama *fajar Asia* ini sememangnya menampakkan wujudnya ciri-ciri penjepunan iaitu fajar bermakna menerangi seluruh alam iaitu matlamat Jepun untuk membangunkan kembali Asia dari kongkongan Barat manakala Asia bermaksud seluruh rantau Asia yang dikuasai Jepun. Walaupun majalah ini bertujuan melahirkan propaganda Jepun tetapi dengan berselindung di Sebalik slogan untuk *Memajukan Kebudayaan Dan Kesenian* membolehkan penulis menyalurkan wadah pemikiran untuk menyedarkan orang Melayu agar bangkit memperjuangkan tanah air dari penjajahan bangsa asing.

Sebenarnya inilah matlamat sebenar yang ingin diperjuangkan oleh ketua pengarang majalah *Fajar Asia* iaitu Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) yang cuba menangani masalah kepincangan masyarakat sejak beliau menulis di akhbar *Ikhwan* lagi, baginya:

*Bekerja bersama-sama (bersatu dan tolong-menolong) diri sendiri dan berusaha kuat, itulah sebenar-benarnya asas dan tempat berdirinya segala keselamatan bagi orang-orang Melayu.*¹⁹

Pemikiran inilah yang telah diteruskan oleh Za'ba di zaman penjajahan baru ini. Beliau melihat keadaan masyarakat yang lemah dan sedang mencari-cari

¹⁹ Abdullah Hussein, *Pendeta Za'ba Dalam Kenangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1974, hlm. 185.

arah setelah bebas dari pertuanan Barat dan kini berada di bawah kongkongan Jepun pula.

Bagi memenuhi syarat penerbitan Jepun, Majalah *Fajar Asia* dimestikan memuatkan ucapan ataupun pesanan daripada Pegawai Tentera Jepun dalam setiap keluarannya. Ucapan ini bertujuan untuk menunjukkan kepada penduduk tentang keprihatinan tentera Jepun untuk membebaskan Malaya dari penjajahan Barat dan juga sebagai pesanan kepada penduduk supaya menyokong pendudukan kuasa Bushido tersebut. Misalnya ucapan Y.M.S Odate iaitu Dato Bandar Syonan To yang bertajuk *Zaman Datang Yang Gemilang*:

Dahulu penduduk disini tidak biasa mengetahui hal ehwal peperangan dan tidak lagi bersifat untuk membela diri sendiri daripada peraturan rampasan Inggeris. Sebab itu penduduk disini menanggung kesusahan itu, akan tetapi Pejabat Tentera sedang berusaha untuk membela diri sendiri maka keadaan sekarang ini kalau dibandingkan dengan lain negeri disini lebih baik keadaannya. Dalam waktu peperangan memang ada kekurangan barang keperluan hidup dan ta' merdeka pun juga negeri yang sabar akan maju, negeri yang terdapat mangsanya itu akan dibinasakan serta ta' dapat mengawal keselamatan sampai akhirnya kamu sekalian yang telah dilepaskan daripada himpitan Inggeris dan Amerika serta menjadi saudara kami harus sedia akan kewajipan dan tanggungan untuk zaman-zaman bercahaya yang akan datang, kita sabar menunggu kesusahan sekarang serta bekerjasama dengan

*Nippon supaya tercapai maksud mendirikan Asia Timur Raya dan memerdekakan bangsa Asia.*²⁰

Ucapan daripada Pegawai Tentera Jepun ini sememangnya bertujuan untuk mendapatkan sokongan dan pengiktirafan daripada rakyat juga mengingatkan rakyat bahawa Jepun adalah penyelamat bangsa dan tindakan kuasa ini menakluk Asia adalah satu tindakan yang suci kerana membela bangsa Asia dari penindasan Barat, jadi Jepun tidak harus diperangi sebaliknya penduduk perlu bekerjasama untuk menentang pihak Inggeris yang dijangka akan menyerang semula rantau Asia pada bila-bila masa sahaja bagi menebus kekalahan mereka.

Skop Penulisan *Fajar Asia*

Penulisan *Fajar Asia* banyak mengandungi puji-pujian terhadap kuasa Nippon Dai tetapi disebalik sanjungan tersebut terselit laungan kepada penduduk tempatan supaya mencintai tanah air dengan bekerjasama menentang penjajah. Misalnya pujian penulis terhadap kemenangan Jepun menentang British iaitu dengan kelengkapan perang hanya diselenggarakan selama enam bulan sahaja, dengan bilangan tentera yang hanya 10.000 ribu orang berbanding 138,708 orang

²⁰ Fajar Asia, *Zaman Datang Yang Gemilang*, 15 Nigatsu 2603, hlm. 42

tentera Inggeris tetapi dengan semangat juang yang tinggi Jepun berjaya mengalahkan tentera Inggeris. Penulisan ini akan menjadikan penduduk kagum dengan kekuatan semangat Bushido Jepun dan ini akan menyedarkan mereka bahawa dengan memiliki daya juang seperti Jepun, penduduk juga akan membebaskan tanah air dari belenggu penjajah.

Kebanyakan hasil karya yang dimuatkan di dalam *Fajar Asia* tidak dinyatakan penulisnya, ini menggambarkan seolah-olah para penulis tidak suka memberi sanjungan melulu terhadap Jepun dan tindakan ini menjelaskan terdapat unsur-unsur protes golongan wartawan terhadap pendudukan Jepun di Malaya. Walaupun begitu penulisan bercirikan sanjungan ini perlu dimuatkan juga bagi mengaburi pihak Jepun agar tidak terhidu matlamat sebenar penulisan *Fajar Asia* dan supaya penerbitan majalah ini akan dapat dikekalkan.

Seperti diketahui, slogan *Fajar Asia* ialah untuk *Memajukan Kebudayaan Dan Kesenian*, slogan sebegini tidak menggambarkan terdapat unsur-unsur menentang Jepun dan hanya berkisar mengenai kebudayaan dan kesenian sahaja. Ini kerana slogan sesebuah majalah atau akhbar sangat penting kerana ia menjelaskan dasar apakah yang akan diperjuangkan dalam penulisan tersebut walaupun secara realitinya ia bertujuan untuk kepentingan tanah air sendiri.

Begitu juga dengan majalah *Fajar Asia*, penulis telah berselindung di sebalik slogan *Memajukan Kebudayaan Dan Kesenian* bagi menyalurkan wadah pemikiran mereka kepada rakyat.

Kebiasaannya setiap tulisan dalam *Fajar Asia* mengandungi motif yang menyuruh rakyat bangkit menentang penjajah tetapi ianya tidak ditulis secara terang-terangan. Keadaan ini menyebabkan hanya segelintir masyarakat yang memahami maksud tersirat tersebut iaitu hanya golongan yang celik huruf dan tinggi pemikiran sahaja manakala selebihnya tetap menganggap *Fajar Asia* sebuah majalah yang dijadikan saluran propaganda Jepun. Ini menyebabkan mesej sebenar yang hendak disampaikan oleh penulis tidak kesampaian.

Misalnya penulisan Bachtiar @ Effendi (penulis Indonesia) mengenai *Perhubungan Antara Kesenian Dan Masyarakat* yang sebenarnya mempunyai mesej untuk membakar semangat penduduk menentang penjajah:

Tiap-tiap pemain sandiwara itu hendaklah dengan segala upayanya dapat membawakan dirinya dengan perubahan yang terjadi dalam masyarakat tanah airnya, kalau kita perhatikan kebanyakan sandiwara, mereka tidak cakap memikirkan perubahan yang terjadi, ini menunjukkan macham apa benar yang dikehendaki oleh masyarakat yang hendak bertindak maju iaitu masyarakat yang masih muda.²¹

²¹ *Fajar Asia, Perhubungan Antara Kesenian Dan Masyarakat*, 15 Nigatsu, hlm. 43-44

Mesej yang ingin disampaikan bukanlah mengenai bidang kesenian tetapi lebih tertumpu mengenai pembebasan tanah air. Dalam petikan diatas, seni bermaksud tanah air yang perlu dipertahankan kerana seni adalah lambang sesuatu bangsa. Ia perlu dipertahankan agar tidak hilang dan luput dan tindakan ini secara tidak langsung akan mewujudkan kecintaan yang mendalam untuk mempertahankan seni maruah bangsa.

Perkataan yang diucapkan oleh pemain sandiwara diatas pentas itu pula akan ditiru dan dikenang oleh penonton dan segala gerak-geri mereka akan terbawa-bawa oleh penonton didalam pergaulan mereka seharian. Dengan peniruan pemain-pemain sandiwara akan memikirkan yang mereka mempunyai tanggunggan yang berat dalam membina satu masyarakat dan mereka seharusnya sedar yang mereka itu sebenarnya adalah pemimpin, disinilah nanti akan timbul kemajuan bangsa dan bertambah tingginya tamadun tanah air kita.

Majalah *Fajar Asia* sering melaung-laungkan slogan *Asia Untuk Asia* sebagai wadah propaganda Jepun yang mahu rantau Asia berada di bawah kekuasaan mereka dengan menyatakan negara Asia hanya layak ditadbir oleh orang Asia sahaja. Slogan sebegini kebiasaanya diletak di bahagian awal ataupun di pengakhiran sesebuah rencana. Wadah propaganda ini dapat dilihat daripada ucapan Tenno Heika semasa memaklumkan perang keatas Amerika dan Inggeris pada 8 Disember 1943, seperti katanya:

Maka seluruh umat Asia akan terhutang budi kepada Nippon yang berjasa atas pengorbanan pemikiran baru dalam mengatur susunan baru ini. Asia mesti menolak gencatan dan campurtangan bangsa asing atas Asia Raya berusaha akan melenyapkan segala pengaruh barat di Asia Timur Raya ini ialah yang dikehendaki dengan semboyan Asia buat bangsa Asia.²²

Seruan pemerintah Jepun ini dimuatkan di muka hadapan majalah *Fajar Asia*. Petikan ini sebenarnya bukan untuk mengagung-agungkan tentera Jepun sebaliknya penulis ingin menyeru penduduk tempatan supaya mempunyai keyakinan yang tinggi untuk memerangi musuh seperti juga semangat yang ada dalam diri Jepun.

Tujuan penerbitan *Fajar Asia*

Akhbar dan majalah dapat memainkan peranan penting sebagai penghubung antara penulis dengan masyarakat di seluruh pelosok tanah air dan menyeru mereka untuk maju dan bersatu-padu. Menurut Ibrahim Kajai, kandungan akhbar Melayu itu terlalu banyak faedah kerana ia mengandungi penganai atau pengasuh otak, menghidangkan dan menerima buah fikiran, panduan dan perniagaan,

²² Pyan Husayn & Ismail Ahmad, *Puisi Zaman Jepun*, hlm. Xxxi

panduan dan perniagaan, wasitah perhubungan kasih-sayang, kumpulan pendamai dan utusan kepada pihak atasan disamping untuk menyedarkan dan menggerakkan bangsa untuk terus maju ke hadapan.

Jika dilihat penulisan pada zaman Jepun kesemuanya mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk dijadikan saluran propaganda mereka. Oleh itu, nama akhbar dan majalah akan diadaptasikan mengikut kesesuaian kuasa timur, contohnya akhbar *Perubahan Baharu* sangat bersesuaian dengan slogan perjuangan Jepun yang ingin membawa perubahan kepada rantau Asia dan sebagai alat propaganda Jepun.²³ Sementara lahirnya *Fajar Asia* merupakan petanda datangnya hari baru yang memberikan kesejahteraan kepada rantau Asia.

Nama *Fajar Asia* telah ditafsir dengan pelbagai pengertian, misalnya karya seorang pujangga yang menamakan dirinya Pinang Muda dalam keluaran *Fajar Asia* 15 Ichigatsu 2603, mentafsirkan *Fajar Asia* seperti berikut:

FAJAR ASIA - *Fajar Asia* nama gelaran
alam Syonan tempat keluaran
Tidak Jemu mengeluarkan fikiran
Menerangi pembacha dari kesamaran

*Majalah ini majalah pertama
Dalam kebudayaan hendak diutama*

²³ Abd Latif A. Bakar, *Abdul Rahim Kajai, Wartawan Dan Sasterawan Melayu*, hlm. 22

*Termasuk kesenian jalan bersama
Membangunkan semangat baru dan lama*

*Melayu sehari ke sehari
Adat Melayu semakin habis lari
Sebab kebudayaan tak dipelajari
Chara barat saja yang dikejar*

*Dengan adanya Majalah Fajar
Barang yang Lari hendak Dikejar
Supaya dapat amat belajar
Segala apa yang sudah terlantar*

*Memang niat majalah ini
Berkhidmat bangsa Melayu sini
Mengenalkan perkara yang serba-serbi
Memperbaiki adat menjadi mulia*

*Sebab masanya sudahlah sampai
Adat istiadat hendak diurai
Supaya umat jangan bercherai
Bersatu teguh Sumatra Malai ²⁴*

(Pinang Muda)

Walaupun secara keseluruhannya sajak ini menggambarkan tujuan penerbitan *Fajar Asia* ialah untuk memajukan bidang kesenian Melayu namun

²⁴ Fajar Asia, 25 Ichigatsu 2603, hlm. 12

tujuan utama penulis ialah mahu menjadikannya medium untuk membangkitkan nasionalisme di kalangan penduduk untuk menentang penjajahan kuasa Timur tersebut. Penulis-penulis ini berselindung di sebalik slogan *Memajukan Kebudayaan Dan Kesenian* untuk menyalurkan pemikiran mereka itu.

Sebenarnya unsur penting yang cuba ditekankan oleh penulis ialah untuk membangkitkan semangat nasionalisme di kalangan penduduk Malaya khususnya orang Melayu. Dasar penulisan ini merupakan kesinambungan daripada penulisan-penulisan sekitar 1920-an dan 1930-an yang telah memupuk kesedaran politik sehingga tertubuhnya Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang dipelopori oleh Ibrahim Hj. Yaakob. Persatuan ini telah bergerak menentang British secara sulit dan bekerjasama dengan Jepun semasa menjelang Perang Dunia Kedua.

Keadaan ini disebabkan Inggeris lebih bersikap terbuka dari Jepun, sesuai dengan tujuan kedatangan mereka untuk mentamadunkan penduduk pribumi yang dianggap kuno dan masih ketinggalan jika dibandingkan dengan tamadun mereka. Ia juga merupakan satu tuntutan moral yang memberikan mandat kepada Barat yang lebih tinggi tamadunnya untuk membebaskan masyarakat Asia yang kononnya jahil dan dipertanggungjawabkan ke atas mereka untuk menjadi pelindung dan membantu masyarakat Asia yang dianggap lemah ini.

Melalui majalah ini, penulis cuba menyeru rakyat bangkit untuk membela serta memperjuangkan nasib bangsa Melayu di Tanah air sendiri. Memberitahu

betapa pentingnya kemerdekaan dengan menghalau penjajah yang bertindak menguasai seluruh Malaya dengan pentadbiran kuku besi sehingga rakyat dicengkam keperitan di tanah tumpah darah sendiri. Penulis telah menyeru agar rakyat di rantau Asia bersatu untuk membela nasib bangsa dan negara. Penulisan yang menaikkan semangat Melayu ini ditulis secara berkias di dalam penulisan-penulisan mereka supaya tidak disyaki oleh Jepun.

Selain itu, majalah ini juga dijadikan wadah untuk meningkatkan usaha dan menggalakan orang Melayu maju didalam bidang ekonomi mereka yang masih berada ditahap mundur. Kata-kata semangat sering dilaung-laungkan terutama di dalam rencana-rencana. Paparan mengenai kemajuan bangsa lain sering di muatkan di dalam setiap keluaran supaya menjadi pendorong kepada orang Melayu. Di samping itu, penulis juga tidak ketinggalan menyeru rakyat mempertahankan kebudayaan bangsa dan adat resam Melayu supaya tidak diperkotak-katikkan oleh penjajah.

Kebanyakan tulisan yang berbentuk kiasan ini tidak difahami oleh pembaca, mereka menganggap pengarang masih menulis di bawah telunjuk Jepun. Hanya segelintir golongan sahaja yang menyedarinya iaitu golongan yang berpengetahuan tinggi ataupun dikalangan mereka yang tergolong sebagai cerdik pandai. Keadaan inilah yang menyebabkan tujuan utama penulisan *Fajar Asia* tidak dapat direalisasikan.

Pendokong Penerbitan *Fajar Asia*

Majalah *Fajar Asia* ini diterbitkan atas cetusan idea Zainal Abidin Ahmad atau lebih dikenali sebagai Za'ba. Beliau dilahirkan pada 16 September 1895 di Bukit Kikir berdekatan Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau berketurunan Bugis dan menamatkan pendidikan di seberang laut pada tahun 1915.

Sebelum kedatangan kuasa Jepun, Zainal Abidin bin Ahmad menjadi guru bahasa Inggeris di English College, Johor Baharu, kemudian ditukarkan ke Maktab Melayu Kuasa Kangsar sebelum dinaikkan pangkat sebagai penarah di Maktab perguruan sultan Idris, Kuala Kangsar. Disamping itu, beliau juga bergiat cergas dalam bidang penulisan di akhbar-akhbar Melayu mengenai soal-soal bahasa, tatabahasa, pendidikan dan kemajuan bangsa Melayu sehingga dilantik menjadi ketua bahagian Melayu di jabatan karang-mengarang dan terjemahan.

Minatnya yang mendalam dalam bidang penulisan membolehkan beliau berkhidmat dengan Pejabat Penerangan Singapura. Pada September 1930, beliau dilantik sebagai penyelenggara buku-buku pendidikan Melayu di Jabatan Pelajaran Singapura dan berkhidmat disana sehingga kedatangan kuasa Jepun ke Tanah Melayu.

Ketika kedatangan kuasa Bushido ini, Pejabat Penerbitan British telah dibubarkan dan diselenggarakan sepenuhnya oleh mereka. Walaupun begitu,

Za'ba masih lagi diambil berkhidmat sebagai ketua pengarang berita radio di Singapura sehingga Februari 1943. Ketika disinilah Za'ba telah mencetuskan idea menerbitkan sebuah majalah yang boleh memartabatkan kembali budaya Melayu setelah sekian lama diperlecehkan oleh kuasa barat yang menganggap tamadun mereka yang tertinggi di dunia.

Lantaran itulah majalah *Fajar Asia* telah diterbitkan dan Za'ba selaku ketua pengarang telah menjadikan majalah ini sebagai wadah untuk menyalurkan pemikirannya²⁵ disamping tulisan-tulisan wartawan lain seperti Masuri M. Salikun yang menulis kira-kira 15 sajak, Abdul Samad Ismail yang giat menulis sehinggalah majalah ini diberhentikan, Zubir Salam dan Thaharuddin juga turut melibatkan diri dan kedua-duanya memegang jawatan pembantu ketua pengarang majalah *Fajar Asia* ini.

Arenawati dalam penulisannya telah membahagikan penulis-penulis *Fajar Asia* ini kepada beberapa kategori berdasarkan gerak kerja masing-masing. Penulis yang bekerja sebagai wartawan disamping menjalankan aktiviti politik seperti Ishak Haji Muhammad, Abdul Samad Ismail, Abdullah Kamil dan Thaharuddin Ahmad sementara kategori penulis sandiwara dan penulis yang mewakili golongan guru pula seperti Abdullah Sidek.²⁶

²⁵ Arenawati, *Cerpen-Cerpen Zaman Jepun Satu Kajian*, Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara, 1968, hlm. 11

²⁶ Jihaty Abadi, Dr. Azran Ralman, Amida Abdul Hamid, *Sari Sejarah Kesusasteraan Melayu-Indonesia (Tradisional Dan Modern)*, 1976, hlm. 131

Penerbitan majalah *Fajar Asia* ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan disokong oleh banyak pihak terutama oleh kuasa Jepun sendiri, sultan-sultan Melayu, golongan pemimpin, ahli-ahli agama dan juga golongan pengarang-pengarang dari rantau Melayu dan Indonesia.

Pada keluaran pertama *Fajar Asia* bertarikh 25 Ichigatsu 2603, dipaparkan kata-kata aluan oleh golongan tersebut yang mengalu-alukan penerbitan majalah ini. Disini dipaparkan teks-teks ucapan yang mengalu-alukan penerbitan majalah *Fajar Asia*.

1. Ketua pengarang majalah *Fajar Asia*- Zainal Abidin Ahmad:

Sudah lama tertunggu-tunggu baharulah sekarang lahir, segenap bangsa Melayu Indonesia sudah lama mengharap-harapkan lahirnya suatu majalah yang bersifat baru yang akan menjadi panduan bangsanya menuju kemuliaan dan kemajuan. Dengan berkat kemenangan tentera Nippon terbukalah tirai zaman baru bagi seluruh Asia Raya amnya dan bangsa Melayu Indonesia khususnya. Chita-chita yang sudah lama terpendam itu, barulah sekarang terkabul yaitu:

FAJAR ASIA ²⁷

²⁷ 25 Ichigatsu 2603, hlm. 7

2. Titah Yang Maha Mulia Sultan-sultan yang dikenali surat kawat iaitu dari Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Yang Maha Mulia Sultan Johor. Disini dipetik Titah Y.M.M Sultan Ibrahim, Johor:

*Saya Uchapkan selamat atas Mejallah FAJAR ASIA yang mulai terbit ini,, saya harap lanjut usianya dengan usianya berkeadaan yang sejahtera, serta banyak faedah, kesukaan dan kebajikan dari satu ke satu masa. Kepada sekalian pembachanya dan kepada orang kita Melayu khasnya, terutama menambah galak mereka pada membantu dan bekerjasama berkenaan dengan tujuan Dai Nippon yang amat baik pada membina Raya ini dan juga dapat mereka menjadikan diri mereka dan kebangsaan lebih-lebih maju dalam serba-serbi pada kehidupan. Selamat atas sekalian adanya!*²⁸

3. Pemimpin Kesatuan Melayu Muda-Ibrahim Hj. Yaakob:

*Sidang pembaca yang dihormati sekalian,
Dengan terbitnya Fajar Asia didalam
Tamaddun Timor Bharu ini, bearti telah keluar satu lagi
penyuloh umat Melayu Raya didalam gulongn agama dan hidup
bersama, agar untuk menanam bibit perasaan dan Chita-chita
baharu yang sedang mulai berchambah tumbuh bagi
pembinaan Asia Raya.*

²⁸ Ibid., hlm. 6

*Saya harap tiap-tiap usaha yang seumpama ini akan mendapat urusan yang sempurna supaya mendapat sokongan yang baik dari segala pihak dan diucapkan selamat terbit "FAJAR ASIA" !*²⁹

Selain itu, penerbitan *Fajar Asia* ini juga turut mendapat sambutan yang menggalakkan dari seluruh pembaca. Disini diambil salah satu surat pembaca yang mengalu-alukan penerbitan *Fajar Asia*.

4. Surat terbuka dari Dr. S. H. Al-Junied:

Kehadzerat Tuan,

Zainal Abidin Ahmad

Pengarang Fajar Asia Syonan

Tuan,

*Amatlah sukachita saya mendengar yang tuan telah berusaha untuk mengeluarkan dan menjadi pengarang FAJAR ASIA. Saya chukup perchaya yang majallah ini akan menjadi satu sinaran yang dapat menerangi seluruh tanah Malai dan Sumatra. Berkenaan dengan perkara-perkara kebudayaan, kesehatan dan kesenian. Tuan-tuan yang menjadi kakitangan tuan yang memang terkenal disini ialah dengan bantuan tuan-tuan itu, tidaklah saya syak lagi yang majalah Fajar Asia tuan itu akan maju didalam medan kebudayaan Malai dan Sumatra.*³⁰

²⁹ Ibid., hlm. 18

³⁰ Ibid.

Kata-kata semangat dan sokongan ini telah menjadikan majalah *Fajar Asia* dapat bertahan lebih lama berbanding majalah dan akhbar lain yang hanya bertahan seketika sahaja sama ada disebabkan tidak tahan dengan sistem birokrasi Jepun yang ketat ataupun diberhentikan sendiri oleh pejabat pentadbiran Jepun kerana melanggar akta-akta yang telah ditetapkan.

Berbeza dengan majalah *Fajar Asia*, walaupun telah menyelitkan unsur-unsur penentangan tetapi ianya tidak secara terang-terangan, akta yang telah ditetapkan oleh Jepun masih dipatuhi dan pujian serta sanjungan terhadap pemerintahan Nippon sering dilaung-laungkan menyebabkan majalah ini dapat bertahan selama lebih kurang setahun iaitu bermula pada 25 Januari 1943 sehingga berakhir pada 10 April 1944.

BAB 11

KANDUNGAN *FAJAR ASIA*

Pengenalan

Sesuatu yang istimewa mengenai penulisan pada zaman Jepun ialah cara pengolahannya yang sempurna serta maklumat yang terperinci tentang keadaan yang berlaku pada masa tersebut. Sama ada tentang suasana yang berlaku dalam masyarakat sehari-hari ataupun tentang ekonomi, sosial dan juga politik yang berlaku di Tanah Melayu dan rantau Asia ataupun negara Jepun sendiri.

Sehubungan dengan itu, majalah *Fajar Asia* juga turut memaparkan apa yang berlaku sekitar pendudukan Jepun iaitu bermula dari tahun 1942 sehingga 1945. Walaupun majalah ini lebih dikenali sebagai pemangkin pembangunan kebudayaan dan kesenian Melayu namun berita-berita hangat mengenai sosial, ekonomi dan politik turut dipaparkan.

Secara umumnya kandungan *Fajar Asia* meliputi ruangan yang berkaitan dengan masyarakat dan juga kesenian kebudayaan bangsa Melayu. Ruangan-ruangan ini meliputi ruangan belajar bahasa Jepun, kesenian bahasa, kebudayaan, perekonomian, pendidikan, kesihatan, adat resam Melayu, ruangan agama dan

taman kanak-kanak. Dibahagian belakang majalah ini ada dimuatkan ruangan berbayar untuk iklan.

Majalah ini ditulis sama ada dalam bentuk rencana atau karangan pendek iaitu dalam bentuk sastera dan bahasa seperti sudut cerpen, sajak dan puisi serta lagu dan pantun. Kesemua sudut-sudut yang terdapat dalam *Fajar Asia* bersesuaian dengan semua peringkat umur dan jantina.

Kebiasaanya pada muka surat pertama majalah *Fajar Asia* akan memuatkan kata-kata peringatan ataupun ucapan pemerintah Jepun. Ini menunjukkan pengaruh Jepun sangat kuat dalam penerbitan majalah ini. Selain itu, ia juga merupakan salah satu perkara wajib yang mesti dimuatkan didalam setiap akhbar dan majalah yang terbit pada zaman pemerintahan Bushido tersebut.

Kebanyakan aspek penulisan yang terdapat di dalam *Fajar Asia* berbentuk rencana. Sesuai dengan kedatangan Jepun yang disifatkan sebagai zaman baru yang dianggap boleh membawa perubahan baru kepada Indonesia, Singapura dan Tanah Melayu, maka bidang penulisan rencana banyak berkisar mengenai kerjasama dan sokongan terhadap pentadbiran kuasa tersebut.

Ini kerana Jepun telah memberi alasan akan membantu memajukan orang Melayu yang disifatkan berada di bawah lingkungan *Kemakmuran Bersama Asia Raya* iaitu dengan memperbaiki keadaan di rantau ini selepas berlakunya Perang

Dunia Kedua dan juga untuk menyingkir kuasa British yang dilabel sebagai penindas penduduk tempatan.¹

Selain itu, penulisan rencana juga banyak menyeru supaya penduduk bekerjasama dengan Dai Nippon. Ini selaras dengan tujuan penerbitan majalah *Fajar Asia* iaitu sebagai penyalur propaganda Jepun yang bertujuan mahu mendapatkan kerjasama serta sokongan rakyat terhadap pertuanan baru di rantau Asia. Kebiasaannya seruan ini dipaparkan di muka hadapan majalah bagi menunjukkan inilah perkara utama yang perlu diberitahu kepada rakyat.

Antara rencana yang terdapat di dalam *Fajar Asia* ialah rencana *Perjuangan Kita* yang dipetik dari ucapan Llut Colonel Okubu iaitu Ketua Pejabat Dakyah Tentera. Ucapan ini dimuatkan di dalam *Fajar Asia* bertarikh 15 Nigatsu 2602 dan 10 Sangatsu 2603.

Terdapat juga rencana yang dipetik dari ucapan Okubu Taisa iaitu ketua angkatan tentera Jepun di Malaya yang bertajuk *Hancurkan Inggeris Amerika, Jangan Harapkan Orang Lain Menjaga Rumah Sendiri dan Malai Tetap Tenang Dan Yakin Akan Kemenangan Akhir* yang dimuatkan di dalam *Fajar Asia* keluaran Hachigatsu 2603, 10 Sichigatsu 2603 dan 20 Kangatsu 2603.

¹ Zainal Abidin Bin Abdul Wahid, *Sejarah Malaysia Sa-pintas lalu*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1971, hlm. 112

2.1: Sudut Kemasyarakatan

Bersesuaian dengan tema *Fajar Asia* iaitu *Memajukan Kebudayaan Dan Kesenian Bangsa*, maka boleh dikatakan keseluruhan skop penulisan *Fajar Asia* berkaitan dengan masyarakat seperti ruangan belajar bahasa Jepun, kesenian bahasa, kebudayaan, pendidikan, adat resam Melayu, ruangan agama, ruangan ekonomi, taman kanak-kanak dan ruangan kesihatan.

Ruangan Belajar Bahasa Jepun

Seperti yang diketahui Jepun merupakan pemimpin utama di seluruh Malai baru dan disebabkan inilah Jepun berhasrat mahu menjepunkan seluruh penduduk di bawah kekuasaannya. Langkah pertama yang dilakukan oleh Jepun ialah mewajibkan kesemua penduduk belajar bahasa Jepun dengan tenaga pengajar didatangkan khas dari negara Jepun sendiri

Untuk menggalakkan penduduk mempelajari bahasa ibunda mereka ini, Jepun menyatakan sekiranya penduduk mempelajari bahasa Nippon, bangsa Melayu akan bertambah maju dan mulia tidak ubah seperti sebiji permata yang

bercahaya kemudian diupam dan diikat pula.² *Fajar Asia* juga menyeru penduduk mempelajari bahasa Jepun dan antara seruan *Fajar Asia* ialah:

*Belajarliah sekarang, belajar janganlah lengah
Mahirkanlah, mahirlah dan bertutur bahasa
Nippon Penuhkanlah masa tuan yang lapang
itu dengan belajar bahasa Nippon*³

Lantaran itulah dalam setiap keluaran *Fajar Asia* akan menyediakan ruangan mempelajari bahasa Jepun. Pada peringkat permulaan hanya perkataan mudah sahaja yang diajar seperti:

*Selamat pagi-----Ohayo
Selamat petang-----Ohayo gozaimasu
Selamat malam-----Konnichiwa
Selamat malam (bila bertemu)-----Konban wa
Selamat malam (bila pulang)-----O yasumi nasai
Apa khabar-----Ikaga desu ka
Khabar baik-----Arigato, genki desu
Selamat jalan-----Sayonara*⁴

Selain itu melalui sudut belajar bahasa Jepun ini juga, *Fajar Asia* telah mengemukakan beberapa perkataan Jepun yang sama bunyi dengan perkataan

² 15 Nigatsu 2603, hlm. 10

³ Ibid.

⁴ Ibid.

Melayu tetapi mempunyai maksud yang berlainan. Antara perkataan yang dikenal pasti ialah:

Bahasa Nippon

Bahasa Melayu

1. buta	→	Babi
2. banchi	→	nombor rumah
3. dan	→	anak tangga
4. izin (ijin)	→	orang besar
5. sara	→	pinggang

Jepun sangat menggalakkan penduduk tempatan mempelajari bahasa Jepun kerana teras sesuatu bangsa adalah bahasa dan dengan demikian bahasa Jepun merupakan faktor penentu dalam usaha penyebaran kebudayaan orang Jepun.⁵ Oleh itu bahasa Jepun telah digunakan dalam semua perkara rasmi dan juga untuk tujuan surat-menyurat, telegraf, poskad, dan sebagainya. Bahasa Jepun juga digunakan dalam penamaan waktu, tarikh dan juga tahun.⁶ Jika dilihat Fajar Asia juga telah menggunakan tarikh dalam bahasa Jepun.

Matlamat terhadap penggunaan bahasa Jepun ini sebenarnya bertujuan untuk menghapuskan budaya dan bahasa Barat yang banyak mempengaruhi penduduk tempatan sebelum ini. Sebagai menggalakkan penduduk tempatan

⁵ Eiichiro Ishida, *Budaya Jepun (Kajian Tentang Asal-Usul Dan Ciri)*, Terjemahan Mokhtar Ahmad, Selangor: Pustaka Cipta Sdn. Bhd. 1986, hlm. 15

⁶ Paul H. Kratoska, *Malaya And Singapore During The Japanese Occupation*, Singapore University Press: Journal Of Southeast Asian Studies Special Publication, 1995, hlm. 26

menguasai bahasa Jepun, minggu bahasa Jepun telah dilancarkan di bandar-bandar utama seperti Pulau-Pinang, Ipoh dan Kelang. Selain itu, kelulusan bahasa Jepun telah dijadikan syarat utama untuk tujuan kenaikan pangkat dan gaji. Oleh yang demikian, penduduk tempatan yang berhasrat untuk meningkatkan taraf hidup perlulah menguasai bahasa Jepun dengan sebaik-baiknya.

Ruangan Pendidikan

Segala bentuk pendidikan barat telah dilenyapkan oleh Jepun dan kuasa baru ini telah memperkenalkan dasar pendidikan baru dengan menjadikan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar.⁷ Sekolah-sekolah Inggeris, Cina dan Tamil telah digantikan dengan sistem pendidikan yang berunsurkan Jepun. Murid-murid diajar cara hidup, cara tegur sapa dan adat-istiadat Jepun dengan separuh masa lagi diperuntukkan mempelajari bahasa Jepun.⁸

Disebabkan dasar pengenalan baru dalam pendidikan ini jugalah *Fajar Asia* tidak ketinggalan untuk menyiarkan berita-berita mengenai pendidikan sama ada di dalam negeri ataupun mengenai pendidikan di negara Jepun sendiri.

⁷ Rosnani Ibrahim, *Pendudukan Jepun Di Ulu Langat*, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 1979

⁸ United State, *Japanese Administration In Malaya*, Wasington DC: S.N., 1994, hlm. 21

Salah seorang penulis tetap dalam ruangan pendidikan majalah *Fajar Asia* ialah Aminah Daud. Dalam penulisannya beliau telah menyeru masyarakat supaya menuntut ilmu dengan mengandaikan kelahiran seseorang ke dunia ini seperti kain putih yang akan dicorak dan diwarnakan sehingga apabila besar dapat memilih kehidupan sendiri di dalam masyarakat. Corak dan warna itulah yang berlandaskan pendidikan. Jika ilmu yang diterima adalah baik, kehidupannya akan sempurna dan begitulah sebaliknya.

Aminah Daud juga menekankan bahawa dasar pendidikan bermula sejak kecil lagi kerana menurutnya *Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya*. Beliau berpendapat pendidik yang sebenar adalah ibu kerana ibulah yang memelihara dan mendidik anak sejak dari bayi lagi. Antara petikan tulisannya ialah:

Marilah wahai kaum ibu bangsa Asia, tegakkan bekerja untuk muslihat dan kemajuan Asia. Menanamkan perasaan dan semangat untuk anak-anak kita sejak dari kechilnya Sebagai bunyi. Dengan air susu yang kita minumkan kepada anak-anak kita. Kita minumkan pula perasaan baru dan semangat baru yang terkandung dalam semboyan baru sekarang Asia Untuk Bangsa Asia. Dengan sepuh makna dan hakikatnya kepada saudara-saudara kaum ibu Islam saya berseru: Marilah kita bekerja dengan sepenuhnya di bawah panduan Nippon untuk menegakkan Persatuan Asia Raya dengan tidak merupakan kewajipan kita kepada agama Islam yang suchi. Penyudahnya

*dari tulisan ini saya serukan Hiduplah Semangat Asia Raya!
Hiduplah kaum ibu Asia.*⁹

Selain itu, ruangan pendidikan dalam *Fajar Asia* juga menceritakan tentang pendidikan dan pengajaran di Nippon yang dikatakan lebih maju dengan sistem pengajaran guna ilmu dan terdapat bermacam-macam lapangan dalam bidang pengajaran seperti pendidikan latihan badan, pendidikan asuhan otak, pendidikan tabiat dan budi pekerti dan pendidikan kesenian.¹⁰

Mengenai pendidikan di Malai pula, *Fajar Asia* telah menyiarkan mengenai dasar-dasar pendidikan Jepun di Malai. Sekolah-sekolah Melayu telah banyak dibuka sementara perpustakaan sekolah juga telah dimuatkan buku-buku bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Jepun. Pendidikan Jepun ini telah melahirkan ramai pelajar-pelajar Melayu yang berjaya.¹¹ Dalam keluaran *Fajar Asia* tulisan A.M. Pamunchak telah menyiarkan nama-nama pelajar yang telah berjaya dan akan dihantar ke Jepun untuk menyambung pengajian. Pelajar-pelajar yang disenaraikan ialah:

1. *Ungku Abdul Aziz b. Abdul Hamid*
Berumur 21 tahun akan memasuki sekolah tinggi Nasedo
dalam bidang politik dan ekonomi.

⁹ 15 Nigatsu 2603, hlm. 22

¹⁰ Ibid.

¹¹ United State, *Japanese Administration In Malaya*, hlm. 28

2. *Ungku Muhsin b. Muhammad*
Berumur 20 tahun akan memasuki sekolah tinggi itu juga dalam jurusan letrik
3. *Wan Abdul Hamid b. Muhd Saleh*
Berumur 21 tahun akan memasuki sekolah tinggi Tokyo bahagian pertanian.
4. *Solehah bt. Hj. Bakri*
Berumur 18 tahun akan memasuki sekolah tinggi yang khas bagi kaum puteri
5. *Rosna Mahyuddin*
Berumur 17 tahun iaitu adik Dr. Gaus Mahyuddin akan memasuki sekolah tinggi yang khas bagi kaum puteri juga.¹²

Melalui penulisan dalam ruangan ini banyak perkara mengenai pendidikan dapat diketahui. Jepun secara umumnya sangat menitikberatkan soal pendidikan. Ini dapat dilihat apabila Jepun telah mendirikan beberapa jenis sekolah di Tanah Melayu seperti sekolah Latihan Jabatan Negeri, sekolah Latihan Tentera, sekolah Perusahaan dan sekolah Ilmu Pengetahuan.¹³ Kesemua sekolah ini disediakan khusus untuk penduduk di Tanah Melayu yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan mereka.

¹² Fajar Asia, 28 Rokugatsu 2603, hlm. 18-19

¹³ Fajar Asia, Sichigatsu 2603, hlm. 27

Ruangan Agama

Jepun telah memberi perhatian yang khusus terhadap perkembangan agama di Tanah Melayu khususnya agama Islam. Dalam usahanya untuk memenangi hati rakyat, pentadbiran Jepun telah menekankan bahawa agama, adat Istiadat dan segala yang berhubung dengan kedua-duanya yang dijalankan oleh bumiputera akan dikawal dan terserah kepada penduduk tempatan sendiri.¹⁴

Justeru itu, kebanyakan akhbar dan majalah pada zaman ini menyebarkan berita dan saranan-saranan yang menarik perhatian umat Islam untuk bekerjasama dengan Jepun.¹⁵ Di dalam *Fajar Asia*, rencana-rencana yang ditulis dikaitkan dengan perjuangan umat Islam di dunia dan terdapat satu rencana menyatakan peperangan yang berlaku pada masa itu adalah *perang sabil* bagi umat Islam.

Selain itu, ruangan agama yang terdapat di dalam *Fajar Asia* juga berunsurkan pendidikan misalnya pendidikan tentang puasa yang ditulis oleh Omar Othman. Beliau menyatakan puasa adalah ibu segala kebajikan dan ia akan

¹⁴ Seruan Rakyat, 18 November 1945

¹⁵ Mohd Isa Othman, *Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan Di Negeri Kedah)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 107

melahirkan pendidikan jasmani yang kuat, teguh dan melaluinya juga akan membentuk didikan rohani yang suci bersih. Sementara itu antara pendidikan yang boleh diperolehi dari berpuasa menurut penulisan Omar Othman ialah:

1. *Membawa tunduk kepada Allah dengan perasaan khusyuk dan tawaduk*
2. *Mengekang 11 bulan nafsu manusia yang kebiasaanya berjalan dengan tidak ada peraturan*
3. *Mendidik umat Islam berhati kasih kepada segenap makhluk.*
4. *Mengajak umat Islam ke arah kepersatuan yang teguh, persatuan yang diikat oleh tali keislaman yang sejati.*¹⁶

Pendekatan Islam yang berkaitan dengan adab pergaulan juga telah dibincangkan di dalam majalah ini iaitu ditulis oleh Sheikh Mustafa Ramadhan.

Adab pergaulan sangat penting dalam kehidupan kita sebagai perlindungan dari segala perpecahan dan perselisihan hati. Antara adab pergaulan yang dituntut ialah menghormati orang yang lebih tua dan juga adab bertandang ke rumah orang.¹⁷

¹⁶ Fajar Asia, 20 Kugatsu 2603, hlm. 7

¹⁷ Fajar Asia, 25 Jugatsu 2603, hlm. 21

Selain dari puasa dan adab pergaulan ini, terdapat banyak lagi perkara yang berkaitan dengan agama yang dikupas melalui ruangan ini, Penulis berharap ruangan ini akan memberi manfaat kepada pembaca *Fajar Asia* yang kebanyakannya terdiri dari orang Islam.

Ruangan Taman Kanak-Kanak

Ruangan taman kanak-kanak dikhaskan kepada kanak-kanak dan perkara yang disampaikan berbentuk pengetahuan dan nasihat. Kebiasaannya, kanak-kanak digalakkan meniru tingkah laku Jepun yang dikatakan sangat halus budi pekertinya. Antara budi akhlak Jepun yang patut dicontohi seperti yang dipaparkan didalam *Fajar Asia* ialah akhlak sewaktu menerima budi atau pemberian orang lain.¹⁸

Penyemaian akhlak dalam hal ini berkaitan dengan tingkahlaku semasa menerima pemberian orang iaitu mengambil sambil menundukkan kepala dengan mengucapkan perkataan *mottainai*.¹⁹ Perkataan ini menggambarkan semangat yang luhur dan budi akhlak yang tinggi dari bangsa Jepun. Akhlak ini perlu dipupuk

¹⁸ *Fajar Asia*, Ichigatsu 2603, hlm. 31

¹⁹ *Ibid.*

diantara seorang anak dengan ayahnya, isteri dengan suami, seorang murid dengan gurunya dan seorang sahabat dengan sahabatnya.²⁰

Selain mengenai akhlak, melalui ruangan ini juga pendedahan mengenai pengetahuan Jepun seperti bunga *sakura* yang bukan sekadar bunga tetapi dikatakan mempunyai keistimewaan tersendiri. Begitu juga dengan pengetahuan mengenai perkataan *banzai* yang diucapkan Jepun setiap kali menyambut perayaan besar bahkan perkataan *banzai* telah disorakkan oleh tentera Jepun ketika berjaya menakluki Tanah Melayu.

Ruangan taman kanak-kanak ini juga turut memaparkan cerita mengenai ketokohan pejuang-pejuang terdahulu seperti Pendeta Munshi Abdullah dan Hang Tuah yang terkenal dengan kepahlawanan dan kebijaksanaan turut dimuatkan di ruangan ini. Penulis berharap dengan adanya paparan seperti ini kanak-kanak akan mencontohi segala akhlak baik dan mempunyai sikap berani, kental dan berjiwa besar seperti tokoh-tokoh terdahulu.

²⁰ Ibid.

2.2: Sudut Kesenian Dan Kebudayaan Melayu.

Salah satu tujuan penerbitan *Fajar Asia* ialah untuk memartabatkan kesenian budaya dan bahasa Melayu. Oleh itu, banyak penulisan yang berkaitan dengan bahasa dan seni kesusasteraan Melayu seperti seloka, puisi, sajak, syair, lagu dan pantun telah dimuatkan di dalam majalah ini. Sajak, puisi, lagu dan pantun merupakan bentuk penulisan yang paling banyak terdapat di dalam *Fajar Asia* kerana bentuk penulisan ini mendapat sambutan yang paling hangat di kalangan pembaca.

Bersesuaian dengan slogan *Fajar Asia* iaitu untuk membangunkan kesenian dan kebudayaan bangsa, maka banyak sajak, puisi dan lagu yang dimuatkan tetapi kebanyakannya dikaitkan Jepun kerana dasar mereka yang mahu membudayakan penduduk tempatan. Salah satu lagu yang diminati oleh seluruh bangsa di Tanah Semenanjung ialah lagu *dondang sayang*.

Disamping itu, terdapat juga lagu yang digubah bersesuaian dengan keadaan perang pada masa tersebut misalnya lagu *Ratapan Bangsa* yang disusun oleh Jaafar Wiryodinomo dan Bachtiar Effendi. Disini dipetik rangkap pertama dari lagu tersebut:

*Bila kita buka mata tengok kiri kanan
Apa sebab maka kita jadi ketinggalan*

*Sebab maka bangsa kita jadi ketinggalan
Siasat keadaan penghidupan bangsaku
Tiada berusaha dengan jalan bersatu*²¹

Penulisan berbentuk sebegini sangat perlu dimuatkan di dalam *Fajar Asia* kerana ia bukan sahaja dapat memartabatkan seni tradisi warisan Melayu tetapi juga secara tidak langsung dapat menaikkan semangat cintakan budaya bangsa Melayu dikalangan penduduk tempatan melalui bait-bait penulisannya yang tersusun dan menarik.

Cerpen

Perkembangan cerpen-cerpen Melayu pada masa pemerintahan jepun tidaklah begitu menggalakkan kerana wadah yang ingin disampaikan sangat terhad. Kebanyakan penulis cerpen pada zaman Jepun ini terdiri daripada mereka yang bergiat aktif di dalam bidang politik seperti A.Samad Ismail, Abdullah Kamel, Thaharuddin dan Ishak Haji Muhammad.

Cerpen yang ditulis pada zaman ini kebanyakannya berkonsepkan memupuk semangat bangsa untuk bangun berjuang dan antara tema yang ditonjolkan ialah tema perang dan cinta, tema cinta dan dendam pembalasan, tema seruan supaya menjadi askar dan tentera, tema yang menggambarkan perjuangan

²¹ *Fajar Asia*, 16 Juiehigatsu 2603, hlm. 23

pemuda-pemuda Melayu menentang Inggeris sebelum kedatangan Jepun ke Malaya dan cerpen yang bertemakan kehidupan masyarakat Melayu.

Cerpen yang dimuatkan di dalam *Fajar Asia* mengandungi unsur-unsur pengajaran. Salah-satu contoh cerpen yang terdapat di dalam *Fajar Asia* ialah kisah *Katak Dengan Lembu*.²²

Kisah ini menceritakan tentang seekor anak katak yang mati dipijak oleh lembu, ibu katak yang tidak menyaksikan kejadian tersebut bertanya anak-anaknya yang lain sebesar manakah gergasi (lembu) yang memijak adiknya, anak-anak katak menjawab sangat besar dan sebaik mendengar jawapan tersebut ibu katak yang sombong tidak percaya kerana menganggap tiada binatang yang lebih besar darinya lalu mengembungkan perutnya agar lebih besar daripada lembu sehingga perutnya pecah.

Tindakan ibu katak mengembungkan perutnya sehingga tidak dapat dikawal lalu pecah ini merupakan satu pengajaran agar tidak bersikap sombong diri dan angkuh kerana ia hanya merugikan diri sendiri.

²² *Fajar Asia*, 15 Nigatsu 2603, hlm. 31

2.3: Wadah Propaganda Jepun Disebalik Penulisan *Fajar Asia*

Propaganda merupakan perkara yang paling diutamakan oleh sesebuah kuasa imperialisme untuk mendapatkan sokongan dari penduduk negara yang dijajah. Ini kerana sokongan sangat penting bagi mengukuhkan kedudukan dan memelihara keamanan serta menjayakan semua rancangan yang dijalankan oleh kuasa penjajah.²³

Oleh itu, Jepun telah menjadikan propaganda sebagai senjata yang paling utama untuk meraih sokongan penduduk Malaya. Lantaran itu, sebaik sahaja berjaya menduduki Malaya, Jepun telah menguasai semua bidang persuratkhabaran manakala siaran radio dikuasai pada bulan ogos 1942 dan pada 1 Desember 1943, tayangan filem dari Britain, Amerika, China dan India telah diharamkan, hanya filem-filem Jepun sahaja yang dibenarkan tayangannya.²⁴

Majalah *Fajar Asia* turut tidak terlepas dari menyebarkan propaganda dari kuasa Timur ini kerana ia telah dijadikan syarat untuk membenarkan sesebuah akhbar atau majalah diterbitkan. *Fajar Asia* telah dijadikan satu tempat untuk

²³ Michael Belfour, *Propaganda In War 1939-1945*, Boston: Routledge and Kagen Paul, 1979, hlm. 423

²⁴ Lee Ting Hui, *Singapore Under The Japenese dalam Journal Of The South Seas Society* vol xvii, 1961, hlm. 47

menyalurkan wadah propaganda bagi meraih sokongan penduduk tempatan antaranya ialah propaganda peperangan, propaganda kemerdekaan dan propaganda agama.

Propaganda Peperangan

Sejak dari naskhah pertama sehinggalah penerbitan terakhirnya majalah *Fajar Asia* sentiasa menyiarkan berita-berita peperangan yang melibatkan Jepun. Dalam setiap peperangan tentera Jepun digambarkan sangat berani serta begitu yakin akan memenangi setiap peperangan. Tentera-tentera Jepun digambarkan sangat kuat manakala pihak musuh seperti Britain dan Amerika sering dikatakan berada di dalam keadaan genting.

Jepun juga dikatakan mempunyai tentera udara yang mempunyai peralatan moden dan senjata yang canggih begitu juga dengan angkatan pejuang laut yang telah berjaya menenggelamkan beberapa buah kapal musuh seperti kapal *Repulse* milik Britain.

Fajar Asia juga turut melaung-laungkan berita kemenangan Jepun. Misalnya kemenangan Jepun dalam menakluk negara-negara di Selatan seperti salah satu petikan *Fajar Asia* yang menyatakan pada tahun 1942 Jepun telah berjaya menguasai Filipina, Indonesia, Malaya dan Burma dalam masa empat

bulan sahaja. Berita kemenangan ini tersebar dengan begitu meluas sehingga dikatakan orang Barat juga kagum dengan kekuatan Jepun. Menurut Koen dan Churchill kepandaian dan keberanian Jepunlah yang menyebabkan kuasa Timur tersebut berjaya menakluk negara-negara di rantau Asia dari tangan Barat.²⁵

Propaganda Kemerdekaan

Kemerdekaan sememangnya sesuatu yang amat diidam-idamkan oleh penduduk Malaya. Orang Melayu memperjuangkan kemerdekaan tanah air sejak penguasaan Portugis lagi kemudian menentang pertuanan British. Semangat untuk mendapatkan kemerdekaan semakin memuncak apabila datang kuasa Jepun pada era 1940-an kerana kuasa dari timur ini berjanji akan memberikan kemerdekaan kepada Malaya sekiranya penduduk tempatan memberikan sokongan dan kerjasama kepada mereka dalam memerangi Barat.

Dasar propaganda kemerdekaan Jepun ini dapat dilihat apabila pada setiap keluaran *Fajar Asia* ketua tentera Jepun akan memberi ucapan yang menyeru rakyat supaya bekerjasama dengan mereka. Penulisan berbentuk seruan bekerjasama ini juga mestilah disiarkan di dalam setiap keluaran *Fajar Asia*,

²⁵ Auwjong Peng Koen, *Perang Pasifik 1941 hingga 1945*, Jakarta: Kengpo, 1957, hlm. 24

misalnya sebuah artikel tulisan Ir.Sukarno yang bertajuk *Marilah bekerjasama Dengan Nippon Pesan Pemimpin Besar Kita*, antara petikannya ialah:

*Kita membangunkan pergerakan, ialah pergerakan tempat bekerja, tempat mengoetjoerkan keringat habis2an, untuk ikut beserta didalam pekerdjaan raksasa jang sedang dikerdjakan oleh Dai Nippon... ..*²⁶

Janji-janji manis serta semangat perjuangan tentera Jepun inilah yang menyebabkan orang Melayu mula menaruh kepercayaan tinggi terhadap Jepun untuk membebaskan Malaya dari penjajahan Barat. Sokongan padu telah diberikan kepada Jepun semasa kuasa tersebut menjalankan gerakan sulit menentang British di Asia Tenggara pada pertengahan tahun 1930-an.

Kesatuan Melayu Muda (KMM) iaitu sebuah pertubuhan radikal dikalangan pemuda Melayu yang bergerak di bawah pimpinan Ishak Haji Muhammad telah membuat pakatan sulit dengan Jepun dengan harapan kuasa Timur ini akan membantu mereka mendapatkan kemerdekaan dari pertuanan Barat.

Sebenarnya tujuan utama Jepun meraih sokongan penduduk tempatan bukan bertujuan untuk memberikan kemerdekaan tetapi untuk mencapai impian

²⁶ Fajar Asia, 10 Sangatsu 2603, hlm. 397

mereka menubuhkan *Lingkungan Kemakmuran Asia Raya* di kalangan negara-negara Asia dengan berpaksikan Jepun sebagai kusa tertinggi.

Disebabkan inilah Jepun telah mempropagandakan isu kemerdekaan sehinggalah berjaya menguasai Malaya dari tangan British. Janji untuk memberikan kemerdekaan kepada Malaya hanyalah satu muslihat untuk meraih sokongan penduduk. Apabila berjaya menduduki Malaya, Jepun mula menunjukkan sikap dan kelakuan yang buruk sehingga penderitaan yang ditanggung oleh penduduk lebih teruk berbanding zaman kolonial British.²⁷

Jepun juga telah mengharamkan pertubuhan-pertubuhan politik sehingga pada 1942 Kesatuan Melayu Muda turut diharamkan kerana menyedari persatuan yang dianggotai oleh golongan pemuda Melayu tersebut telah menjalankan kegiatan yang mencurigakan.

Tindakan kejam dan tidak berperikemanusiaan Jepun ini walaupun menaikkan kemarahan orang Melayu namun mereka tidak dapat menyuarakannya secara terang-terangan, lantaran itulah *Fajar Asia* telah dijadikan landasan untuk menyatakan rasa tidak puas hati mereka. Ianya disampaikan secara berkias seolah-olah mereka menyokong pendudukan Jepun di Malaya.

²⁷ Harun Che Su, *Pandang Ke Timur, Mengapa Jepun Jadi Pilihan*, Kuala Lumpur: Moden Akademik Institut Bena Syarikat S.H. Shahlan, 1982, hlm. 7

Janji kosong Jepun ini lebih jelas lagi apabila pada pertengahan tahun 1943, Jepun telah menjanjikan kemerdekaan kepada Indonesia. Tindakan Jepun ini telah menyebabkan pejuang-pejuang kemerdekaan di Tanah Melayu turut menuntut kemerdekaan iaitu sebagai sebahagian daripada Indonesia.

Akhirnya pada bulan Julai 1945, Setiausaha pentadbiran di Malaya, Jawa, Siam dan Sumatera telah bersidang di Singapura untuk membincangkan isu ini. Menjelang Ogos 1945 rombongan kemerdekaan Indonesia yang diketuai oleh Sukarno dan Muhammad Hatta telah bertemu dengan Ibrahim Hj. Yaakob dan Dr. Burhanuddin Helmi untuk menuntut janji Jepun tersebut. Akhirnya Jepun telah membenarkan penubuhan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung atau KRIS iaitu lanjutan daripada pemberhentian Kesatuan Melayu Muda (KMM) tetapi persatuan ini hanya dibenarkan bergerak di bawah pengawasan Hodosyo sahaja.²⁸

Keadaan ini jelas menunjukkan Jepun tidak berminat untuk memberikan kemerdekaan kepada Indonesia dan juga Malaya. Tindakan Jepun inilah yang akhirnya menyebabkan ramai penduduk tempatan yang mula berpaling tadah menyokong semula British. Senario ini jugalah yang menjadi salah satu sebab kejayaan British menguasai semula Tanah Melayu daripada Jepun pada tahun 1945.

²⁸ Khoo Kay Kim, *Kenegaraan 25 Tahun, satu perspektif sejarah*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1980, hlm. 14

Propaganda Agama

Dalam usaha untuk meraih sokongan penduduk, Jepun telah menjadikan isu agama sebagai salah satu agenda propagandanya. Ini kerana agama Islam menimbulkan masalah besar kepada pentadbiran Jepun kerana ia berkait rapat dengan sultan dan kuasanya terhadap masyarakat Melayu.²⁹

Dalam usahanya untuk memenangi hati rakyat, pihak pentadbiran Jepun telah menekankan bahawa agama, adat-istiadat dan segala yang berhubung dengan kedua-duanya yang dijalankan oleh bumiputera akan dikawal dan terserah kepada penduduk sendiri. Ini bersesuaian dengan sikap orang Melayu yang sememangnya tidak suka pemerintah mencampuri urusan agama mereka.

Jepun telah sedaya upaya menunjukkan keadilan terhadap agama Islam. Sebagai langkah pertama Jepun telah mengadakan buat pertama kalinya satu persidangan umat Islam yang merangkumi seluruh Tanah Melayu dan Sumatera. Persidangan tersebut telah berlangsung di Singapura pada 5 hingga 6 April 1943 dan dianggap berjaya dari kaca mata pentadbiran Jepun.

Pada zaman kolonial, agama Kristian telah diperangi habis-habisan sehingga dianggap satu perjuangan Jihad. Jepun yang sudah bersedia dengan

²⁹ Yoji Akashi, *Japanese Military Administration In Malaya: It's And Evolition In Reference To The Sultans, The Islamic Religion And The Muslim Malay 1941-1945*, Asian Studies 7, April, 1969, hlm. 1

penjajahan zaman baru di Malaya tidak bertindak melulu seperti British sebaliknya kuasa Nippon Dai ini telah menggunakan agama Islam untuk menaikkan semangat orang Islam menentang Barat yang dianggap syaitan yang bertopengkan manusia.

Akhbar-akhbar yang terbit pada zaman Jepun telah mengaitkan pendudukan Jepun dengan perjuangan umat Islam di dunia sehingga bacaan khutbah-khutbah Jumaat di Jawa digunakan untuk memuji-muji pentadbiran Jepun di samping doa-doa kemenangan supaya berpihak kepada kuasa Timur tersebut.³⁰

Di dalam *Fajar Asia*, banyak rencana agama yang telah dipropagandakan oleh Jepun. Salah satu artikel yang menunjukkan adanya propaganda Jepun ialah artikel yang ditulis oleh Hamka yang bertajuk *Tuntutan Agama, Nippon Akan Membantu Muslim*, petikan awal artikel tersebut seperti berikut:

*Sudah berulang2 tersiar khabar, dan sudah gedang kechil orang tahu, bahwasanya pemerintahan Dai Nippon suka sekali kemajuan agama Islam, dan supaya kaum muslimin beroleh kejayaan dan ketinggian... ..*³¹

³⁰ C.A.O. Van Nieuwenhuijze, *Aspect Of Islam In Post-Colonial Indonesia*, The Hague dan Bandung: W. Van Hoeve, 1958, hlm. 116

³¹ *Fajar Asia*, 25 Jugatsu 2603, hlm. 22

Dalam satu artikel lain yang disiarkan di dalam *Fajar Asia* ialah seruan dari pemimpin-pemimpin besar Islam yang menyeru umat Islam berjuang menentang Penjajahan Barat. Pemimpin-pemimpin Islam Palestin seperti Mufti Amin Husaimi telah menyeru agar perselisihan diantara umat Islam dan penganut Hindhu di India dapat diselesaikan dan kedua-dua penganut ini digalakkan bersatu menentang penjajahan British. Artikel ini juga melaporkan bahawa Jepun telah membantu perjuangan *Azad Hind* di India. Perjuangan umat Islam itu dikatakan telah membangunkan semangat berjuta-juta umat Islam di Arabia, Afghanistan dan Iran.³²

Bagi menarik sokongan orang Melayu, Jepun juga telah menganjurkan persidangan umat Islam di seluruh Malai Sumatera yang diadakan pada 5 hingga 6 April 1943 di Singapura. Dengan menganjurkan persidangan ini Jepun berharap Penduduk di Malaya dan Indonesia tidak akan berasa sangsi lagi dengan pemerintahan Jepun di Malai baru ini yang memberi kebebasan hak beragama kepada mereka.

Keseluruhannya jelaslah disini bahawa Jepun telah menggunakan beberapa isu untuk meraih sokongan rakyat. Jika dilihat melalui peperangan Jepun telah menunjukkan kekuatannya dan bagi menarik kerjasama penduduk tempatan pula Jepun telah menubuhkan Tentera Pembela Tanah Air (Giyu Gun)

³² *Fajar Asia*, Hachigatsu 2603, *Nippon Akan Membantu Muslimin*, hlm. 7

dan Askar Perkawalan (Giyu Tai) yang dianggotai oleh orang Melayu untuk membela tanah air. Propaganda kemerdekaan pula digunakan untuk memikat hati penduduk tempatan. Sementara isu agama Islam menunjukkan seolah-olah Jepun prihatin dan sedia berkompromi dengan penduduk tempatan dalam semua perkara.

Lesan Melayu kecil,

BAB 111

DASAR NASIONALISME DALAM *FAJAR ASIA*

Pengenalan

Penentangan terhadap Jepun merupakan era baru dalam dasar nasionalisme Melayu. Semasa zaman British, orang Melayu telah mempunyai sentimen kebangsaan yang kuat dan semangat nasionalisme ini semakin memuncak di zaman kekejaman pemerintahan Nippon Dai. Walaupun penentangan tidak dilakukan secara terang-terangan, namun usaha untuk membebaskan Tanah Melayu dari tangan penjajah jelas terpancar.

Isu membangkitkan semangat nasionalisme ini secara umumnya banyak dipaparkan di dalam akhbar dan majalah yang terbit pada zaman tersebut, ini termasuklah majalah *Fajar Asia*. Majalah yang banyak mendapat sambutan pada zaman pemerintahan Jepun ini telah berselindung disebalik slogan *Memajukan Kebudayaan Dan Kesenian* bagi menyebarkan sentimen anti penjajah kepada penduduk Tanah Melayu khususnya orang Melayu.

3.1: Perkembangan Nasionalisme Melayu

Secara umumnya konsep nasionalisme bermaksud perasaan cinta dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada tanah air. Kebangkitan semangat nasionalisme ini pula sebenarnya bertujuan untuk mencapai kemerdekaan politik, sosial dan ekonomi dari sebarang unsur imperialisme. Dalam mengulas tentang definisi sebenar nasionalisme ini, seorang sejarawan Barat iaitu Hans Kohn pernah menyatakan:

Nasionalisme ialah perasaan taat setia yang paling tinggi, yang lahir dikalangan rakyat terhadap negara dan bangsa mereka.¹

Berdasarkan takrif inilah, nasionalisme Melayu boleh ditafsirkan sebagai tindakan orang Melayu yang mempertahankan negara bangsanya yang telah dicerobohi oleh penjajah yang merampas segala kesejahteraan hidup dan mengancam keutuhan ekonomi serta politik dan juga keperibadian budaya golongan peribumi Tanah Melayu.

Kesedaran nasionalisme dikalangan orang Melayu ini sebenarnya telah bermula sejak penjajahan British lagi iaitu pada tahun 1874 tetapi penentangan

¹ Hans Kohn, *The Idea Of Nationalism* (Kohn Hand, *Nationalism International Encyclopedia Of The Social Science*, Amerika: The Mac Millan Company, 1968, hlm. 16)

pada peringkat ini masih tidak secara rasmi. Kesedaran kebangsaan pada era ini tidak dapat berkembang kerana pihak penjajah telah melakukan pelbagai sekatan dan ancaman kepada mereka yang menjalankan gerakan penentangan. Tambahan, pula, orang Melayu pada zaman tersebut masih kurang berpengetahuan kerana kurangnya golongan berpendidikan dikalangan mereka.

Secara umumnya, gerakan nasionalisme secara teratur di Tanah Melayu bermula pada awal abad ke-20 sehinggalah pada tahun 1940-an iaitu semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Dilihat dari sudut kronologinya, selama tempoh 20 tahun tersebut terdapat tiga tahap penentangan dan selama tempoh itu juga akhbar dan majalah merupakan aset penting sebagai pemangkin nasionalisme Melayu.²

Tahap Keagamaan (1906-1926)

Pada Tahap ini, pelopor nasionalisme Melayu terdiri daripada golongan reformis Islam yang berpendidikan Arab. Gerakan nasionalisme ini juga dikenali sebagai gerakan Kaum Muda. Perjuangan mereka lebih berteraskan keazaman yang kuat untuk memulihkan agama Islam disamping membangkitkan kesedaran ekonomi, sosial dan politik dikalangan bumiputera.

² Radin Soenarno, *Malay Nationalism 1900-1945, Journal Of Southeast Asean History*, jilid 1, bil 1, 1960, hlm. 8

Antara tokoh yang banyak menabur benih-benih nasionalisme Islam di Tanah Melayu pada zaman ini ialah Sheikh Tahir Jalaluddin, Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi, Haji Abbas bin Mohd Taha dan Sheikh Mohd Salim Al-Kalali. Golongan ini bangkit susulan daripada pengaruh revolusi agama yang dibawa oleh Sayyid Jamaluddin Al-Afghani di Mesir yang kemudiannya berkembang di seluruh negara Islam termasuklah di Malaya.

Kaum Muda ini merasakan mereka bertanggungjawab membawa masuk ajaran Sayyid Jamaluddin Al-Afghani yang progresif revolusioner ke Tanah Melayu. Mereka mendapati kemunduran orang Melayu disebabkan kurangnya kefahaman mengenai ajaran Islam lantaran sikap orang Melayu yang masih berpegang dengan adat-adat purba yang menghalang kemajuan. Oleh itu, gagasan Kaum Muda ini telah menyeru orang Melayu agar menggunakan akal dalam mengamalkan pegangan agama kerana dengan cara ini sahaja perubahan akan dapat dilakukan.

Bagi menyebarkan idea-idea baru dalam Islam ini, kaum Muda telah menerbitkan sebuah majalah iaitu *Al-Imam* pada 23 Julai 1906 di Singapura. Majalah ini dimuatkan dengan berita atau makalah yang cuba menyedarkan orang Melayu serta mengesyorkan pelbagai cara untuk mengatasi masalah kemunduran

mereka.³Penerbitan *Al-Imam* ini telah tersebar luas ke seluruh Tanah Melayu, Singapura dan Indonesia.

Perkara sosial yang disentuh dalam perjuangan ini ialah kemunduran pendidikan Melayu, perkembangan dan kemajuan di masjid atau tempat ibadah Islam yang lain, emansipasi wanita dan perpaduan di kalangan orang Melayu. Sementara dari aspek politik pula, *Al-Imam* banyak menyindir penjajah Inggeris serta raja dan pembesar-pembesar Melayu. Mereka telah diingatkan agar memelihara semua kepentingan orang Melayu serta menggesa orang Melayu mengubah pandangan mereka terhadap ajaran Islam.⁴

Kaum Muda juga telah memperjuangkan beberapa pembaharuan bagi membolehkan masyarakat Melayu mencapai kemajuan dalam bidang ekonomi, sosial dan politik. Antara pembaharuan yang diperjuangkan ialah menggesa orang Melayu terutama raja dan pembesar agar menubuhkan lebih banyak persatuan di kalangan mereka, menggalakkan penerapan sistem pendidikan agama yang lebih liberal dengan merangkumi pengajaran bahasa Inggeris serta pelbagai mata pelajaran lain seperti sains, arab dan matematik.

Kaum Muda juga turut menggalakkan orang Melayu menggunakan perkhidmatan bank-bank simpanan dan syarikat kerjasama untuk kemajuan

³ Ibid., hlm. 7

⁴ Abdullah Bin Jaafar, *Al-Imam Lembaran Akhbar Melayu*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 12-13

ekonomi mereka. Selain itu hak-hak kebebasan juga turut diberikan kepada kaum wanita dalam hal pendidikan dan sosial. Tujuannya supaya kaum wanita turut memperoleh pendedahan yang lebih banyak dalam bidang pendidikan dan menggalakkan mereka agar lebih berfikiran terbuka dalam memajukan diri.

Kegiatan dan pembaharuan radikal yang diperjuang oleh Kaum Muda bagaimanapun telah mendapat tentangan daripada Kaum Tua yang terdiri daripada golongan atasan agama, elit Melayu tradisional dan golongan ulama luar bandar. Kaum Muda melalui majalah-majalah seperti *Pengasoh* (1918-1937) telah mengutuk kaum Muda sebagai tidak beribadat. Golongan mufti pula telah mengeluarkan fatwa yang mengutuk idea-idea Kaum Muda sehingga menggelar mereka sebagai kafir.

Akibatnya penerbitan *Al-Imam* telah diberhentikan pada bulan Disember 1908 tetapi pada tahun 1926, Syeikh Ahmad Al-Hadi yang bersemangat kental telah menerbitkan pula majalah bulanan *Al-Ikhwān* bagi meneruskan perjuangan *Al-Imam* yang tergendala. Kemudian pada tahun 1928 beliau telah mengasaskan akhbar *Saudara*. Setahun sebelum itu, beliau sebenarnya telah mengasaskan *Percetakan Jelutong* yang seterusnya muncul sebagai fokus penerbitan *Al-Imam*.

Kaum Muda bagaimanapun telah gagal membangkitkan nasionalisme Melayu pada masa itu disebabkan tentangan hebat daripada Kaum Tua. Namun demikian, kepentingan Kaum Muda dalam pergerakan nasionalisme Melayu tidak

dapat dinafikan. Seperti yang dinyatakan oleh Profesor Khoo Kay Kim, Kaum Muda telah membangkitkan kesedaran kebangsaan dikalangan orang Melayu dalam membangkitkan isu kemunduran ekonomi mereka berbanding ekonomi kaum lain.

Tahap Sosial Dan Ekonomi (1926-1938)

Nasionalisme Melayu pada tahap ini menjadi lebih sekular dan lebih tertumpu kepada pembangunan sosioekonomi orang Melayu di Tanah Melayu.⁵ Konsep Pan-Islamisme tidak lagi penting ekoran kehancuran struktur kekhalifahan Turki menjelang tahun 1924. Sifat sekular nasionalis Melayu pada tahap ini dipengaruhi oleh tekanan politik dan ekonomi daripada kaum-kaum asing terutamanya orang Cina.

Disamping itu, sebilangan orang Melayu khususnya golongan elit yang berpendidikan Inggeris mula menyedari perlunya mempertahankan hak-hak istimewa orang Melayu di tanah air sendiri. Kelahiran golongan elit Melayu ini ekoran daripada pembukaan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) oleh British pada tahun 1922 yang pada dasarnya bertujuan untuk melatih guru-guru Melayu.⁶

⁵ Roff W.R., *Nasionalisme Melayu (terjemahan oleh Ahmad Boestaman)*, Kuala Lumpur: University Of Malaya Press, 1975, hlm. 243

⁶ Abu Zahari Abu Bakar, *Perkembangan Pendidikan Di Semenanjung Malaysia*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1980, hlm. 13

Golongan nasionalis ini banyak terpengaruh dengan idea perjuangan nasionalisme dari negara-negara jiran seperti perjuangan Dr. Sun Yat Sen menentang Kerajaan Manchu di China dan Mahatma Ghandi yang menegakkan dasar *ahimsa* bagi menentang imperialis Inggeris di India, perjuangan Sukarno, Hatta dan Sjahrir di Indonesia dan perjuangan Jose Rizal di Filipina menentang pemerintahan Sepanyol.

Pada tahap ini perjuangan ke arah memperbaiki kedudukan sosioekonomi Melayu dijalankan secara bersama oleh individu dan juga beberapa pertubuhan politik. Nasionalis Melayu berpendidikan Inggeris yang berjuang secara individu termasuklah Raja Chulan, Dato Abdullah Haji Dahlan dan Dato Onn bin Jaafar dari Johor. Raja Chulan dan Dato Abdullah yang menjadi ahli Majlis Pusat memperjuangkan hak dan keistimewaan orang Melayu sebagai penduduk pribumi.

Bidang penerbitan juga turut mengeluarkan akhbar-akhbar Melayu seperti *Pengasoh*, *Edaran Zaman*, *Lembaga Melayu* dan *Saudara* bagi membangkitkan isu sosioekonomi dan politik Melayu.⁷ Sementara itu, Dato Onn bersama rakannya Muhammad Hashim Yunus menyiarkan akhbar *Warta Malaya* dan *Warta Melayu* bagi menyalurkan bidasan dan kritikan yang pedas terhadap pentadbiran Inggeris. Beliau juga mengadakan rapat umum dan pada tahun-tahun 1926 hingga 1930-an

⁷ Roff W.R., *Nasionalisme Melayu*, hlm. 158

dan ini menjadikan gerakan nasionalisme semakin memuncak dalam memperjuangkan aspirasi politik sebenar.

Pada tahun 1926 sebilangan orang Melayu Singapura yang berpendidikan Inggeris telah menubuhkan parti separuh politik Melayu yang pertama iaitu Kesatuan Melayu Singapura (KMS) yang diasaskan oleh Mohammad Eunos Abdullah dengan bantuan Tengku Abdul Kadir dan Embok Suloh.⁸ Perjuangan utama KMS ialah memperbaiki kedudukan sosioekonomi orang Melayu dan memupuk kecenderungan mereka dalam bidang politik

Perjuangan KMS telah menampakkan hasil apabila pada tahun 1928, sejumlah 620 ekar tanah telah diperolehi daripada kerajaan British. Langkah ini bertujuan untuk memastikan orang Melayu juga akan memperolehi keuntungan daripada kenaikan harga tanah di Singapura. KMS juga telah berjaya menubuhkan sekolah pertukangan bagi orang Melayu di Singapura pada tahun 1928. Sambutan hangat dari orang Melayu terhadap pertubuhan ini menjadikan cawangan KMS telah dibuka di Melaka dan Pulau Pinang.

Satu-satunya pertubuhan bercorak kebangsaan yang memperjuangkan taraf sosioekonomi Melayu ialah *Persaudaraan Sahabat Pena* atau *PASPAM*

⁸ Ibid., hlm. 188

yang diasaskan pada tahun 1934 oleh akhbar *Saudara*.⁹ Persatuan ini merupakan satu pergerakan politik yang berselindung dibalik cogan kata *Hidup Bahasa Hiduplah Bangsa* dan ia juga merupakan pertubuhan bercorak kesusasteraan Melayu dan pro kepada kaum Muda. Menjelang 1940, PASPAM mulai lemah akibat perpecahan dikalangan anggotanya yang mencurigai pucuk pimpinan yang dimonopoli oleh keturunan Arab dan India Muslim.

Walaupun begitu, persatuan ini turut memberikan sumbangan yang cukup bermakna kepada sejarah perkembangan nasionalisme Melayu. Malah, ia telah berjaya menganjurkan satu persidangan bersifat kebangsaan dan telah berjaya menyatukan anggota dari pelbagai bangsa dan keturunan di seluruh Tanah Melayu. Persidangan berkenaan sebenarnya telah merintis kepada usaha awal menyelesaikan masalah sosioekonomi orang Melayu.

Tahap Politik (1938-1945)

Perkembangan nasionalis pada tahap ini merupakan rentetan daripada nasionalisme yang diperjuangkan oleh tokoh-tokoh terdahulu. Muncul ramai pemimpin Melayu yang lebih radikal dan bijak pandai dari lulusan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) seperti Hassan Manan dan Muhammad Isa.

⁹ Maymon Ariff, *Kegiatan Politik Melayu Tahun 1930-an*, Jebat, bil 1/4, 1973/41974/5, University Kebangsaan Malaysia, hlm. 43

Menjelang tahun 1938, golongan ini banyak mengasaskan pertubuhan politik dan bergerak secara radikal.

Persatuan Melayu Perak misalnya telah ditubuhkan oleh lulusan MPSI ini pada 18 Disember 1937, manakala persatuan Melayu Pahang pula dibentuk pada Mac 1938. Tidak lama selepas itu, persatuan Melayu Negeri Sembilan pula diwujudkan iaitu pada 9 September 1938. Kemudian pada 20 April 1939 persatuan Melayu Kelantan pula telah ditubuhkan. Menjelang 1939 hingga 1940, kesemua persatuan ini telah bergabung untuk mengadakan Kongres Melayu Seluruh Malaya yang bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan dikalangan orang Melayu.

Pada bulan Ogos 1938, golongan nasional radikal (sayap kiri) yang berpendidikan Melayu telah menubuhkan sebuah Parti Politik iaitu Kesatuan Melayu Muda (KMM). Pemimpin utama KMM terdiri daripada Ibrahim Hj. Yaakob, Ishak Haji Muhammad, Abdul Karim Rashid, Onan bin Haji Siraj, Ahmad Boestaman dan Mustapha Hussein.¹⁰ KMM bergabung dengan Indonesia dalam memperjuangkan kemerdekaan dalam bentuk Indonesia Raya atau Melayu Raya.

¹⁰ Roff W.R., *The Origin Of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: University Of Malaya Press, 1978, hlm. 231

Kebanyakan ahli-ahli KMM terdiri daripada golongan wartawan dan penuntut MPSI, Sekolah Pertanian Serdang dan sekolah Teknikal Kuala Lumpur. Cawangan KMM telah ditubuhkan di Perak, Kelantan, Terengganu, Pulau-Pinang, Johor dan Negeri Sembilan. Perjuangan KMM telah dilaksanakan melalui akhbar-akhbar seperti *Warta Malaya* dan *Majlis* juga melalui ceramah-ceramah terutamanya disampaikan oleh Ibrahim Hj. Yaakob yang terkenal dengan bakat pidatonya.

Menjelang pendudukan Jepun pada tahun 1941, KMM telah diharamkan kerana kesatuan ini menjalin hubungan dengan pihak pemberontak Komunis. Namun bantuan pemimpin KMM masih diperlukan oleh Jepun untuk menubuhkan Giyu Gun atau Pasukan Pembela Tanah air (PETA). Akhirnya PETA yang merupakan pertubuhan ketenteraan telah ditubuhkan oleh Jepun dengan penyelenggaraan dibawah pimpinan Ibrahim Hj. Yaakob.

Pada Julai 1945, Jepun telah menggalakkan Ibrahim Hj. Yaakob dan beberapa pemimpin yang lain menubuhkan Kekuatan Rakyat Istimewa (KRIS). Penubuhan KRIS sebenarnya merupakan langkah persediaan terawal bagi menghadapi kemerdekaan Tanah Melayu memandangkan Jepun meramalkan kekalahannya dalam Perang Dunia Kedua. KRIS pada awalnya ialah Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung dan Ibrahim Hj. Yaakob telah menggunakan KMM sebagai asas untuk mewujudkan cawangan KRIS di seluruh Tanah Melayu.

Kegiatan KRIS terpaksa diberhentikan menjelang tamatnya perang Dunia Kedua apabila Jepun mengaku kalah di tangan British pada Ogos 1945, Ibrahim Hj. Yaakob dan beberapa pemimpin KMM seperti Abdul Karim Rashid, Onan Siraj dan Hassan Manan telah berangkat ke Indonesia untuk menyertai pergerakan politik di sana. Sementara pemimpin lain yang masih berada di Tanah Melayu telah dipenjarakan oleh pihak British. Selepas itu, KMM semakin kurang mendapat perhatian rakyat dan telah diambil alih kemudiannya oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (Malay Nasionalis Parti) yang ditubuhkan pada 17 Oktober 1945 di Ipoh Perak.

Pergerakan golongan sederhana ini bagaimanapun menjadi pemangkin kepada penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) kemudiannya. Boleh dikatakan pergerakan awal ini menjadi tulang belakang kepada pencapaian kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Sesungguhnya nasionalisme Melayu melalui tempoh perkembangan yang cukup bermakna tetapi ia memakan masa yang agak panjang serta bergerak amat perlahan.

3.2: Sumbangan Fajar Asia Dalam Membangkitkan Nasionalisme Melayu

Majalah *Fajar Asia* telah diperalatkan sepenuhnya oleh tentera Jepun untuk menyampaikan pelbagai berita propagandanya, namun begitu pada masa yang sama penulis-penulis yang pernah aktif dalam gerakan nasionalisme telah memeralatkannya untuk menyampaikan hasrat mereka untuk memperjuangkan tanah air dari belenggu penjajah secara berselindung melalui penulisan tersirat.

Lantaran itu, terdapat penulisan yang cuba membangkitkan semangat nasionalisme orang Melayu dengan menyeru mereka mencintai tanah air dengan menghapuskan penjajah. Usaha yang bersungguh-sungguh dan dengan kebijaksanaan golongan wartawan ini telah memberi kesan keatas kesedaran kebangsaan Melayu terutama kepada golongan terdidik seperti guru dan kakitangan kerajaan.

Ini dapat dilihat apabila ramai dikalangan pembaca *Fajar Asia* telah menghantar rencana-rencana ataupun karya mereka untuk dimuatkan didalam majalah ini. Lantaran itu, *Fajar Asia* telah menyediakan ruang untuk menyiarkan karya atau rencana yang dihantar oleh pembaca. Penghantaran penulisan oleh golongan pembaca ini sangat dialu-alukan oleh bidang penerbitan seperti yang ditulis dalam majalah *Fajar Asia* keluaran 10 Sangatsu 2603:

*Mulai hari ini lembaran bagi kanak-kanak kita bukakan, pemimpinnya kita serahkan kepada tuan Jaafar bin Abdul Ghani, seorang guru Melayu yang terkenal baik namanya. Tuan-tuan yang hendak mengisi atau memajukan usul tentang taman kanak-kanak ini, haraplah berhubung langsung kepada Jaafar Bin Abdul Ghani.*¹¹

Peluang yang diberikan ini telah membuka peluang kepada pembaca untuk mengemukakan buah fikiran mereka dan dengan adanya maklum balas yang sebegini, sudah tentu pembaca akan mendapat maklumat yang akan membawa kesedaran kebangsaan kepada mereka.

Kesedaran kebangsaan dalam majalah *Fajar Asia* telah disampaikan secara berselindung didalam isi kandungan rencana dan juga sudut sastera dan bahasa.

Rencana

Kebanyakan rencana yang ditulis menyingkap tujuan sebenar kedatangan Jepun ke Tanah Melayu bukanlah seperti yang diharapkan. Kuasa Timur ini hanya mahu memperluaskan rantau imperialismenya bagi mendapatkan sumber dan pasaran untuk perkembangan ekonomi. Kawasan *Lingkungan Kemakmuran Bersama*

¹¹ *Fajar Asia*, 10 Sangatsu 2603, hlm. 31.

Asia Raya yang digembar-gemburkan oleh Jepun sebenarnya hanyalah satu rantau politik yang berada di bawah lingkungan pengaruh Jepun sahaja, bukanlah kawasan yang dijanjikan kemerdekaan seperti tanggapan penduduk tempatan.

Sanjungan ini dapat dilihat sebagai:

Keadaan ini dapat dilihat apabila Jepun berjaya menduduki Malaya, kuasa Timur ini mula menunjukkan taringnya dan janji untuk memberikan kemerdekaan serta membaik pulih Tanah Melayu selepas perang tidak langsung dipersoalkan. Sebaliknya pelbagai sekatan dan peraturan baru telah diperkenalkan sehingga penduduk sentiasa berada di dalam kesusahan serta diancam ketakutan. Namun perasaan tidak puas hati terhadap tindakan Jepun tidak dapat disampaikan secara terang-terangan kerana ia akan mengancam nyawa.

Dalam keadaan inilah *Fajar Asia* memainkan peranannya. Majalah ini telah dijadikan wadah untuk menyampaikan perasaan tidak puas hati serta penentangan golongan wartawan yang mewakili seluruh penduduk terhadap pentadbiran Jepun. Golongan wartawan telah menyampaikan matlamat mereka secara berkias melalui ruangan penulisan. Bagi mengelak ianya dicurigai, rencana yang disiarkan banyak berbaur sanjungan kepada Jepun. Sanjungan dan pujian terhadap Jepun ini merupakan syarat kelulusan penerbitan dari pejabat propaganda Jepun di Singapura yang bertanggungjawab ke atas bidang penerbitan Melayu.

Sehubungan dengan itu, kebanyakan rencana yang ditulis pada waktu itu banyak mengkritik British sebaliknya terlalu mengagung-agungkan Jepun sehingga Jepun dianggap sebuah negara penyelamat Asia dari penjajahan Barat. Sanjungan ini dipaparkan sebagai:

8 Disember 2601 (1941) adalah sa'at yang terlebih penting khasnya bagi bangsa di Asia. Pada hari itu Nippon memaklumkan perang atas Inggeris dan Amerika, dengan cepatnya dengan tidak ada tolok bandingnya dalam riwayat Nippon sudah dapat mencapai Singapura sebagai benteng yang terikat di Timur dalam masa lima puluh lima hari sahaja. Singapura jatuh pada 15 Febuari 2602 iaitu pada hari kita memperingati ulang tahunnya sekarang ini dan kemudian seluruh Asia Timur Raya jatuh di tangan Nippon.¹²

Rencana yang tidak dinyatakan penulisnya ini memuji kehebatan Jepun yang bertubuh kecil tetapi mempunyai semangat yang kental sehingga berjaya mengalahkan tentera British yang jauh lebih bertubuh besar daripada mereka. Keadaan inilah yang menyebabkan Asia Timur Raya dapat ditawan dalam masa yang singkat sahaja.

Sebenarnya apa yang ingin dipaparkan oleh penulis bukanlah mengenai sikap imperialisme yang dimiliki oleh Jepun tetapi kekentalan semangat dan daya

¹² Fajar Asia, 15 Nigatsu 2603, hlm. 7

juang yang ada dalam diri setiap tentera Jepun yang membantu kemenangan kuasa Nippon ini mengalahkan kuasa berikat yang ketika itu dianggap sebuah kuasa yang amat kuat. Kekuatan semangat juang tentera Jepun mengalahkan kuasa yang lebih kuat dari mereka inilah yang diharap akan dapat menyemarakkan semangat penduduk untuk menentang Jepun yang juga lebih berkuasa dari mereka di Malaya.

Ruangan rencana berbentuk politik diterbitkan dalam setiap keluaran majalah *Fajar Asia*. Melalui ruangan ini penulis telah mendedahkan secara terang-terangan keburukan penjajahan Barat dan memaparkan bagaimana anak-anak bangsa pada zaman penjajahan kolonial itu mempunyai semangat yang kuat untuk menentang penjajah yang zalim, bongkak serta penindas penduduk tempatan. Tetapi secara dasarnya penulis ingin menyampaikan bahawa keburukan bukan hanya dibawa oleh penjajah barat sahaja tetapi lebih teruk pada zaman pemerintahan Jepun.

Salah sebuah rencana politik yang terdapat di dalam *Fajar Asia* ialah rencana bertajuk *Kembali Ke Timur*. Rencana ini mendedahkan bagaimana Tanah Melayu selama beratus-ratus tahun telah berada di bawah penjajahan Barat yang sangat kejam. Penulis juga menyatakan bagaimana Timur telah dijadikan perkakas barat, tulang belulanganya dipergunakan untuk memperkukuhkan istana orang putih di London, Washington dan Den Hag.

Harta kekayaan Timur telah dikaut dan Timur semakin miskin. Segala harta benda dalam pemerintahan dan kebudayaan telah diambil oleh penjajah.¹³ Sebenarnya penulis juga turut memperkatakan bahawa Jepun juga turut mengambil kesempatan terhadap kekayaan ekonomi Malaya untuk kepentingan mereka.

Rencana politik juga turut dijadikan tempat untuk menyindir segolongan masyarakat Melayu yang telah tenggelam dibawa arus barat seperti petikan rencana berikut:

Di dalam segala keadaan masuklah pengaruh barat ke tanah air kita menyelinap k dalam pergaulan kita sehari. Sehingga kesombongan Barat hinggap pada orang besar-besar kita tidak lagi tahu kepada orang bawahan, menumpu pula kepada pemuda-pemudi yang merasa mulia ia berkata I dan IK daripada bersahaya dan berhamba¹⁴

Rencana ini pada dasarnya bertujuan untuk menyedarkan penduduk bahawa Barat seharusnya dihapuskan supaya gejala-gejala negatif yang dibawanya tidak menular dalam budaya hidup tempatan yang akan merosakkan minda dan fikiran Melayu.¹⁵ Penulisan sebegini diharap akan dapat menyedarkan

¹³ FajarAsia, Hacchigatsu 2603, hlm. 29

¹⁴ Ibid.

orang Melayu untuk mempertahankan kebudayaan sendiri dari hanyut dibawah arus kebudayaan penjajah sama ada oleh kuasa penjajah British mahupun Jepun.

Rencana berbaur politik ini juga boleh dilihat dalam rencana bertajuk *Korbankan diri kerana watan*, rencana ini telah memenangi hadiah pertama dalam peraduan karang-mengarang yang dipertandingkan oleh Sanden Bu di Syonan.¹⁵ Penulis rencana ini menyatakan peperangan sekarang berbeza dengan peperangan dahulu dimana peperangan dahulu hanya melibatkan askar dengan askar tetapi sekarang banyak mengganggu-gugat kehidupan rakyat.

Sebenarnya penulis cuba menyedarkan penduduk bahawa zaman peperangan amat menyusahkan. Banyak berlaku kematian, kebuluran, kemelaratan hidup dan juga penyakit. Oleh itu, penduduk haruslah sedar bahawa kehidupan mereka terancam disebabkan peperangan diantara dua kuasa besar iaitu tentera Berikat dan Bersekutu untuk kepentingan mereka dan yang rugi adalah penduduk tempatan sendiri.

Keseluruhannya rencana berbentuk politik ini telah digunakan oleh golongan wartawan untuk mendedahkan dan menyedarkan penduduk tempatan khususnya orang Melayu tentang kewujudan musuh yang bukan sahaja dari Barat malah dari Timur juga. Penulisan sebegini diharap akan dapat meninggalkan

¹⁵ Arenawati, *Cerpen-Cerpen Zaman Jepun Satu kajian*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1968, hlm. 55

kesan yang mendalam kepada pembaca serta menyedari hak-hak asasi mereka yang sedang dicabuli oleh pihak penjajah. Pengorbanan dan rasa tanggungjawab yang tinggi perlu ada kerana sesuatu bangsa itu tidak akan maju sekiranya tidak dimulakan dengan perjuangan.

Majalah *Fajar Asia* juga menyelitkan rencana-rencana berbentuk sejarah dengan tujuan untuk menyedarkan orang Melayu betapa pentingnya semangat cintakan Tanah Air. Keadaan yang tidak tenteram dan sifat cintakan tanah air inilah yang telah mendorong penulis mengarang rencana-rencana sejarah ini.

Rencana sejarah dalam *Fajar Asia* terbahagi kepada dua iaitu rencana mengenai tokoh dan rencana tentang sejarah kerajaan Timur zaman silam. Rencana sebegini ditulis bagi memperingati dan memberi penghormatan kepada tokoh-tokoh terdahulu dan mengetahui bagaimana kekuatan mereka mempertahankan tanah air dari musuh.

Rencana tentang tokoh banyak diterbitkan terutama mengenai tokoh-tokoh yang berjuang menentang penjajah seperti Raden Adjeng Kartini di Indonesia dan Dr. Jose Rizal di Filipina. Manakala rencana sejarah mengenai Tun Fatimah, Datuk Dol Said dan Pengeran Dipo Negoro pula diterbitkan secara bersiri. Tokoh-tokoh ini dijadikan contoh perjuangan kepada penduduk tempatan iaitu dengan mendedahkan bagaimana mereka menentang penjajah, menegakkan keadilan dan menuntut hak-hak bangsa Melayu. Sumbangan yang diberikan oleh tokoh-tokoh

ini sememangnya tidak dapat dinilai walaupun perjuangan mereka untuk membebaskan tanah air dari belenggu penjajah tidak kesampaian.

Salah satu contoh rencana mengenai tokoh ialah rencana karangan Tengku Hussein yang bertajuk *Perjuangan Dr. Jose Rizal* yang dianggap Bapa Melayu Raya di Filipina. Antara petikan rencana tersebut ialah:

*Jika tiap-tiap pemuda dan pemudi Melayu seperti Jose Rizal, bersemangat seperti Rizal, tentulah kita akan lekas mencapai Malai raya dan dapat bersama-sama dengan sekalian pemuda dan pemudi Asia Raya yang terdiri dari Nippon, China, India dan Indonesia*¹⁶

Rencana ini sebenarnya bertujuan memberi pendedahan kepada pemuda dan pemudi Melayu tentang pentingnya memupuk semangat kerjasama dan mengembling tenaga untuk menuju kemerdekaan tanah air agar bebas dari belenggu penjajah.

Rencana mengenai sejarah Kerajaan Timur zaman silam pula bertujuan untuk menyedarkan orang Melayu tentang kewujudan kerajaan Melayu yang gah suatu masa dahulu. Kerajaan yang wujud di negeri Melayu yang diperintah oleh raja-raja Melayu ini bertujuan menyedarkan orang Melayu bahawa bangsa Melayu juga adalah satu bangsa yang berkebolehan.

¹⁶ Fajar Asia, 10 Sangatsu, hlm. 9

Misalnya penulisan sebuah rencana dalam majalah *Fajar Asia* yang bertajuk *Mengembalikan Semula Kebesaran Bangsa* yang menyingkap kembali sejarah bangsa Melayu sebelum kedatangan penjajah yang mempunyai kerajaan sendiri dengan bilangan tenteranya yang kuat dan ramai sehingga banyak kerajaan luar yang tunduk dan meminta naungan dari kerajaan-kerajaan Melayu ini.

Salah satu kerajaan Melayu yang dijadikan contoh dalam rencana sejarah Kerajaan Timur zaman silam ialah kerajaan *Srivijaya* yang sangat gemilang sekitar abad ke-7 Masihi. Kerajaan ini merupakan mercu kegemilangan bangsa Melayu dan dikatakan sangat kuat sehingga berjaya menguasai seluruh kawasan Selatan Asia. Sementara itu kerajaan Melayu Melaka pula dianggap pengakhir kegemilangan bangsa Melayu kerana apabila jatuhnya Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 kerajaan Asia yang lain turut jatuh.

Rencana berkonsepkan sejarah kerajaan Melayu ini bertujuan untuk menyemai perasaan cintakan tanah air disamping menyedarkan orang Melayu bahawa mereka juga mampu membina sebuah kerajaan Melayu yang gemilang seperti kerajaan Melayu sebelum zaman penjajahan. Rencana ini juga menyedarkan orang Melayu bahawa mereka juga satu bangsa yang pernah

berkuasa pada satu masa dahulu dan ia masih boleh dikembalikan asalkan rakyat bersatu menjayakan hasrat tersebut.¹⁷

Agama adalah satu isu yang sangat sensitif untuk dibicarakan kerana menyentuh akidah seseorang. Walaupun begitu isu inilah yang mudah menarik perhatian satu-satu kaum untuk membaca sesebuah akhbar atau majalah bagi mendapatkan penjelasan mengenainya. Justeru itulah, *Fajar Asia* telah menggunakan peluang ini untuk menulis rencana-rencana yang membincangkan persoalan agama terutama yang berkaitan dengan kekuatan jati diri dalam memupuk semangat nasionalisme.

Perjuangan Nabi Muhammad S.A.W telah dijadikan contoh yang paling ideal dalam membangkitkan semangat kebangsaan dikalangan pembaca terutama golongan pemuda-pemudi Melayu. Misalnya rencana yang ditulis oleh Omar Othman mengenai kisah keagungan hidup Rasulullah S.A.W serta perjuangan baginda menghadapi dugaan dari kaum kafir Quraisy. Rencana ini sebenarnya mahu dijadikan contoh kepada pemuda-pemudi supaya bersemangat kental seperti Rasulullah S.A.W dalam memperjuangkan tanah air dan agama dari pertuanan penjajah.

¹⁷ Ibid.

Salah-satu contoh petikan rencana yang menggalakkan pemuda-pemudi berusaha seperti Nabi Muhammad S.A.W ialah:

*Jika satu bangsa mempunyai pemuda yang malas, tidak bersemangat, penakut, maka alamat itu akan menjadi suram kekuatannya, bangsa itu akan rendah dan terhina.*¹⁸

Rencana ini menyeru agar golongan muda membuang sifat-sifat negatif seperti malas, tidak bersemangat dan penakut kerana sifat seperti ini akan menjadikan mereka ditindas dan kesannya akan menjatuhkan maruah bangsa dan tanah air sendiri.

Di dalam *Fajar Asia* keluaran 27 Sangatsu 2603, ditulis sebuah rencana yang berjudul *Semangat baru dikalangan pemimpin-pemimpin Islam*. Rencana ini juga turut menyeru umat Islam supaya berani maju ke hadapan bersama semangat zaman baru dengan mengebumikan semangat lama yang bersendikan permusuhan. Semangat baru yang ditegakkan ini dipegang atas landasan bekerjasama, taat setia dan bersatu hati dalam mengembling tenaga dan mestilah dibentuk berlandaskan tuntutan Islam.¹⁹

¹⁸ *Fajar Asia*, 27 Sangatsu 2603, hlm. 14

¹⁹ *Fajar Asia*, 13 Shigatsu 2603, hlm. 1

Berdasarkan rencana-rencana agama yang dipaparkan di majalah *Fajar Asia* inilah ramai golongan muda mula menyedari tentang kepentingan perjuangan mempertahankan tanah air daripada musuh kerana ia merupakan satu pengorbanan yang besar seolah-olah satu jihad seperti yang dituntut di dalam Islam.

Selain itu terdapat juga rencana yang secara langsung disampaikan untuk menyedarkan penduduk Malaya tentang keperitan hidup di zaman penjajahan seperti tulisan Bakhtiar Effendi (pengarang Indonesia) yang menceritakan keadaan *Singapura Lama* selepas zaman penjajahan, seperti katanya:

Alangkah aman dan damai perasaan diam dalam rumah-rumah Melayu di zaman Singapura lama. Rumah-rumah itu sekarang sudah habis dirobohkan. Daun kelapanya yang melambai-lambai habis ditebang, nun rendah yang tidak berhenti-henti.²⁰

Pengarang berharap rencana seperti ini akan dapat meningkatkan kebencian orang Melayu terhadap penjajah kerana keperitan hidup pada zaman British menyedarkan mereka bahawa penjajah hanya membawa kesusahan.

Secara keseluruhannya rencana-rencana yang terdapat di dalam majalah *Fajar Asia* ini telah digunakan oleh penulis untuk mendedahkan dan menyedarkan

²⁰ *Fajar Asia*, 15 Nigatsu, hlm. 5

masyarakat tentang pentingnya membebaskan tanah air daripada musuh. Tulisan-tulisan sebegini diharap akan meninggalkan kesan kepada pembaca dengan menyedari hak-hak asasi mereka yang telah dicabuli oleh penjajah.

Penduduk juga diberi kesedaran tentang perlunya pengorbanan, usaha dan tanggungjawab terhadap tanah air disamping mengingatkan mereka tentang sesuatu bangsa itu tidak akan maju jika tiada perjuangan untuk membangunkannya.

Cerpen

Salah satu bentuk penulisan yang dimuatkan di dalam *Fajar Asia* yang banyak mendapat sambutan ialah ruangan cerpen. Kebanyakan cerpen yang ditulis berkisar tentang masyarakat tempatan dan salah satu cerpen yang terselit di dalamnya unsur nasionalisme ialah cerpen bertajuk *Budak-Budak Main Soldadu* yang ditulis oleh A.Samad Ismail.

Cerpen ini memaparkan kisah permainan perang kanak-kanak yang dibahagikan kepada dua pasukan musuh iaitu pasukan Inggeris dan Jepun. Sedang kanak-kanak ini bermain, mereka telah dihalau oleh *ibu* dan permainan mereka tamat begitu sahaja tanpa ada pemenangnya.

Penulisan cerpen ini jelas menunjukkan terdapat dasar nasionalisme yang diselitkan. *Ibu* yang dimaksudkan di dalam cerpen tersebut sebenarnya adalah bangsa pribumi sendiri yang bertanggungjawab menghalau pihak penjajah sama ada British mahupun Jepun. Penulisan cerpen sebeginilah yang diharapkan akan dapat menyedarkan masyarakat bahawa tanggungjawab untuk menghalau penjajah terletak di tangan kita sendiri.

Nyata disini cerpen-cerpen pada zaman Jepun telah memberi pengajaran yang berguna serta menjadi sendi yang amat penting dalam kesusasteraan Melayu seterusnya mengangkat martabat seni kesusasteraan Melayu ketahap yang lebih tinggi. Walaupun terdapat cerpen yang dipropagandakan oleh Jepun, namun para penullis tetap berusaha untuk menaikkan semangat kebangsaan penduduk Malaya dan Indonesia supaya bangun menentang penjajah.

Sastera Dan Bahasa

Sudut Sastera dan bahasa juga turut dijadikan penyalur kebangkitan nasionalisme dikalangan orang Melayu. Semangat nasionalisme yang dimuatkan dapat dilihat didalam penulisan karya sajak dan puisi dan juga pentun serta sajak di dalam *Fajar Asia*.

Walaupun penulisan sajak dan puisi juga tidak dapat lari dari unsur propaganda yang mendewa-dewakan kekuatan tentera Jepun, namun penulis masih berpeluang menjadikannya medium untuk meniup semangat kebangsaan. Ini kerana semangat kebangsaan seperti ini menjadi satu ukuran perjuangan bangsa Melayu pada masa pemerintahan Jepun.

Kebanyakan sajak dan puisi yang disiarkan didalam *Fajar Asia* adalah hasil nukilan pengarang-pengarang Indonesia terutama dari Sumatera seperti Surapati dan Ghazali Hassan yang sekarang menjadi tokoh istimewa dalam bidang sastera Indonesia.²¹

Salah satu sajak yang terdapat di dalam *Fajar Asia* iaitu hasil nukilan Bachtiar Effendi yang bertajuk *Kewajipan Kita* ditulis seperti berikut:

Segalanya	Tanah Bangsa sangat kuchintakan
Bangsa-bangsa	Sesudah
Asia	Kita-kita
Terlepas kini dari ikatan	Terbela
Dibela	Telah terlepas dari genggam
Nippon Raya	Bangsa
perwira	Britania
Yang berhati suchi serta budiman	Durjana
Sempurna	Telah terlepas dari genggam ²²
Tulung benua	
Asia	

²¹ Rosmera dipetik oleh Anuar Ridzuan, *Di Sekitar Pemikiran Kesusasteraan Malaysia, 1952-1972*, 1976, hlm. 73

²² *Fajar Asia*, 27 Sangatsu 2603, hlm. 9

Sajak ini menjelaskan bahawa perlunya setiap individu mempunyai semangat mencintai tanah air. Namun di sebaliknya terselit unsur nasionalisme bahawa Jepun juga seperti penjajah barat juga bersikap kejam dan durjana.

Sementara itu, kebanyakan puisi yang terdapat di dalam *Fajar Asia* juga bersifat optimisme terhadap perjuangan Dai Nippon dan turut mengandungi propaganda yang sangat kuat. Disamping itu, semangat nasionalisme masih lagi dibangkitkan kerana dengan semangat inilah bangsa Melayu akan dapat membebaskan tanah air dari dijajah.

Salah sebuah puisi yang terkenal ialah ciptaan Hassan (Domei) yang bertajuk *Asia Sudah Insaf*.²³ Dalam puisi ini penulis menyampaikan rasa tidak puas hati dan kesal terhadap janji-janji kosong serta kekejaman penjajah yang memeras segala kekayaan bumi Asia sehingga rakyat hidup didalam kemiskinan di tanah tumpah darah sendiri. Terdapat satu perkara yang dapat diperhatikan di dalam puisi ini iaitu kata-kata sindiran yang ditujukan kepada Jepun tetapi disebut sebagai British. Kerana itulah di dalam puisi ini ditulis secara umum sahaja. Petikan puisi tersebut seperti berikut:

*Alasan demokrasi sangat merdunya
Janji merdeka tidak berhentinya
Di dalam racun diluar gulanya
Supaya tertipu Asia seluruhnya*

²³ Fajar Asia, 16 Juiehigatsu 2603, hlm. 25

*Tengok India sebagai sebuah negara
Diperah imperialisme selaga tenaga
Sifat kapitalisme jalan berharga
Agama pula dijadikan kuda²⁴*

Di dalam puisi diatas pengarang cuba menyedarkan orang Melayu bahawa mereka telah tertipu dengan janji-janji manis penjajah terutama janji untuk memberikan kemerdekaan. Sebenarnya kemerdekaan bukan hanya dijanjikan oleh British tetapi juga oleh Jepun tetapi kedua-dua kuasa ini hanya memberikan janji kosong untuk meraih sokongan penduduk tempatan. Kenyataan ini secara tidak langsung turut menyindir pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Jika diperhatikan di dalam puisi ini terdapat perkataan *imperialisme* yang ditulis secara umum tidak ditujukan khusus kepada mana-mana pihak. Satu perkara yang perlu diingatkan disini ialah Jepun juga merupakan suatu kuasa imperialisme yang turut menjadikan agama sebagai satu alat untuk mendapatkan sokongan. seperti yang dinyatakan di dalam puisi.

Nyata disini pembaca yang sedia maklum dengan kekejaman dan janji-janji kosong dalam mentafsir perkataan-perkataan umum ini turut ditujukan kepada Jepun. Puisi ini juga mengingatkan penduduk agar jangan termakan pujuk

²⁴ Ibid.

rayu dan janji manis kuasa imperialisme sebaliknya mereka perlu bekerjasama untuk menentang kuasa tersebut dari menjajah tanah pusaka kita.

Lagu Dan Pantun

Tidak dapat dinafikan bahawa *Fajar Asia* sememangnya memainkan peranan penting dalam menghidupkan semangat perjuangan yang sering dilaung-laungkan oleh Jepun iaitu melalui slogan *Asia untuk Asia*, ia juga merupakan keazaman Jepun untuk menghapuskan penjajah Barat di rantau bumi Asia.

Semangat perjuangan inilah yang diselitkan didalam lirik-lirik lagu yang menyeru orang Melayu bangkit dengan semangat nasionalisme agar bangsa Melayu dapat memartabatkan bangsa dan negara. Semangat perjuangan ini dapat diperhatikan melalui sebuah lagu yang terdapat di dalam *Fajar Asia* yang bertajuk *Malaya Mara*.²⁵

Disini diambil petikan awal lagu tersebut yang dikarang oleh Ja'far Wiryodinomo dan liriknya digubah oleh Bachtiar Effendi:

Malaya O Malaya
Tanahku yan dichinta

²⁵ *Fajar Asia*, 28 Rokugatsu 2603, hlm. 14

*Sekarang bergembira kerana Nippon berjaya
Wahai saudaraku yang sebangsa
Gunakan ini masa
Mendapat tempat muka
Ini masa kita berusaha
Menchoba naik tangga
Ketempat lebih mulia²⁶*

Selain dari Sajak dan puisi, *Fajar Asia* juga turut memuatkan ruangan pantun. Melalui bait-bait pantun inilah penulis cuba menyampaikan mesej mereka. Ini kerana bahasa pantun yang berbunga-bunga sukar untuk difahami oleh Jepun tetapi mudah ditelaah maksudnya oleh orang Melayu yang sudah biasa menggunakannya. Misalnya pantun yang terdapat di dalam keluaran majalah *Fajar Asia* bilangan 2 tahun 2602 iaitu:

*Kail halus jorannya akar
Tali pendek disambungkan rami
Bumi hangus lauk terbakar
Embun setitik pelangi
Bintang tujuh tinggal enam
Jatuh sebiji ke Majapahit
Hilang sepooh nampaklah bunga
Baharu tahu emas tak baik²⁷*

²⁶ Ibid.

²⁷ *Fajar Asia*, 15 Nigatsu 2602, hlm. 18

Maksud sebenar dari pantun tersebut sukar untuk difahami jika tidak ditafsir secara teliti. Dalam rangkap pertama iaitu *Bumi Hangus Lauk Terbakar, Embun Setitik Pelangi* bermakna Tanah Melayu telah dibanjiri oleh tentera-tentera Jepun yang bersemangat tinggi untuk menduduki Asia sedangkan kedudukan orang Melayu untuk melawan penjajah begitu lemah sekali seolah-olah seperti setitik embun.

Manakala dalam pantun kedua pula iaitu rangkap tiga dan empat bermaksud pada mulanya Jepun menjanjikan kesenangan hidup kepada penduduk tempatan jika menyokong mereka menentang barat, tetapi apabila berjaya menduduki Tanah Melayu barulah diketahui bahawa perbuatan Jepun jauh lebih kejam dari British.

Secara umumnya, dapat dilihat bahawa gaya penulisan sewaktu selepas perang adalah lebih konkrit jika dibandingkan dengan zaman semasa pendudukan British. Sejak mula berkuasa Jepun telah menguasai media massa dan media cetak sebagai alat propagandanya. Kawalan ketat ini menjadikan gaya penulisan lebih berhati-hati kerana hanya penulisan yang mengandungi mesej sahaja yang akan diterbitkan.

Ketika menduduki Malaya, banyak akhbar dan majalah yang telah diberhentikan. Tindakan Jepun ini bersesuaian dengan etika kerjanya yang lebih mementingkan mutu kerja yang berkualiti dan tidak suka kepada pembaziran

kertas. Bagi memudahkan pemerintahan, Jepun juga telah menghapuskan kebebasan bersuara melalui radio dan akhbar sebaliknya media tersebut telah dijadikan alat propaganda yang utama bagi membina keyakinan penduduk di negeri yang dijajahnya terhadap apa yang dinamakannya *Lingkungan Kemakmuran Bersama Asia Raya*.

3.3: Keberkesanan *Fajar Asia* Dalam Membangkitkan Nasionalisme Melayu

Walaupun penulis berjaya menyampaikan mesej untuk membangkitkan kesedaran kebangsaan kepada orang Melayu, namun timbul persoalan disini adakah matlamat *Fajar Asia* untuk membangkitkan nasionalisme benar-benar berkesan. Jika diteliti secara mendalam, hasrat penulis ini hanya berkesan keatas sebilangan kecil masyarakat sahaja iaitu golongan yang berpendidikan tinggi ataupun golongan ilmunan.

Sebahagian besarnya iaitu bagi mereka yang tinggal dikawasan kampung-kampung ataupun pedalaman gagal mendapat mesej ini malah terdapat sesetengah mereka yang langsung tidak tahu kewujudan *Fajar Asia* apatah lagi untuk membacanya. Misalnya melalui temuramah dengan beberapa penduduk di Kuala Lipis, Pahang, boleh dikatakan hampir keseluruhan penduduk tidak mengetahui kewujudan majalah *Fajar Asia*.

Oleh itu, dapat diteliti disini bahawa mesej *Fajar Asia* untuk membangkitkan nasionalisme kepada penduduk Tanah Melayu khususnya orang Melayu tidak tercapai sepenuhnya. Hanya sebahagian sahaja yang menyedari mesej terlindung yang disampaikan oleh *Fajar Asia*. Ini disebabkan oleh beberapa faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman merupakan faktor yang disebabkan majalah *Fajar Asia* itu sendiri manakala faktor luaran pula disebabkan oleh keadaan pada masa tersebut.

Faktor Dalaman Yang Menyebabkan *Fajar Asia* Tidak Berjaya

Fajar Asia sebenarnya merupakan sebuah majalah yang berselindung di sebalik memperjuangkan sudut kebudayaan dan kesenian Melayu dan seperti yang diketahui tujuan sebenar penerbitannya ialah untuk membangkitkan semangat nasionalisme dikalangan penduduk tempatan.

walaupun Jepun tidak menyekat penerbitan majalah dan akhbar namun kuasa ini telah mengenakan pelbagai sekatan sebelum sesuatu penerbitan itu dibenarkan. Salah satu peraturan yang ditetapkan ialah setiap akhbar dan majalah ini mestilah memuatkan propaganda Jepun dan jika terdapat penulisan yang bersifat menentang, Jepun tidak ragu-ragu untuk memberhentikan penerbitannya. Sekatan dan peraturan inilah yang menyebabkan penyampaian *Fajar Asia* untuk membangkitkan nasionalisme ditulis secara berselindung.

Jika diteliti kebanyakan hasil penulisan banyak memuji serta mengagungkan tentera Jepun dengan menampilkan keburukan British. Hampir keseluruhan isi kandungan *Fajar Asia* menyiarkan berita peperangan dan kemenangan Jepun serta meminta rakyat memberikan kerjasama kepada kuasa Bushido.

Dalam hal ini, penulis terpaksa berhati-hati di dalam setiap penulisan terutama yang bermesejkan nasionalisme agar tidak terhidu oleh Jepun. Ini kerana Jepun akan mengenakan tindakan yang kejam terhadap penulis yang menyebarkan artikel anti-Jepun. Kawalan ketat dan ancaman Jepun inilah menyebabkan majalah *Fajar Asia* gagal membangkitkan kesedaran kebangsaan kepada seluruh penduduk khususnya orang Melayu.

Oleh itu, bagi mengelakkan pihak Jepun mengetahui tujuan sebenar penerbitannya, penulis terpaksa menyampaikan mesej mereka secara berselindung. Penyampaian mesej nasionalisme secara berkias inilah yang sukar difahami oleh penduduk tempatan yang kebanyakannya tidak berpendidikan tinggi. Jika berpendidikan tinggi pun mereka hanya membaca sepintas lalu tanpa meneliti disebalik penulisan tersebut terselit mesej yang menyeru kebangkitan nasionalisme.

Mesej terlindung dan sukar difahami inilah yang menyebabkan *Fajar Asia* tidak berjaya membangkitkan kesedaran kebangsaan dikalangan penduduk

tempatan. Penulisan *Fajar Asia* yang disampaikan secara berselindung ini telah dinyatakan oleh Arenawati sebagai:

*Cara-caranya memang tidak bersifat direct to the point tetapi bersifat indirect dengan menggunakan kalimat yang sinis, mamakai kata-kata terserat dan dapat lolos dari jangkauan sebenar Jepun. Maksud akan tercium oleh pembaca yang kaya rasa bahasa.*²⁸

Kesannya usaha penulis untuk membangkitkan kesedaran kebangsaan dikalangan orang Melayu tidak kesampaian. Mereka hanya membacanya sebagai memenuhi masa yang terluang dan hanya untuk mengetahui pengumuman-pengumuman kerajaan sahaja. Keadaan inilah yang menyebabkan *Fajar Asia* gagal membangkitkan semangat nasionalisme tambahan pula tidak semua orang mempunyai kebijaksanaan untuk mentafsir sesuatu berita itu secara tersirat.

Sementara itu, kawalan ketat pihak Jepun juga telah menyebabkan mesej nasionalisme yang ingin disampaikan oleh *Fajar Asia* tidak kesampaian kerana pusat kawalan Sanden Bu atau pejabat Propaganda Jepun yang berpusat di Singapura akan menganalisis kesemua isi kandungan yang akan diterbitkan. Keadaan inilah yang menyukarkan penulis menyampaikan mesej mereka secara terang-terangan.

²⁸ Abdul Latif Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai: Wartawan dan sasterawan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1984, him. 9

Selain itu, kesulitan yang dihadapi oleh *Fajar Asia* sendiri seperti ruang penulisan yang terhad menyebabkan banyak perkara yang tidak dapat disampaikan oleh Penulis. Ini kerana sepanjang tempoh pendudukan Jepun, ekonomi tanah Melayu tidak begitu stabil menyebabkan pembelian kertas juga turut dihadkan.²⁹

Disebabkan kekurangan kertas dan had penulisan yang sedikit inilah penulis terpaksa mengutamakan berita-berita propaganda Jepun yang menjadi syarat penerbitan. Kekurangan kertas jugalah yang menyebabkan majalah ini hanya diterbitkan dua minggu sekali dengan bilangan mukasuratnya yang tidak tetap dalam setiap keluaran. Bilangan mukasurat yang sedikit ini jugalah yang menjadi punca mengapa *Fajar Asia* tidak dapat dijadikan pemangkin gerakan nasionalisme.

Kesulitan mendapatkan kertas menyebabkan pada tahun 1944, pentadbiran tentera Jepun di Tanah Melayu telah menjalankan politik jimat cermat. Sebagai langkah berjimat cermat inilah *Fajar Asia* yang pada mulanya diterbitkan oleh Sensei Malai Kensetsu Sha telah dipindahkan ke Malai Shinbun Sha untuk digabungkan dengan *Semangat Asia*.³⁰ Setelah *Fajar Asia* dan *Semangat Asia*

²⁹ Ibid.

³⁰ Mohd Isa Othman, *Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu (Tumpuan Di Negeri Kedah.)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992, hlm. 81

digabungkan, ruang yang digunakan semakin kecil dan ini menyebabkan *Fajar Asia* mengalami kesulitan dalam meneruskan matlamatnya untuk memberi kesedaran nasionalisme kepada orang Melayu.

Disebabkan dasar jimat cermat Jepun ini jugalah yang menyebabkan *Fajar Asia* tidak dapat dicetak dengan banyak dan kesannya ia tidak dapat diedarkan ke seluruh di Tanah Melayu dan juga Indonesia. Dalam satu tinjauan di sebuah perkampungan di negeri Pahang, didapati kebanyakan penduduk di beberapa tempat langsung tidak mengetahui kewujudan penerbitan *Fajar Asia*. Ini menunjukkan matlamat *Fajar Asia* untuk menjadi pemangkin gerakan nasionalisme sudah pasti tidak kesampaian.

Faktor-faktor dalaman yang dikenalpasti inilah yang menjadi punca utama mengapa majalah ini tidak berjaya dijadikan medium perjuangan dikalangan penduduk di seluruh Malaya. Disamping faktor dalaman, beberapa faktor luaran turut menjadi punca mengapa majalah *Fajar Asia* tidak berjaya membangkitkan sentimen nasionalisme dikalangan penduduk tempatan.

Faktor Luaran Yang Menyebabkan *Fajar Asia* Tidak Berjaya

Faktor luaran yang menyebabkan *Fajar Asia* tidak berjaya membangkitkan kesedaran kebangsaan dikalangan orang Melayu didapati berpunca dari keadaan pada masa tersebut. Kehidupan penduduk yang sukar akibat dibelenggu kemiskinan hidup kesan perang yang berlarutan. Kemelaratan hidup inilah yang menyebabkan penduduk menggunakan wang untuk keperluan yang lebih penting berbanding dengan pembelian *Fajar Asia*, walaupun harganya cuma dua puluh lima sen senaskhah bagi mereka jumlah tersebut sangat besar nilainya. Disebabkan kesusahan hidup inilah mesej nasionalisme di dalam *Fajar Asia* tidak dapat disampaikan kepada seluruh penduduk.

Tambahan pula peperangan yang berlarutan telah menyebabkan keadaan ekonomi tempatan berada didalam keadaan buruk sepanjang tahun. Rancangan pentadbir Jepun untuk memulihkan ekonomi pula mengalami kegagalan sehingga bekalan makanan berkurangan dengan harga yang melambung tinggi. Akibat dari kehidupan melarat inilah mereka tidak mampu membeli majalah ataupun suratkhbar yang dianggap tidak lagi penting berbanding memperolehi makanan.

Selain tidak mampu untuk membeli majalah, taraf pendidikan dikalangan penduduk juga masih ditahap rendah. Kurangnya pendidikan ini menyebabkan penduduk tiada kesedaran untuk menilai keburukan yang dibawa oleh penjajah

khususnya dibawah pentadbiran Jepun. Penduduk hanya menerima sahaja apa yang dilakukan oleh Jepun tanpa rasa perlunya ada sikap penentangan terhadap kuasa tersebut. Sikap sekadar menerima inilah yang mejadikan daya fikir penduduk tidak berkembang dan lantaran itulah walaupun *Fajar Asia* melaung-laungkan sentimen nasionalisme, ia tetap tidak dapat menggerakkan semangat nasionalisme dikalangan penduduk.

Peperangan yang berlarutan juga menyebabkan kehidupan penduduk sentiasa didalam ketakutan. Pihak Jepun telah mengenakan pelbagai sekatan dan jika terdapat penduduk yang menentang akan dicerederakan atau dibunuh tanpa usul periksa. Tindakan kejam tentera Jepun inilah yang menyebabkan penduduk takut untuk bangkit menentang. Disebabkan inilah walaupun mesej yang disampaikan *Fajar Asia* difahami oleh penduduk, namun perasan takut terhadap Jepun menyebabkan mereka hanya sekadar menjadikan *Fajar Asia* bahan bacaan sahaja tanpa bertindak menentang penjajah seperti yang dilaung-laungkan dalam majalah tersebut.

Keseluruhannya, keberkesanan *Fajar Asia* untuk menyeru kebangkitan nasionalisme dikalangan penduduk tidak berjaya sepenuhnya. Walaupun begitu *Fajar Asia* tetap dianggap salah satu medium penyalur nasionalisme Melayu sekitar tahun 1940-an. Perjuangan untuk menentang penjajah dikalangan penulis yang merupakan bekas ahli politik yang telah diharamkan oleh Jepun telah

menjadikan *Fajar Asia* penyambung wadah perjuangan mereka yang tidak kesampaian.

Walaupun majalah *Fajar Asia* ini secara keseluruhannya tidak berjaya mencapai matlamatnya untuk menyeru penduduk bangkit berjuang menentang Jepun, namun ia sebenarnya berjaya menyedarkan penduduk tentang pentingnya membebaskan tanah air dari belenggu penjajah. Keberkesanan ini dapat dilihat apabila terdapat beberapa pertubuhan nasionalisme dikalangan orang Melayu ditubuhkan sekitar 1940-an.

Jelas disini menunjukkan bahawa usaha penulis-penulis *Fajar Asia* untuk menyebarkan ideologi mereka tidak sia-sia. Majalah yang pada asalnya merupakan alat propaganda Jepun ini secara berselindung telah dijadikan tempat untuk membangkitkan sentimen nasionalisme. Semangat berkobar-kobar serta usaha bersungguh-sungguh golongan wartawan ini umumnya hanya membawa kejayaan dikalangan sebilangan kecil orang Melayu sahaja iaitu golongan yang berpendidikan ataupun ilmunan manakala sebilangan orang Melayu yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman tidak mendapat sebarang manfaat daripada usaha-usaha penerbitan *Fajar Asia* ini.

BAB IV

BERAKHIRNYA PENERBITAN FAJAR ASIA

Pengenalan

Penerbitan majalah *Fajar Asia* merupakan satu era baru bagi orang-orang Melayu pada zaman pemerintahan Jepun yang ingin melihat bangsa mereka bergerak untuk berjuang bagi mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara daripada cengkaman kuku besi Jepun. Ini adalah usaha perjuangan penulis-penulis yang pada mulanya memang mereka dijadikan alat propaganda Jepun kerana terpaksa. Namun, berdasarkan propaganda ini jugalah sentimen nasionalisme telah disampaikan oleh penulis secara berselindung.

Tetapi majalah ini tidak dapat bertahan lama, pada 10 April 1944, *Fajar Asia* telah diberhentikan penerbitannya disebabkan beberapa faktor. Selama tempoh penerbitannya, *Fajar Asia* telah menyumbang banyak perkara sama ada berkepentingan untuk Jepun ataupun kepada orang Melayu sendiri. Majalah yang diterbitkan sebanyak 19 keluaran ini juga telah meninggalkan banyak kesan sama ada kesan jangka pendek ataupun jangka panjang. Walaupun secara jelasnya pendudukan Jepun telah membawa penderitaan namun ia turut membawa rahmat disebaliknya.

4.1: Faktor Pemberhentian Majalah *Fajar Asia*

Kekalahan Tentera Jepun

Faktor utama majalah ini diberhentikan ialah pengunduran Kuasa Jepun daripada Tanah Melayu. Ini kerana apabila Jepun merasakan kuasa mereka tidak dapat menghalang kemaraan semula British ke Tanah Melayu, kuasa Timur ini hanya membiarkan sahaja majalah dan akhbar berkembang dengan sendiri.

Sikap tidak ambil peduli Jepun ini telah menyebabkan banyak syarikat-syarikat penerbitan kekurangan modal sehingga premis mereka terpaksa ditutup. Syarikat penerbitan Malai Shinbun Sha yang menerbitkan *Fajar Asia* turut mengalami nasib yang sama. Keadaan ini berlaku kerana pentadbiran Jepun pada masa ini banyak menitik beratkan soal peperangan berbanding pentadbiran di dalam negeri.

Sikap Jimat Cermat Jepun.

Jepun sememangnya terkenal dengan sifat berjimat cermat yang sangat tinggi dalam diri mereka. Sikap ini jugalah yang secara tidak langsung telah menyebabkan majalah *Fajar Asia* diberhentikan.

Politik Jepun sekitar 1944 telah menjalankan dasar berjimat cermat secara besar-besaran sebagai langkah mengurangkan perbelanjaan dalam negeri untuk kepentingan ketenteraan. Langkah yang diambil ini telah mengurangkan penggunaan kertas untuk percetakan bahan penerbitan di Malai termasuklah majalah *Fajar Asia*.

Disebabkan kekurangan kertas, ruangan menulis terpaksa dihadkan. Oleh itu, penulis hanya menumpukan perkara-perkara yang penting sahaja seperti hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran Jepun. Penjimatan kertas ini jugalah yang menyebabkan bilangan muka surat setiap keluaran *Fajar Asia* sentiasa tidak tetap kerana bergantung kepada pengeluaran kertas oleh pihak penerbitan Jepun.

Kurang Mendapat Sambutan penduduk

Majalah yang terbit dua kali sebulan ini walaupun terkenal dan diedarkan di seluruh Tanah Melayu dan Indonesia namun ia kurang mendapat sambutan dikalangan penduduk terutama mereka yang tinggal di kawasan pedalaman. Ini kerana naskhah-naskhah majalah ini hanya diedarkan di kawasan bandar sahaja sebaliknya kawasan pedalaman masih lagi tidak menerima manfaatnya.¹ Jika ada pun, hanya terdapat dikalangan golongan elit yang membelinya dari bandar.

¹ Temuramah dengan Tuan Hj. Ibrahim Idris pada 7 Oktober 2003

Pengedaran yang tidak memuaskan inilah yang menyebabkan majalah ini tidak mendapat sambutan daripada keseluruhan penduduk.

Tambahan pula dengan harga dua puluh lima sen senaskhah dirasakan amat membebankan dan nilai tersebut sangat berharga dan perlu digunakan untuk keperluan yang lebih penting. Ini kerana kemiskinan hidup menjadikan penduduk sangat berhati-hati di dalam perbelanjaan dan hanya membeli barang-barang yang penting sahaja.² Akhbar dan majalah bukanlah sesuatu yang dianggap penting kerana tanpa sumber tersebut mereka masih dapat mengetahui hal-hal yang berkaitan dengan negara melalui risalah-risalah yang diedarkan oleh pihak pentadbiran Jepun.

Selain itu, *Fajar Asia* juga kurang mendapat sambutan kerana kebanyakan masyarakat berpendapat ianya dijadikan wadah propaganda Jepun semata-mata. Ini kerana ramai penduduk hanya membacanya seimbis lalu sahaja tanpa meneliti isi tersurat yang cuba disampaikan oleh penulis. Ketidakprihatinan pembaca ini memberi kesan terhadap pengeluaran majalah *Fajar Asia* yang akhirnya terpaksa diberhentikan kerana kurangnya sambutan daripada keseluruhan penduduk khususnya orang Melayu.

² Rosnani Ibrahim, *Pendudukan Jepun Di Ulu Langat*, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 17

4.2: Sumbangan *Fajar Asia*

Majalah yang diterbitkan dengan harga dua puluh lima sen ini walaupun telah dijadikan propaganda Jepun namun ia juga dapat menyalurkan pelbagai sumbangan untuk kepentingan penduduk Tanah Melayu.

Ia merupakan aset pembakar semangat perjuangan orang Melayu untuk bangun berjuang mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara dari cengkaman Jepun. Selain itu, majalah yang hanya sempat diterbitkan dalam sembilan belas naskhah ini juga secara tidak langsung turut memartabatkan bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan Tanah Melayu disamping meningkatkan kembali kesenian dan kebudayaan masyarakat Melayu yang kian malap. Majalah ini juga turut menyiarkan berita-berita ekonomi sebagai pendedahan kepada rakyat.

Pencetus Kesedaran Nasionalisme

Walaupun pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah mengakibatkan penderitaan kepada penduduk namun disebalik kesukaran dan keperitan tersebut secara tidak langsung telah menyemarakkan kesedaran politik dikalangan penduduk Tanah Melayu khususnya orang Melayu. Jika sebelum pendudukan Jepun, orang Melayu seolah-olah tidak berkeyakinan untuk memerintah tanah air sendiri. Menurut John Funston Pendudukan Jepun telah:

"A politicize the Malay peasantry to the extent that they were available for mass mobilization immediately after the war" ³

Penderitaan yang dialami dan propaganda Jepun seperti *Asia Untuk Orang Asia* telah menambah keazaman orang Melayu untuk mencapai kebebasan politik dan kemerdekaan.⁴ Semenjak pendudukan Jepun di Tanah Melayu, semangat orang Melayu telah banyak berubah lebih-lebih lagi kerana terpengaruh dengan perasaan anti pejjajah. Tambahan pula, masyarakat di Tanah Melayu mendapati pentadbiran Jepun yang diharapkan untuk mempertahankan Tanah Melayu begitu mengecewakan.

Perasaan ini timbul selepas Jepun menyerahkan negeri-negeri di utara Tanah Melayu iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu kepada Siam pada tahun 1943 sebagai memenuhi janji dengan negara tersebut yang membenarkan tentera-tentera Jepun melalui Siam untuk mara ke Selatan tanpa gangguan ketika Jepun menyerang Tanah Melayu dahulu.

Jepun menganggap penduduk Tanah Melayu sebagai masyarakat heterogenous kerana selain daripada didiami oleh orang Melayu sebagai penduduk pribumi ia juga terdiri daripada bangsa mendatang iaitu Cina dan India. Kedua-dua

³ John Funston, *Malay Politics In Malaya*, London: Faber And Faber, 1965, hlm. 156

⁴ D.G.E. hall, *Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1979, hlm. 1000

kaum ini bukan satu yang asing kepada Jepun. China pernah terlibat dalam peperangan China-Jepun pada tahun 1937,⁵ sementara India pula telah dirancang oleh Jepun untuk membebaskan negeri mereka dari cengkaman British.⁶ Kedatangan Jepun telah memberi persepsi yang berbeza-beza pada setiap kaum di Tanah Melayu ketika itu sehingga wujud masalah perkauman.⁷

Walaupun *Fajar Asia* tidak banyak menyentuh mengenai orang Cina dan India namun sedikit sebanyak ia turut berjaya membangkitkan semangat penentangan terhadap Jepun walaupun pengorbanan mereka bukan untuk Tanah Melayu.

Sememangnya semenjak awal lagi telah dinyatakan bahawa *Fajar Asia* merupakan medium perjuangan dan pengorbanan orang Melayu untuk mempertahankan tanah air dari penguasaan Jepun. Ini dapat dilihat apabila *Fajar Asia* dalam setiap keluarannya sering melaung-laungkan dasar perjuangan dan pengorbanan dikalangan penduduk.

⁵ Khoo Kay Kim, *Selangor Dahulu Dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, hlm. 146

⁶ Chin Kee Onn, *Malaya Upside Down*, Singapura: Jitt And Co. Ltd., 1946, hlm. 132

⁷ Ungku A. Aziz & T.H.Silcock, *Nationalism In Malaya, The Impact Of The Japanese Occupation dalam W.L.H.Holland (ed) Asia Nationalism And The West*, New York: The Macmillan Co., 1953, hlm. 289

Perjuangan dan pengorbanan ini perlu ditanam dalam setiap diri individu kerana dengan semangat inilah tanah air akan dapat dibebaskan dari belenggu penjajah. Perjuangan ini tidak hanya tertumpu kepada kaum Melayu sahaja sebaliknya harus disertai kaum-kaum lain khususnya kaum Cina dan India. Jika ketiga-tiga kaum majoriti di Tanah Melayu ini bergabung sudah tentu akan dapat menjatuhkan musuh seterusnya memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu.

Walaupun laungan *Fajar Asia* ini tidak secara terang-terangan namun ia telah berjaya menaikkan semangat perjuangan dikalangan pembacanya terutama golongan cerdik pandai yang memahami maksud tersirat penulis. Semangat perjuangan ini sekalipun tidak ditunjukkan secara terang-terangan namun ia telah berjaya memberikan kesan kepada penduduk setempat.

Pembangunan ekonomi

Seperti yang diketahui kedatangan utama Jepun ke Tanah Melayu ialah untuk menguasai ekonomi Asia Tenggara yang kaya dengan bahan mentah seperti petroleum, getah dan arang batu serta barang-barang makanan seperti beras.⁸ Apabila Jepun berjaya menguasai rantau ini, pelbagai rancangan ekonomi telah dijalankan untuk kepentingan mereka.

⁸ M.A.Aziz, *Japan Colonism and Indonesia*, The Hague: W. Van Hoeve, 1955. hlm. 33

Dalam hal ini *Fajar Asia* cuba memaparkan beberapa perkara yang berkaitan dengan perancangan ekonomi Jepun yang kononnya bertujuan untuk meningkatkan ekonomi penduduk Tanah Melayu. *Fajar Asia* banyak mendedahkan usaha Jepun dalam membaik pulih semula ekonomi negara selepas perang. Rancangan-rancangan ekonomi telah dipaparkan untuk pengetahuan penduduk.

Jepun mengatakan selama ini pembangunan ekonomi dikalangan orang Melayu dipinggirkan oleh penjajah British. Oleh itu, adalah satu tanggungjawab kepada mereka untuk membangunkan ekonomi tersebut. Antara perancangan ekonomi yang dipaparkan didada-dada majalah *Fajar Asia* ialah galakan Jepun meneroka tanah-tanah kosong untuk dijadikan tapak pertanian dengan memberikan kemudahan infrastuktur.⁹

Ini dapat dilihat apabila pada tanggal 5 Ichigatsu lebihkurang 500 orang pekerja jabatan kerajaan telah diberi taklimat tentang pertanian oleh pegawai pertanian Jepun. Pada tiap-tiap hari kelepasan am Jepun akan memerintahkan kakitangan kerajaan ini membawa peralatan pertanian untuk diajar mengenai pertanian selama 2 hari seminggu iaitu dari pukul 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari.⁸ Jepun berharap dengan adanya latihan pertanian ini, penduduk tempatan akan lebih efektif di dalam pertanian khususnya didalam sektor makanan bagi menampung keperluan beras yang tidak mencukupi.

⁹ *Fajar Asia*, 10 Sangatsu 2604, hlm. 7

⁸ *Ibid.*, hlm. 30

Jepun telah menggalakkan penanaman padi untuk menghindari kebuluran disamping tanaman makanan yang lain seperti ubi kayu, keledek serta jagung. Untuk menjayakan rancangan tersebut, banyak ladang-ladang getah dibersihkan untuk dijadikan kawasan bercucuk tanah, sementara sawah-sawah padi pula telah dibangunkan dengan memberi biji benih serta memperkenalkan teknik baru dalam pertanian. Padi juga telah berjaya ditanam dua kali setahun dengan bantuan teknologi Jepun. Walaupun begitu penduduk Cina tidak menyertai rancangan tersebut sebaliknya telah mengusahakan pertanian di pinggir hutan.⁹

Dalam memperkembangkan bidang ini, melalui majalah *Fajar Asia* Jepun telah mengemukakan beberapa cadangan iaitu:

1. *Memberi dengan percuma tanah kepada orang mahu bertani dan memberi bantuan yang luarbiasa bagi mereka kepada orang yang mahu berladang kebun baharu di bahan tuan gabenor memberi gelaran 'orang nombor satu' ertinya orang yang tinggi darjahnya kerana berkhidmat kepada negeri dan kerajaan.*
2. *Mendirikan sekolah pertanian di kampung supaya kaum-kaum tani bekerja dengan aturan yang sempurna dengan memperoleh hasil yang banyak dan sekolah-sekolah ini akan mengeluarkan kaum-kaum tani yang berpelajaran dalam pertanian.*

⁹ Sheela Abraham, *Sejarah Perkembangan Negara*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1993, hlm. 137

3. Mendatangkan kaum-kaum tani dari lur daerah untuk memajukan kawasan yang masih luas. Seperti negeri sembilan yang tidak cukup, pemerintah jemput dari Minangkabau, Sumatera yang sekarang sudah membantu tanah dan bersawah ladang.¹⁰

Dalam menjalankan langkah-langkah ini, Jepun telah mendapat kerjasama yang baik daripada penduduk tempatan.

Selain itu melalui *Fajar Asia* juga, Jepun telah mengemukakan beberapa langkah untuk menangani masalah kegawatan ekonomi di Tanah Melayu. Dalam masa yang sama Jepun telah menyeru penduduk supaya tekun berusaha dan beberapa langkah telah disyorkan dan dicetak didalam *Fajar Asia* untuk menangani masalah kemerosotan ekonomi Tanah Melayu iaitu:

1. Kaum terpelajar yang mempunyai pengetahuan dalam sesuatu bidang hendaklah dengan segera menunjukkan pekerjaanya yang dapat mendatangkan hasil bagi kemajuan rakyat. Contoh orang dalam ahli ilmu mesin, pertukangan, membuat makanan, pakaian dan perkakasan.
2. Kaum hartawan yang menyimpan wangnya menjadi padanya yang mesti dengan tidak memberi penghasilan, masukkanlah wangnya kepada segala perusahaan bangsa dan perdagangan umat kita. Bantu orang-orang yang berilmu yang

¹⁰ Ibid.

berkemahiran supaya kepandaiannya tidak mendatangkan hasil bagi bangsanya, dirinya dan tuan hartawan sendiri.

3. *Orang yang masih menganggur janganlah menggantung harap kepada makan gaji sahaja, janganlah hanya mengharapakan tuhan nya memberi makan. Tetapi libatkanlah ikhtiar sendiri, dalam pertanian, perusahaan dan perdagangan jangan malu berpakaian koyak, memikul barang dagangan, membawa cangkul dan tajak, berjualan ke kampung-kampung dan membanting tulang membuka perusahaan sendiri. Tujukanlah di sanubarimu mahu bekerja sendiri, tajak di atas kaki sendiri, dan bekerja dengan titik padu sendiri.¹¹*

Selain daripada seruan ini banyak lagi paparan-paparan ekonomi yang dimuatkan di dalam *Fajar Asia*, misalnya Jepun telah menggalakkan penduduk menggunakan keperluan harian yang dibuat sendiri dengan alasan Jepun mahukan rakyat sentiasa berdikari. Kasut telah dibuat daripada getah sekerap, seluar dari kain guni dan tempe dari biji getah. Daya kreativiti penduduk pada tahap ini dapat membantu mereka dari ancaman kebuluran.

¹¹ *Fajar Asia*, 27 Sangatsu 2603, hlm. 8

Memartabatkan Kesenian Bangsa

Sebagai akhbar terkemuka pada tahun 1940-an, *Fajar Asia* bukan sahaja membawa persoalan politik, ekonomi dan sosial sahaja, namun kandungan *Fajar Asia* turut mengandungi ruangan sajak, puisi, pantun dan juga seloka. Pelbagai bentuk penulisan prosa ini telah dipaparkan oleh golongan penulis.

Misalnya terdapat pantun dua kerat, empat kerat, enam kerat dan juga lapan kerat yang ditulis sama ada untuk hiburan ataupun untuk menyampaikan maksud tertentu. Begitu juga dengan penulisan puisi, syair dan juga seloka. Kesemua bentuk penulisan yang dimuatkan di dalam *Fajar Asia* ini secara tidak langsung akan dapat meninggikan kesenian budaya Melayu. Sambutan yang manggalakkan daripada pembaca menunjukkan ruangan ini sangat diminati oleh masyarakat tempatan.

Selain terdapat penulisan berbentuk prosa tersebut, *Fajar Asia* juga dalam setiap keluaran akan memuatkan iklan tentang pertunjukan kebudayaan seperti makyong, sandiwara ataupun pertunjukan wayang kulit. Iklan-iklan ini mempromosi persembahan kebudayaan tersebut dengan menyatakan tempat dan bila ianya akan dipersembahkan. Disini jelas menunjukkan peranan media cetak sangat penting dalam mempromosi sesuatu pertunjukan dan ini secara tidak langsung akan memartabatkan seni kebudayaan Melayu.

4.3: Kesan Penerbitan *Fajar Asia*

Fajar Asia merupakan salah-satu akhbar yang terkemuka pada tahun 1943 hingga 1944 dan kehadirannya di dalam bidang persuratkhabaran adalah sebagai satu kesinambungan idea, falsafah, dan suara kepada akhbar yang terdahulu.

Dengan terbitnya majalah ini sedikit sebanyak telah meninggalkan kesan kepada rakyat. Tidak dinafikan lahirnya *Fajar Asia* adalah sebagai melaksanakan propaganda Jepun yang telah disyaratkan kepada semua jenis penerbitan pada waktu itu, namun secara terperinci didapati majalah *Fajar Asia* bukan sahaja menyampaikan propaganda Jepun tetapi turut mempunyai mesej untuk menaikkan semangat penduduk melawan kuasa penjajah yang mahu menguasai Malaya. Wartawan pada masa ini telah menjadikan akhbar sebagai wadah untuk menyuarakan kepincangan yang berlaku pada masa tersebut.

Walaupun majalah *Fajar Asia* ini tidak dapat bertahan lama, namun kehadirannya tetap meninggalkan kesan terutama kepada golongan kelas menengah. Disini diteliti secara terperinci kesan jangka pendek dan jangka panjang kesan daripada penerbitan *Fajar Asia*.

Kesan Jangka Pendek

Dalam jangka masa pendek *Fajar Asia* telah berjaya memupuk semangat baru dari segi sikap dan pemikiran penduduk. Penulis Malai dan Indonesia telah membuka minda masyarakat dari terlena dengan janji-janji manis Jepun. Kini masyarakat mula sedar bahawa penjajah hanya membawa kebinasaan kepada tanah air sementara mereka pula telah diperkotak-katikkan untuk menjayakan misi Jepun tersebut.

Oleh itu, masyarakat mula terfikir hidup mereka tidak akan berubah jika masih dibawah penguasaan penjajah dan mereka perlu bangkit untuk mengubah nasib diri sendiri. Jika sebelum ini penduduk mengharapkan Jepun akan membantu menghalau Inggeris tetapi mereka mula sedar dengan sikap sebeginilah Jepun telah mengambil kesempatan menjadikannya batu loncatan untuk meraih kepentingan sendiri.

Namun sekarang dengan kata-kata tersirat dalam *Fajar Asia*, masyarakat mula sedar mereka sendiri perlu bangun untuk mempertahankan tanah air. Tambahan pula keperitan hidup pada zaman Jepun ini telah menginsafkan mereka bahawa Jepun masih tidak mampu untuk mentadbir Tanah Melayu secara teratur.

Perubahan sikap masyarakat mula terserlah apabila mereka mula menceburkan diri dan bergiat cergas di dalam perusahaan kecil-kecilan seperti

perusahaan berasaskan jerami, mengkuang untuk membuat guni dan tali juga perusahaan untuk membuat gula nyiur dan minyak pelita dengan menggunakan bahan dari kelapa.

Selain itu penduduk mula matang dalam membuat sesuatu perkara juga mula berani melakukan protes terhadap Jepun. Ini dapat dilihat apabila penduduk mula tidak melakukan arahan yang telah ditetapkan oleh Jepun seperti tidak mengerjakan sawah padi dengan memberikan pelbagai alasan.¹² Sikap protes ini menunjukkan rakyat mulai sedar mereka tidak akan dijajah dan menjadi hamba lagi di tanah air sendiri.

Sehubungan dengan itu, penduduk juga telah menggunakan segala kemudahan yang disediakan oleh Jepun seperti belajar bahasa Jepun di sekolah-sekolah yang disediakan oleh kuasa Bushido ini. Selain itu penduduk juga telah menceburi seni pertukangan, teknik dan vokasional untuk mempersiapkan diri memerangi pemerintahan Jepun.

Penduduk juga mula menyertai pasukan tentera sukarela Giyu Gun atau Tentera Pembela Tanah Air (PETA) yang ditubuhkan pada tahun 1944.¹³ PETA yang dibentuk oleh Jepun ini sebenarnya bertujuan sebagai persediaan untuk

¹² Mohammad Isa Othman, *Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu*, hlm. 90-92

¹³ Malai Sinpo, 20 Januari 1944

menghadapi serangan musuh. Tetapi penduduk kemudiannya menjadikan latihan tentera ini sebagai landasan untuk menentang tentera Jepun kelak. Ini kerana pemuda Melayu yang mendapat latihan dalam PETA kemudiannya muncul sebagai nasionalis yang bergerak secara militan.

Pihak Jepun seterusnya telah menggalakkan Ibrahim Hj. Yaakob menubuhkan kekuatan rakyat Istimewa (KRIS) pada bulan Julai 1945.¹⁴ Ibrahim Hj. Yaakob menggunakan asas-asas K.M.M di pelbagai tempat di Tanah Melayu untuk mengerahkan tenaga bagi penubuhan KRIS yang kemudiannya berjuang untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu.

Rancangan dibuat untuk melancarkan KRIS secara rasmi dalam satu kongres pemuda yang diadakan pada 17 Ogos 1945 di Station Hotel, Kuala Lumpur. Namun begitu, rancangan ini tidak membuahkan hasil kerana belum sempat KRIS melangkah lebih jauh, Jepun telah menyerah kalah kepada tentera Bersekutu pada Ogos 1945 apabila dua bandar utamanya iaitu Hiroshima dan Nagasaki telah dibom oleh Amerika Syarikat.

Selain itu, penubuhan majlis penasihat oleh Jepun yang membenarkan rakyat mengambil bahagian dalam pentadbiran di Tanah Melayu juga memberi peluang kepada penduduk menguruskan pentadbiran dan ini digunakan sebagai persediaan untuk berkerajaan sendiri.

¹⁴ Gordon P. Means, *Malaysian Politics*, London: Hodder And Stroughton, 1976, hlm. 45-46

Pemerintahan dan pentadbiran yang disediakan oleh Jepun di Tanah Melayu ini memperlihatkan ramai dikalangan anak watan telah mendapat telah mendapat pengalaman dalam pentadbiran. Pengalaman-pengalaman mereka memegang jawatan seperti Pegawai Daerah telah memberi keyakinan bahawa orang Melayu mempunyai kebolehan untuk mentadbir tanah air sendiri.

Melalui hasil penulisan di dalam *Fajar Asia* inilah secara tidak langsung rakyat mula sedar dan mereka kini tidak lagi bersikap hanya berserah kepada nasib semata-mata untuk mengubah kehidupan mereka sebaliknya mereka perlu bangkit berjuang untuk memperbaiki nasib di negara tumpah darah sendiri.

Kesan Jangka Panjang

Kesan jangka panjang yang dapat dilihat daripada penerbitan majalah *Fajar Asia* ini ialah lahirnya sentimen nasionalisme dikalangan orang Melayu. Inilah jasa golongan penulis yang memperjuangkan dasar ini sejak tahun 1920-an lagi sehingga pada zaman pemerintahan baru ini. Lahirnya *Fajar Asia* sebenarnya hanyalah sebagai penyambung usaha akhbar-akhbar dan majalah terdahulu sebagai pemangkin mencetuskan nasionalisme dikalangan penduduk tempatan.

Isu mengenai hak-hak politik orang Melayu dan mengenai pembahagian kuasa didalam pentadbiran mula diperdebatkan¹⁵ dan dipersoalkan oleh orang Melayu sebagai penduduk pribumi negara. Orang Melayu mula sedar mengenai hak-hak istimewa mereka dan kesemua perkara yang berlaku pada zaman pendudukan Jepun telah membuka mata orang Melayu untuk terus berjuang mempertahankan hak. Kesedaran orang Melayu ini terus diperjuangkan ketika British kembali semula ke Tanah Melayu selepas Jepun menyerah kalah pada bulan Ogos 1945.

Secara keseluruhannya kedatangan Jepun boleh dianggap telah mempercepatkan kesedaran kebangsaan dikalangan orang Melayu dimana kesedaran kebangsaan ini sukar didapati dikalangan mereka pada masa sebelum perang. Orang Melayu sebelum pendudukan Jepun lebih mengenali watan daripada negara, cita-cita politik mereka agak terbatas dengan memberikan taat setia kepada raja lebih kuat daripada perasaan kebangsaan dalam konteks yang lebih luas iaitu tumpuan kepada Tanah Melayu sebagai satu entiti politik.¹⁶

¹⁵ Zulkipli Bin Mahmud, *Warta Malay Penyambung Lidah Bangsa Melayu 1930-1941*, Selangor: Terbitan Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977, hlm. 33

¹⁶ Abdul Latif Abu Bakar, *Akhbar Desentralisasi dan Persatuan Negeri Melayu dalam Sejarah Masyarakat Melayu Modern*, Khoo Kay Kim, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, 1985, hlm. 135.

Penderitaan dan kesengsaraan yang dialami dan juga dasar propaganda Jepun seperti *Asia Untuk Asia* telah menambahkan lagi keazaam orang Melayu untuk mencapai kebebasan politik dan kemerdekaan. Kesedaran kebangsaan ini telah berkembang di seluruh negara di Asia Tenggara.¹⁷

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu juga telah mengakibatkan orang India dan Cina bertambah kukuh dengan sentimen keIndiaan dan kecinaan mereka. Di Tanah Melayu, kegiatan politik kaum India bermula apabila Central Indian Association Of Malaya ditubuhkan pada tahun 1937. Pertubuhan inilah yang telah menyatukan barisan kaum India untuk membuat tuntutan daripada British,¹⁸ ia juga mempunyai hubungan yang rapat dengan pergolakan yang berlaku di India. Dalam hal ini pihak Jepun telah menggalakkan orang India menumpukan perjuangan pembebasan negara India dari cengkaman British. Polisi Jepun yang menggalakkan Orang India menumpukan perhatian kepada perjuangan pembebasan India menyulitkan proses mewujudkan semangat kenegaraan di Tanah Melayu.

Seperti kaum India, kaum Cina juga mempunyai pertubuhan mereka sendiri. Walaupun berbeza dengan India, Cina mempunyai dua pertubuhan sepanjang pendudukan Jepun. Pertubuhan tersebut ialah Malayan People Anti

¹⁷ John Funston, *Malay Politics In Malaysia*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1980, hlm. 35

¹⁸ S. Arasaratnam, *Indian In Malaysia And Singapore*, Singapore: Oxford University Press, 1970, hlm. 98

Japanese Army (MPAJA) dan Overseas Chinese Association (OCA) yang ditubuhkan oleh Jepun. Pergerakan MPAJA sangat radikal dan mendapat sokongan hampir keseluruhan kaum Cina di Tanah Melayu untuk menentang Jepun. Pergerakan ini menjalin kerjasama dengan Force 136 dan mendapat sokongan daripada pihak British.¹⁹

Bagi menangani masalah inilah Jepun telah menubuhkan OCA pada tahun 1942 yang bertujuan untuk memanipulasikan sentimen anti-Jepun kaum Cina. Jepun berharap dengan penubuhan OCA ini kegiatan penentangan kaum Cina akan berakhir. Tetapi tindakan Jepun ini tidak berjaya sebaliknya bekalan senjata yang mencukupi dan pengalaman perang gerila di hutan yang dimiliki oleh MPAJA semasa pendudukan Jepun telah menyebabkan Parti Komunis Malaya (PKM) melancarkan pemberontakan bersenjata pada bulan Jun 1948 dengan tujuan untuk menubuhkan republik komunis di rantau Asia.

Tetapi selepas berakhirnya pendudukan Jepun, kaum-kaum pendatang ini telah menganggap Tanah Melayu sebagai tanah air mereka. Jika pada zaman Jepun, orang India masih taatkan negara mereka dengan penubuhan Indian Independence league (ILL) tetapi pertubuhan ini kemudiannya telah dibubarkan. Sementara itu, orang Cina dengan MPAJA dan orang Melayu dengan KMM, namun begitu corak perjuangan politik selepas pendudukan Jepun

¹⁹ Radin Soekarno, *Malay Nationalism 1900-1945 dalam Journal Of Southeast Asian History, Vol. 1, no. 1*, (Singapore), Mac, 1960, hlm. 23

memperlihatkan ciri-ciri perubahan seperti adanya penentangan secara kolektif dan umum.

Penentangan secara kolektif ini dapat dilihat apabila orang Melayu bersatu menentang penubuhan Malayan Union yang diperkenalkan oleh British pada 1 April 1946 yang memberi taraf kewarganegaraan yang sama rata bagi semua orang tanpa mengira bangsa atau asal keturunan.

Penentangan orang Melayu ini telah membawa penubuhan UMNO yang kemudiannya telah bergabung dengan Persatuan Cina Malaya dan Kongres India Malaya membentuk Parti Perikatan untuk menuntut kemerdekaan daripada British. Akhirnya dengan semangat kerjasama dikalangan tiga kaum dominan Melayu, Cina dan India ini, Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 melalui rundingan dengan kerajaan British.

KESIMPULAN

Sepanjang tempoh lebih kurang tiga tahun lapan bulan, Tanah Melayu telah berada di bawah penguasaan tentera Jepun. Dalam tempoh ini pelbagai perubahan telah berlaku termasuk perubahan pentadbiran yang memberi kesan mendalam kepada penduduk tempatan. Kesengsaraan dan penderitaan hidup pada zaman pemerintahan Malai ini mendorong golongan wartawan menyemarakkan sentimen nasionalisme melalui penulisan mereka.

Bidang penulisan pada zaman pemerintahan Jepun sangat berbeza dengan penulisan pada zaman kolonial British. Ianya diletakkan dibawah bidang kuasa Sanden Bu atau Pejabat Propaganda Jepun yang berpusat di Singapura. Sementara kesemua bahan penulisan akan ditapis dahulu oleh kuasa Hodo Bu atau Pejabat Besar Propaganda yang bertanggungjawab keatas semua akhbar dan majalah agar bersesuaian dengan kehendak kuasa Jepun.

Selain itu, pelbagai sekatan dan prosedur turut dikenakan dan yang paling utama ialah bahan penerbitan tersebut mestilah melaungkan cita-cita *Kemakmuran Bersama Rantau Asia Timur Raya* dengan memuja semangat Bushido. Selain itu, nama bahan yang hendak diterbitkan juga mestilah bercirikan negara Jepun. Ini dapat dilihat pada 16 nama-nama akhbar dan majalah yang terbit pada zaman Jepun seperti *Penang Shinbun*, *Cahaya Timur*, *Matahari*

Shinbun, Pancaran Matahari, perubahan baharu, Berita Malai, warta Malaya, Maturui, Asia Baharu, Matahari Memancar, sinar Matahari, Suara Timur, Cermin Hidup serta *Fajar Asia* kesemuanya melambangkan negara matahari terbit tersebut.

Lambang dan motto bahan yang hendak diterbitkan juga mestilah berunsurkan Jepun, selain nama-nama yang digunakan mempunyai maksud tertentu untuk kepentingan Jepun. Lambang seperti matahari sedang terbit dengan dua batang pokok kelapa misalnya telah digunakan oleh akhbar *Perubahan Baharu*. Sementara itu, motto mestilah melambangkan sokongan terhadap pendudukan Jepun ataupun yang berkaitan dengan kesenian dan kebudayaan Melayu seperti motto *Fajar Asia* iaitu *untuk memajukan kebudayaan dan kesenian*. Majalah-majalah seperti *Suara Timur, Semangat Asia* dan *Fajar Asia* pula menggambarkan penyatuan negara-negara Asia untuk menyingkirkan kuasa Barat.

Sekatan-sekatan yang terperinci oleh pentadbiran Jepun inilah yang menjadikan bidang peratkhabaran Melayu mulai merosot. Dikatakan hanya 16 akhbar dan Majalah sahaja yang diterbitkan berbanding 183 jenis pada zaman pendudukan British. Kebanyakan penerbit telah berhenti ataupun diberhentikan oleh Jepun kerana melanggar akta-akta penerbitan yang telah ditetapkan.

majalah ini bertujuan melahirkan propaganda Jepun tetapi dengan berselindung disebalik slogan *Memajukan Kebudayaan Dan Kesenian* penulis tetap dapat menyampaikan hasrat mereka.

Fajar Asia sebenarnya bermatlamat untuk menyedarkan orang Melayu bahawa kedatangan Jepun tidaklah seperti yang diharapkan. Kekejaman, penindasan, kebuluran dan kesengsaraan hidup yang ditanggung menunjukkan kuasa Jepun juga tidak ubah seperti kuasa Barat. Oleh itu, *Fajar Asia* secara tersirat cuba menyemarakkan semangat anti-penjajah kepada penduduk setempat dengan harapan rakyat akan bangkit menentang.

Secara keseluruhannya *Fajar Asia* mengandungi ruangan yang meliputi ruangan belajar bahasa Jepun, kesenian bahasa, kebudayaan, pendidikan, adat resam Melayu, ruangan agama, ruangan ekonomi dan taman kanak-kanak. Ruangan ini ditulis dalam bentuk rencana, cerpen, sajak, lagu, puisi dan pantun.

Fajar Asia hanya sempat mengeluarkan 19 naskhah sahaja dan penerbitan terakhirnya pada 10 April 1944. Pemberhentian majalah yang dikeluarkan dua kali sebulan ini berdasrkan beberapa faktor dan sebab utamanya ialah kekalahan tentera Jepun kepada tentera Bersekutu pada ogos 1945.

Dengan kepintaran golongan wartawan ini, walaupun *Fajar Asia* merupakan medium propaganda Jepun namun ideologi sebenar mereka masih

dapat disampaikan. Secara kiasan golongan wartawan ini mengutuk pemerintahan British tetapi realitinya penulisan tersebut sebenarnya ditujukan kepada Jepun. Ini kerana, kehidupan pada zaman pemerintahan Jepun jauh lebih getir berbanding dengan zaman pemerintahan kolonial British.

Tetapi perjuangan *Fajar Asia* tidak menyeluruh kerana hanya segelintir penduduk yang terdiri daripada golongan cendekiawan sahaja yang memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penulis-penulis *Fajar Asia*. Sementara sebilangan besar lagi masih tidak menerima manfaatnya disebabkan beberapa faktor seperti membaca sekadar sepintas lalu ataupun kesempitan hidup menyukarkan mereka mendapatkan naskhah majalah ini terutama penduduk yang tinggal dikawasan pedalaman.

Walaupun begitu, secara keseluruhannya *Fajar Asia* ini telah meninggalkan banyak kesan sama ada kesan jangka panjang ataupun jangka pendek. Ia juga telah berjaya membekalkan semangat juang didalam diri golongan wartawan dan cendekiawan. Ini dapat dilihat apabila kesedaran kebangsaan dikalangan orang Melayu telah berkembang dimana kesedaran kebangsaan ini sukar didapati dikalangan mereka pada masa sebelum perang berbanding selepas kejatuhan Jepun. Kesedaran ini jugalah yang menyumbang terhadap pergolakan sosial, ekonomi dan politik pelbagai kaum di Tanah Melayu dalam menuntut kemerdekaan.

Selepas Tanah Melayu kembali berada dibawah penguasaan British, golongan pejuang-pejuang kemerdekaan pada zaman pendudukan Jepun terus mempergitkan usaha mereka. Akhirnya selepas beberapa rundingan Tanah Melayu telah berjaya mencapai kemerdekaan daripada British pada 31 Ogos 1957.

Malayan
Union

— manifestasi
kepd. penentangan
penjajahan
British yang
di semorakan
oleh Jepun
1941-45

melalui
Pagar Asia

BIBLIOGRAFI

Sumber Pertama

Akhbar Dan Majalah

Fajar Asia 25 Ichigatsu 2603

Fajar Asia 15 Nigatsu 2603

Fajar Asia 10 Sangatsu 2603

Fajar Asia 27 Sangatsu 2603

Fajar Asia 13 Shigatsu 2603

Fajar Asia 29 Shigatsu 2603

Fajar Asia 15 Gogatsu 2603

Fajar Asia 31 Gogatsu 2603

Fajar Asia 28 Rokugatsu 2603

Fajar Asia Hachigatsu 2603

Fajar Asia 20 Kugatsu 2603

Fajar Asia 25 Jugatsu 2603

Fajar Asia 16 Juehigatsu 2603

Fajar Asia 15 Junigatsu 2603

Fajar Asia Ichigatsu 2604

Fajar Asia 10 Sangatsu 2604

Malai Sinpo, 20 Januari 1944

Seruan Rakyat, Kuala Lumpur, 18 November 1945

Sumber Kedua

Buku-Buku

Abdul Latif Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai: Wartawan dan Sasterawan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1964.

Abdullah Zakaria, *Pentadbiran Tentera Jepun dan Thai di Terengganu, 1942-1945*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1996.

Abdullah Hussein, *Pendeta Za'ba Dalam Kenangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1974.

Abdullah Bin Jaafar, *Al-Imam Lembaran Akhbar Melayu*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.

Ali Ahmad, *Tema Sajak-Sajak Melayu 1933-1969*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1984.

Arasaratnam, S., *Indian In Malaysia And Singapore*, Singapore: Oxford University Press, 1970.

Arenawati, *Cerpen-Cerpen Zaman Jepun Satu Kajian*, Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara, 1968.

Auwjong Peng Koen, *Perang Pasifik 1941 hingga 1945*, Jakarta: Kengpo, 1957.

Aziz, M.A., *Japan Colonism and Indonesia*, The Hague: W. Van Hoeve, 1955.

Chin Kee Onn, *Malaya Upside Down*, Singapura: Jitt and Co. Ltd, 1946.

Eiichiro Ishida, *Budaya Jepun (Kajian tentang asal-usul Dan Cir)*, terjemahan Mokhtar Ahmad, Selangor: Pustaka Cipta Sdn. Bhd. 1986.

Francis Dyer, *The Print And The Broad Casting Media In Malaysia*, Kuala Lumpur: South East Asia Press Centre, 1974.

Gordon Means, P., *Malaysian Politics*, London: Hodder And Stroughton, 1976.

Hall, D.G.E., *Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1979.

Hans Kohn, *The Idea Of Nationalism Kohn, Hand, nationalism Internationals Encylopedia Of The Social Science*, Amerika: The Mac Millan Company.

Harun Che Su, *Pandang Ke Timur, Mengapa Jepun Jadi Pilihan*, Kuala Lumpur: Moden Akademik Institut Bena Syarikat S.H.Shahlan, 1982.

Iskandar Hj. Ahmad D.R.S., *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1980.

Jihaty Abadi, Dr. Azran Ralman, Amida Abdul Hamid, *Sari Sejarah Kesusasteraan Melayu-Indonesia (Tradisional Dan Moden)* 1976.

John Funston, *Malay Politics In Malaya*, London: Faber And Faber, 1965.

Khoo Kay Kim, *Kenegaraan 25 Tahun, satu perspektif sejarah*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1980.

Khoo Kay Kim, *Selangor Dahulu Dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1985.

Kratoska Paul, h., *The Japanese Occupation Of Malaya 1941-1945*, Australia: Allen & Unwin, 1998.

Michael Belfour, *Propaganda In War 1939-1945*, Boston: Routledge and Kagen Paul, 1979.

Artikel Dalam Jurnal

Lee Ting Hui, Singapore Under The Japanese dalam *Journal Of The South Seas Society* vol xvii, 1961.

Radin Soekarno, *Malay Nationalism 1900-1945* dalam *Journal Of Southeast Asian History*, Vol. 1, no.1, (Singapore), Mac, 1960, hlm. 23.

Maymon Ariff, *Kegiatan Politik Melayu Tahun 1930-an* , Jebat, bil ¾, 1973/41974/5, University Kebangsaan Malaysia, hlm. 43.

Artikel Dalam Buku

Abdul Latif Abu Bakar, Akhbar Desentralisasi dan Persatuan Negeri Melayu dalam *Sejarah Masyarakat Melayu Modern*, Khoo Kay Kim, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malay, 1985, hlm. 135.

Abdul Ghapha Harun, Teori Kolonial Dan Kemunduran Pribumi Dalam *Akhbar Dan Majalah Di Malaysia: Sejarah Dan Perkembangan*, Selangor: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988, hlm. 125.

Kratoska Paul, H., Malaya And Singapore During The Japanese Occupation, *Journal Of Southeast Asian Studies Special Publication*, Singapore: University Press, 1995.

Rosmera dipetik oleh Anuar Ridzuan, *Di Sekitar Pemikiran Kesusasteraan Malaysia 1952-1972*, _____ 1976.

Samad Buang, Perkembangan Akhbar Dan Majalah Pada Zaman Jepun (1941-1945) Dalam *Pelita Bahasa*, Ogos 1993.

Ungku Aziz, A & Silcock, T.H., Nationalism In Malaya, The Impact Of The Japanese Occupation dalam *W.L.H.Holland (ed) Asia Nationalism And The West*, New York: The Macmillan Co, 1953.